



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



2021

**SIRI KOLEKSI PERTANYAAN DAN
JAWAPAN PARLIMEN (DEWAN RAKYAT)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

UNIT PARLIMEN
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Tingkat 13, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

SIDANG REDAKSI:

- Penasihat** : Dato` Shahrudin Bin Abu Sohot
Ketua Editor : Dr. Aini Andria Shirin Binti Anuarudin
Editor : Che Hazwani binti Che Mansor
: Abdul Syafiq bin Abdul Samat
: Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf
- Bacaan Pruf** : Norlela Binti Abd Halim
Nurshamimi Binti Hussain

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Kategori Isu Kementerian Pengajian Tinggi	5
2	Analisis Jumlah Pertanyaan Mengikut Kategori Isu	6
3	MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT [13 September hingga 12 Oktober 2021]	7
4	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) <ul style="list-style-type: none">- Pertanyaan Lisan- Pertanyaan Bukan Lisan- Waktu Pertanyaan Menteri (<i>Ministry Question Time</i>)	8
5	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	20
6	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	73
5	Waktu Pertanyaan Menteri (MQT)	94
6	MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT [25 Oktober hingga 16 Disember 2021]	97
7	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) <ul style="list-style-type: none">- Pertanyaan Lisan- Pertanyaan Bukan Lisan- Waktu Pertanyaan Menteri (<i>Ministry Question Time - MQT</i>)	98
8	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	118
9	Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	210
10	Waktu Pertanyaan Menteri (MQT)	240


**SIRI KOLEKSI
PERTANYAAN DAN JAWAPAN
PARLIMEN**

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA DAN
KEDUA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021**

**KATEGORI ISU
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

BIL.	KATEGORI ISU	JUMLAH PERTANYAAN	MUKA SURAT
1.	COVID-19 dan Bantuan Pelajar	15	54, 58, 62, 68, 70, 74, 75, 77, 83, 92, 130, 147, 172, 195, 229
2.	Kebolehpasaran Graduan	14	21, 23, 33, 58, 91, 135, 144, 154, 158, 163, 185, 203, 211, 225
3.	Senat/ Lembaga Pengarah Universiti/ Naib Canselor	9	29, 80, 85, 89, 123, 132, 168, 180, 213
4.	Akademik dan Program Pengajian	8	21, 33, 64, 141, 143, 146, 156, 199
5.	PTPTN	7	150, 152, 167, 197, 226, 237, 238
6.	Data Pengajian Tinggi	7	82, 92, 93, 146, 165, 211, 235
7.	Hal Ehwal Pelajar	7	25, 62, 71, 121, 174, 189, 205
8.	Pengajaran dan Pembelajaran	7	37, 48, 50, 126, 137, 201, 231
9.	<i>Technical and Vocational Education and Training (TVET)</i>	7	66, 128, 144, 207, 209, 227, 233
10.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	4	27, 66, 87, 119
11.	Kualiti Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)/ <i>ranking</i>	4	23, 54, 77, 193
12.	<i>Research, Development and Commerce</i>	4	130, 149, 178, 193
13.	Kos Pengajian	4	41, 75, 83, 219
14.	Lain-Lain	4	60, 176, 191, 221
15.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akreditasi	3	27, 156, 217
16.	Program Keusahawanan dan Latihan Industri	3	39, 52, 187
17.	Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Kebebasan Akademik	3	35, 56, 161
18.	Kemasukan Pelajar ke IPT	3	165, 215, 223
19.	Biasiswa/ MYBRAIN	3	31, 45, 139
20.	Politeknik dan Kolej Komuniti	2	43, 170
21.	Penubuhan Baharu dan Naik Taraf IPT	2	43, 46
22.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi	1	172

ANALISIS JUMLAH PERTANYAAN MENGIKUT KATEGORI ISU



**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

[13 SEPTEMBER HINGGA 12 OKTOBER 2021]

**ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL KEEMPAT PARLIMEN KE-14
13 SEPTEMBER HINGGA 12 OKTOBER 2021**

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

14 SEPTEMBER 2021 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

15 SEPTEMBER 2021 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

16 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) -TIADA PERSIDANGAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	CUTI UMUM HARI MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA

20 SEPTEMBER 2020 (ISNIN) - 8 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 8]</p> <p>PR-1441-L12298</p> <p>Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kementerian ada menjalankan kajian berkenaan kesan pembelajaran <i>online</i> terhadap kualiti graduan dan kadar pengangguran sewaktu pandemik ini.</p>
2.	<p>[No. 13]</p> <p>PR-1441-L11789</p> <p>Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah usaha yang diambil dalam menggalakkan lebih banyak kepakaran dari pihak industri disumbangkan untuk meningkatkan <i>rating</i> dan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA).</p>
3.	<p>[No. 23]</p> <p>PR-1441-L12297</p> <p>Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menangani masalah kesihatan mental di kalangan mahasiswa pengajian tinggi yang mana telah banyak kematian.</p>
4.	<p>[No. 36]</p> <p>PR-1441-L11534</p> <p>Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan status terkini mengenai program-program di Limkokwing University of Creative Technology (LUCT) yang mana pentauliah telah ditarik oleh MQA dan apa yang telah dilakukan untuk membantu para pelajar yang terlibat.</p>
5.	<p>[No. 41]</p> <p>PR-1441-L11608</p> <p>Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan senarai perlantikan baru ahli-ahli Senat baru di semua universiti awam di Malaysia dari Mac 2020 hingga sekarang dan apakah kelayakan akademik tertinggi setiap mereka yang dilantik. Sama ada mereka dilantik mengikut hubungan politik atau keupayaan akademik mereka.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
6.	<p>[No. 55]</p> <p>PR-1441-L11480 Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan pelan bersasar buat lepasan SPM dari keluarga miskin luar bandar di Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi dalam jurusan minyak dan gas menerusi biasiswa tajaan Petronas dan syarikat-syarikat terkemuka yang lain.</p>
7.	<p>[No. 75]</p> <p>PR-1441-L12220 Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah terdapat sebarang usaha untuk melaksanakan pembaharuan dalam sistem pengajian tinggi terutamanya berkaitan silibus pengajian bagi kursus-kursus yang ditawarkan agar dapat membantu meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran para siswazah.</p>
8.	<p>[No. 81]</p> <p>PR-1441-L11479 Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meminda Akta 605a berhubung kakitangan akademik universiti untuk memastikan isu integriti dan kebebasan akademik lebih terjamin. Bilakah AUKU akan dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang yang lebih bersepadu dan mampu mengangkat wibawa pengajian tinggi tempatan.</p>

21 SEPTEMBER 2021 (SELASA) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

22 SEPTEMBER 2021 (RABU) -TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) - 9 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 3]</p> <p>PR-1441-L11498</p> <p>Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah untuk menambah baik kaedah pembelajaran secara maya bagi pelajar institusi pengajian tinggi untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi mereka ekoran bebanan tugasan, masa kuliah yang padat dan kaedah penilaian yang ketat hingga menyaksikan beberapa kes kematian pelajar akibat tekanan.</p>
2.	<p>[No. 8]</p> <p>PR-1441-L11962</p> <p>Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bagaimana latihan industri mahasiswa semasa pandemik. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.</p>
3.	<p>[No. 27]</p> <p>PR-1441-L11805</p> <p>Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran-yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.</p>
4.	<p>[No. 35]</p> <p>PR-1441-L12642</p> <p>Tuan Baru Bian [Selangau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan Parlimen Selangau adalah satu-satunya kawasan Parlimen yang belum mempunyai Kolej Komuniti di Sarawak. Adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah Kolej Komuniti di kawasan tersebut.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
5.	<p data-bbox="316 324 435 358">[No. 37]</p> <p data-bbox="316 403 528 437">PR-1441-L12048</p> <p data-bbox="316 449 1377 653">Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak tempoh pemberian biasiswa pasca siswazah yang berdasarkan minima tempoh pengajian setiap bidang dan bukan hanya 3 tahun seperti yang dilaksanakan ketika ini.</p>
6.	<p data-bbox="316 709 435 743">[No. 48]</p> <p data-bbox="316 789 523 823">PR-1441-L11700</p> <p data-bbox="316 834 1377 1084">Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kawasan titik tengah Semenanjung. Kedudukan strategik serta wujudnya infrastruktur yang baik menghubungkan daerah ini dengan Kuala Lumpur dan daerah-daerah lain tidak mempunyai satu pun Institusi Pengajian Tinggi. Adakah Kementerian ada merancang untuk menubuhkan IPT di daerah Temerloh.</p>
7.	<p data-bbox="316 1140 435 1174">[No. 49]</p> <p data-bbox="316 1220 528 1254">PR-1441-L12399</p> <p data-bbox="316 1265 1377 1515">Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah perancangan Kementerian membuka semula universiti dengan pembelajaran secara fizikal. Jika ada, nyatakan secara jelas SOP terbaru pembelajaran di dalam universiti dan ko-kurikulum, supaya siswa-siswi, ibu bapa, pensyarah, pengusaha kantin dan badan aktiviti siswa memahami semua SOP dengan jelas.</p>
8.	<p data-bbox="316 1571 435 1605">[No. 61]</p> <p data-bbox="316 1651 523 1685">PR-1441-L11820</p> <p data-bbox="316 1696 1377 1991">Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah status pengajaran dan pembelajaran untuk mahasiswa di IPTA dan IPTS dan apakah perancangan Kementerian untuk mengembalikan semula sesi pembelajaran agar mahasiswa dapat kembali di universiti masing-masing dengan pengamalan norma baru memandangkan ramai mahasiswa berhadapan dengan masalah tekanan susulan isu kematian mahasiswa yang berlaku baru-baru ini.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
9.	<p>[No. 67]</p> <p>PR-1441-L11943</p> <p>Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berkenaan isu penempatan mahasiswa untuk praktikal atau latihan industri (LI). Banyak syarikat atau agensi yang ditutup ataupun tidak dapat menjalankan LI kerana PKP. Justeru apakah respon/tindakan pihak Kerajaan khususnya KPT dalam usaha terkait jaminan penempatan LI kepada mahasiswa.</p>

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA

27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN) -TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	<p style="text-align: center;">Tiada Pertanyaan</p>

28 SEPTEMBER 2021 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	<p style="text-align: center;">Tiada Pertanyaan</p>

29 SEPTEMBER 2021 (RABU) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 12]</p> <p>PR-1441-L12422</p> <p>Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memastikan kualiti graduan tidak terjejas semasa tempoh pandemik COVID-19.</p>
2.	<p>[No. 40]</p> <p>PR-1441-L12289</p> <p>Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan hasil dapatan daripada penubuhan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.</p>

30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEEMPAT

4 OKTOBER 2021 (ISNIN) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

5 OKTOBER 2021 (SELASA) - 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 1]</p> <p>PR-1441-L11446</p> <p>Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan setakat manakah tahap kebolehpasaran graduan semasa pandemik COVID-19 ini dan nyatakan langkah Kementerian bagi menyediakan graduan yang berdaya saing di pasaran pekerjaan termasuk meningkatkan kebolehan insaniah atau <i>soft skill</i> di kalangan graduan bagi memastikan graduan memenuhi kehendak industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan semasa dan pasca pandemik COVID-19.</p>
2.	<p>[No. 7]</p> <p>PR-1441-L11792</p> <p>Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah perkembangan semasa Projek Kambing Tenusu yang diusahakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sejak tahun 2017 di Hulu Besut, Terengganu.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	<p>[No. 16]</p> <p>PR-1441-L12219</p> <p>Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menangani cabaran kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa yang telah terbeban sepanjang kelas diadakan secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19.</p>
4.	<p>[No. 58]</p> <p>PR-1441-L11831</p> <p>Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bagaimanakah kursus-kursus yang bersifat praktikal atau kerja di lapangan dijalankan sejak Mac 2020. Apakah mahasiswa yang mengambil bidang-bidang ini akan diberi kelas intensif tambahan.</p>
5.	<p>[No. 59]</p> <p>PR-1441-L11473</p> <p>Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah polisi yang akan digunakan untuk menyelamatkan IPTS pasca COVID-19. Apakah status usaha sama Kementerian dengan pihak industri dan business chambers negara-negara luar berhubung Pendidikan TVET.</p>

6 OKTOBER 2021 (RABU) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	<p style="text-align: center;">Tiada Pertanyaan</p>

7 OKTOBER 2021 (KHAMIS) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	<p style="text-align: center;">Tiada Pertanyaan</p>

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KELIMA

11 OKTOBER 2021 (ISNIN) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 2]</p> <p>PR-1441-L12218 Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:</p> <p>(a) strategi pembukaan semula Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara bagi sesi pengajaran secara bersemuka; dan</p> <p>(b) perkembangan program vaksinasi khususnya dalam kalangan pelajar mahasiswa.</p>
2.	<p>[No. 8]</p> <p>PR-1441-L12597 Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan untuk membentangkan kadar vaksinasi terkini bagi seluruh ekosistem pengajian tinggi negara termasuklah kumpulan mahasiswa, pensyarah serta staf sokongan di IPT seluruh negara.</p>
3.	<p>[No. 69]</p> <p>PR-1441-L11476 Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah langkah untuk memperbaiki SOP bagi KPT membendung dan mengelakkan kes gangguan seksual di institusi pendidikan di bawah KPT.</p>

12 OKTOBER 2021 (SELASA) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

12 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 27]</p> <p>PR-1441-T04754</p> <p>Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan peratusan warga kampus termasuk mahasiswa, tenaga pengajar dan pengurusan di Universiti Awam (UA) yang telah divaksin dengan dua dos sehingga Ogos 2021.</p>
2.	<p>[No. 111]</p> <p>PR-1441-T04594</p> <p>Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian tentang kebajikan mahasiswa. Adakah wujud langkah Kementerian bagi mengurangkan kos yuran di universiti ketika pandemik dan bagaimana Kementerian menangani masalah mahasiswa tiada capaian jalur lebar.</p>
3.	<p>[No. 117]</p> <p>PR-1441-T04511</p> <p>Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kedudukan atau ranking terkini Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara; dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan lagi kedudukan IPT negara ketika negara mendepani situasi pandemik COVID-19.</p>
4.	<p>[No. 121]</p> <p>PR-1441-T04515</p> <p>Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:</p> <p>(a) apakah peranan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) masih diteruskan dalam peralihan kepimpinan Universiti Awam (UA) terutamanya dalam pemilihan Naib- naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor; dan</p> <p>(b) apakah langkah yang diambil dalam menyelesaikan isu peralihan Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang baharu.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
5.	<p data-bbox="316 319 448 353">[No. 163]</p> <p data-bbox="316 403 533 437">PR-1441-T04861</p> <p data-bbox="316 444 1386 607">Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan statistik terkini mengenai bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) warganegara yang dilahirkan dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan anggaran bilangan pemegang ijazah PHD dari IPT luar negeri.</p>
6.	<p data-bbox="316 664 448 698">[No. 177]</p> <p data-bbox="316 748 533 782">PR-1441-T04602</p> <p data-bbox="316 789 1386 1034">Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kerajaan akan membatalkan yuran pendaftaran untuk pelajar yang berasal daripada keluarga B40 dan yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke pusat pendidikan tinggi mulai bulan September 2021 agar memastikan pelajar tidak tercicir daripada melanjutkan pelajaran akibat kekangan kewangan.</p>
7.	<p data-bbox="316 1086 448 1120">[No. 196]</p> <p data-bbox="316 1170 533 1204">PR-1441-T04378</p> <p data-bbox="316 1211 1386 1374">Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapa terdapat ramai lantikan dari pemimpin parti politik di LPU universiti awam. Apakah status Majlis Pendidikan Tinggi Kebangsaan.</p>
8.	<p data-bbox="316 1431 448 1465">[No. 196]</p> <p data-bbox="316 1515 533 1549">PR-1441-T04379</p> <p data-bbox="316 1555 1386 1673">Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah status terkini polisi <i>Way Forward for Private Higher Education as an Industry (2020-2025)</i>.</p>
9.	<p data-bbox="316 1725 448 1759">[No. 314]</p> <p data-bbox="316 1809 533 1843">PR-1441-T04544</p> <p data-bbox="316 1850 1386 1968">Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kriteria pemilihan calon Naib Canselor Universiti-Universiti Awam di Malaysia.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
10.	<p>[No. 333]</p> <p>PR-1441-T04618</p> <p>Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 sehingga 2021, adakah berlaku penurunan yang ketara.</p>
11.	<p>[No. 383]</p> <p>PR-1441-T04394</p> <p>Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar IPT yang terpaksa berhenti belajar akibat masalah kewangan dan kekurangan kemudahan pelajaran secara atas talian sepanjang pandemik COVID-19.</p>
12.	<p>[No. 390]</p> <p>PR-1441-T04743</p> <p>Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah bilangan pelajar yang telah berjaya menerima ijazah mereka untuk tahun 2019 dan 2020 dan daripada jumlah tersebut berapa ramai yang masih belum mendapat kerja</p>

WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)

21 SEPTEMBER 2021 (SELASA) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 1]</p> <p>PR-1441-MQT1194</p> <p>Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengenai peluang pendidikan tinggi yang disediakan terutamanya ke Universiti-Universiti Awam bagi lepasan diploma daripada politeknik-politeknik tempatan. Didapati ramai yang memperoleh keputusan yang cemerlang dari politeknik tidak mendapat tempat melanjutkan pelajaran di menara gading tahun ini. Mohon penjelasan.</p>

**MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT
TAHUN 2021**

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[LUMUT]**

TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN : **NO. 8**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian ada menjalankan kajian berkenaan kesan pembelajaran *online* terhadap kualiti graduan dan kadar pengangguran sewaktu pandemik ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti kita semua sedia maklum, pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara dalam talian kini telah menjadi suatu keperluan. Justeru itu, KPT melalui JPT dengan kerjasama MQA, dan Majlis Ketua-ketua e-Pembelajaran IPTA Malaysia sedang menjalankan Kajian Kualiti Pengajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19 di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Kajian ini mula dijalankan pada 15 November 2020 dan kini berada di peringkat akhir. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kualiti pembelajaran dalam talian, keberkesanan serta kesediaan pelajar, tenaga pengajar dan IPT untuk meneruskan pelaksanaan pembelajaran dalam talian.

Empat (4) kategori responden yang utama ialah pelajar, tenaga pengajar, kakitangan sokongan institusi serta governan IPT. Daripada perspektif pelajar, kajian ini memfokuskan kepada kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap PdP dalam talian. Bagi maksud itu, kajian tersebut mengukur aspek tahap kesediaan pelajar menjalani pembelajaran sendiri; keberkesanan infrastruktur, komunikasi dalam talian; serta kawalan diri dan motivasi pelajar.

Sebahagian daripada dapatan awal kajian menunjukkan bahawa 92.82% IPT di Malaysia mempunyai (dengan izin) *Learning Management System* atau LMS. Daripada jumlah tersebut, 62.2% IPT membangunkan LMS secara sendiri dan selebihnya menggunakan perkhidmatan dari luar institusi. Berhubung kesan terhadap emosi

pelajar, dapatan awal menunjukkan 78.4% pelajar tidak merasa tertekan dengan PdP dalam talian. Dapatan kajian ini akan digunakan oleh KPT, untuk menghasilkan satu (dengan izin) *Whitepaper on The Future of Online Learning in Higher Education*. Ia bakal membantu institusi menambah baik pelaksanaan dan kualiti pembelajaran dalam talian, dan ia dijangka akan diterbitkan pada November 2021.

Pada masa yang sama, Kementerian dengan kerjasama Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia juga telah menyiapkan satu kajian yang bertajuk, 'Kesan COVID-19 Terhadap Kebolehpasaran Graduan'. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan COVID-19 terhadap kebolehpasaran graduan serta mencadangkan tindakan intervensi bagi menangani isu ini. Skop kajian adalah termasuk menjalankan ramalan impak terhadap kesan pasaran untuk graduan sedia ada dan bakal graduan akibat pandemik dengan mewujudkan senario pasca COVID-19.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]
TARIKH	:	20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 13

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang diambil dalam menggalakkan lebih banyak kepakaran dari pihak industri disumbangkan untuk meningkatkan *rating* dan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menjalankan pelbagai usaha bagi menggalakkan lebih banyak kepakaran yang boleh dimanfaatkan secara bersama antara pihak industri dan akademia. Ini adalah untuk memastikan pengisian program pembelajaran di Universiti Awam (UA) selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri bagi meningkatkan *rating* dan kadar kebolehpasaran graduan di UA. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. **Program *CEO@Faculty*** – bertujuan untuk meningkatkan penyertaan sektor industri dan sektor awam dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman, ilmu dan kepakaran masing-masing untuk manfaat bersama.
- ii. **Program *Industry@University*** – dilaksanakan sebagai menyokong pelaksanaan Dasar *Industry4WRD* oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sehingga kini, sebanyak 42 program telah berjaya dianjurkan di bawah program ini, merangkumi 18 Program *4.0 Industry Revolution Competence Centre*, empat (4) Program *University Revolution Teaching Factory* MTUN dan 20 Program *Makers@University*.
- iii. **Program *MOHE and Intel Elite Internship*** – yang merujuk kepada Program Latihan Industri *Berstruktur (Structured Internship Programme)* yang

menghubungkan Latihan Industri (LI) dengan Projek Tahun Akhir (PSM) pelajar dalam bidang kejuruteraan mikroelektronik berpandukan konsep satu industri dan satu penyelia fakulti. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan kejuruteraan mikroelektronik dalam bidang rekabentuk cip dan sistem elektronik; dan

- iv. **Program Huawei Seed For The Future** – merupakan program kerjasama di antara KPT dan Huawei untuk pembangunan bakat tempatan dalam bidang ICT.

Selain itu, KPT juga telah mengadakan sesi rundingan kerjasama dengan pihak Kedutaan Besar luar negara di Malaysia. Tujuan sesi rundingan adalah untuk membincangkan mengenai latihan graduan universiti melalui program PENJANA KPT-CAP dan penempatan graduan di syarikat berkenaan di Malaysia selepas tamat latihan. Sehingga kini, beberapa rundingan telah diadakan bersama dewan perniagaan dan industri seperti *British Malaysian Chamber of Commerce (BMCC)*; *Malaysian German Chamber of Commerce and Industry (MGCC)*; *Trade Commissioner, High Commission of Canada to Malaysia*; *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry (CCIFM)* dan *American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM)*.

Usaha untuk menggalakkan keterlibatan pihak industri khususnya dalam meningkatkan *rating* UA turut diterjemahkan dalam strategi keempat Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 (PSKG), iaitu Pemerkasaan Hubungan Industri. Strategi ini mengandungi tiga (3) inisiatif dan lapan (8) aktiviti yang menekankan aspek peningkatan penglibatan industri agar lebih berstruktur; penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional; dan pencapaian indeks kepuasan majikan. Untuk makluman, pencapaian indeks kepuasan majikan merupakan satu daripada kriteria yang digunakan untuk mengukur kedudukan atau '*rating*' sesebuah universiti. Misalnya, '*QS Asian University Rankings*' menetapkan pemberat bagi indeks kepuasan majikan adalah 10 peratus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT]
TARIKH	:	20 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 23

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa pengajian tinggi yang mana telah banyak kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan peka dalam memastikan kebajikan serta kesejahteraan mental dan emosi mahasiswa sentiasa terjaga, terutamanya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan susulan penularan wabak COVID-19. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah:

- i. **Menyediakan perkhidmatan kaunseling.** Hampir 150 orang kaunselor dan pakar psikologi di universiti awam (UA) terlibat dalam memberikan perkhidmatan kaunseling menerusi platform *hotline*, secara dalam talian serta tele-kaunseling. Pihak JPPKK juga telah mengadakan sesi kaunseling berkelompok dan individu secara dalam talian melibatkan 2,377 pelajar dan 85 pegawai psikologi di Politeknik dan Kolej Komuniti. Ini bagi membantu pelajar menangani tekanan berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), pengurusan kewangan serta keselamatan mereka.
- ii. **Program-program berkaitan kaunseling dan pengurusan emosi.** Sebanyak hampir **560 program/ aktiviti kaunseling dan pengurusan emosi** anjuran pihak UA dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MAKUMA) yang telah dan sedang dirancang pelaksanaannya bagi tahun 2021. Antara yang boleh dikongsikan di sini ialah *Stress and Depression: How to Cope; Series Talk on Mental Health and Counseling; Pengurusan Stress* dan

Emosi semasa PKP; dan Pengurusan Kesihatan Mental Diri. UA juga telah mengambil inisiatif melaksanakan hampir **160 program/ aktiviti sokongan psikososial sepanjang** tempoh fasa *total lockdown* yang diumumkan oleh pihak Kerajaan bermula 1 sehingga 14 Jun 2021 yang lepas seperti saringan kesihatan mental secara dalam talian, dan e-psikologi. JPPKK pula telah melaksanakan 10 program psikologi di peringkat kebangsaan dan 118 program di peringkat institusi yang dikendalikan oleh pegawai psikologi di institusi masing-masing. Sementara itu, JPPKK turut menganjurkan **85 program kerohanian** untuk memberikan kesedaran tentang unsur-unsur kerohanian, insaniah dan keagamaan kepada pelajar bagi membantu mereka menangani tekanan. Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) juga telah menganjurkan dua (2) siri Program Kesihatan Mental secara dalam talian pada tahun 2020 dan sebanyak lima (5) Program Kesihatan Mental dirancang pelaksanaan bagi tahun ini.

- iii. **Membangunkan Modul Kesihatan Mental Pelajar IPT.** Pihak Kementerian dengan kerjasama MAKUMA dan diterajui oleh pasukan penyelidik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) turut berusaha **membangunkan satu Modul Kesihatan Mental Pelajar Intitusi Pengajian Tinggi (IPT)** yang komprehensif dan menyeluruh bagi menangani tekanan, kemurungan dan kebimbangan dalam kalangan mahasiswa yang dijangka dilancarkan pada bulan Oktober 2021. Pihak Kementerian yakin modul ini boleh digunakan sebagai garis panduan kepada pegawai di IPT bagi menangani kes kesihatan mental yang melibatkan mahasiswa di institusi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. ONG KIAN MING**
[BANGI]
TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 36**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini mengenai program-program di Limkokwing University of Creative Technology (LUCT) yang mana pentauliah telah ditarik oleh MQA dan apa yang telah dilakukan untuk membantu para pelajar yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Limkokwing University of Creative Technology (LUCT) didapati tidak mematuhi keperluan standard yang telah ditetapkan dan gagal mengekalkan kualiti terhadap beberapa kursus pengajian. Sehubungan dengan itu, perakuan akreditasi penuh telah ditarik balik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 29 September 2020 berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan.

Dalam mencari jalan penyelesaian bersesuaian dengan peruntukan akta sedia ada, pada 14 Julai 2021, KPT telah bermesyuarat bersama MQA, Education Malaysia Global Service (EMGS) dan LUCT untuk mengenal pasti tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi membantu pelajar LUCT yang terkesan. Menyantuni kebajikan pelajar-pelajar tersebut, KPT telah mengesyorkan beberapa cadangan kepada pihak LUCT untuk:

- i. Membuat permohonan semula akreditasi penuh dalam kadar segera kepada MQA dengan penambahbaikan terhadap isu jaminan kualiti program bagi program-program terlibat;
- ii. Mengadakan sesi penerangan kepada pelajar-pelajar yang terkesan berhubung dengan situasi terkini dan cadangan penyelesaian yang akan diambil bagi memastikan pengajian mereka tidak terjejas;

- iii. Membuat pemetaan kursus bagi pelajar yang berhasrat untuk berpindah ke program lain dengan mendapat pengesahan MQA terlebih dahulu bagi memastikan tindakan yang diambil mengikut prosedur yang ditetapkan; dan
- iv. Mengambil tindakan segera terhadap pelajar-pelajar antarabangsa dengan membuat pelanjutan atau mendaftar semula agar pas pelajar yang diguna pakai adalah sah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN WONG HON WAI**
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 41**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai perlantikan baharu ahli-ahli Senat baharu di semua universiti awam di Malaysia dari Mac 2020 hingga sekarang dan apakah kelayakan akademik tertinggi setiap mereka yang dilantik. Sama ada mereka dilantik mengikut hubungan politik atau keupayaan akademik mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Senat merupakan badan akademik bagi Universiti yang mempunyai kuasa tertentu di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan Universiti. Antara fungsi Senat adalah melibatkan kelulusan penubuhan entiti akademik, membentuk dasar berkaitan hal ehwal akademik, serta memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian dan penganugerahan ijazah.

Pelantikan ahli Senat di universiti awam (UA) adalah ditentukan berdasarkan komposisi yang ditetapkan di bawah Akta 30 dan dikendalikan sendiri ahli akademik universiti tanpa campur tangan pihak luar. Sehingga 8 September 2021, jumlah keahlian Senat bagi 20 universiti awam adalah seramai 940 orang.

Berdasarkan Peraturan 17(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), komposisi Senat UA adalah seperti yang berikut:

- i. Naib Canselor (Pengerusi);
- ii. Semua Timbalan Naib Canselor;
- iii. Semua Dekan Fakulti, Ketua Kampus, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;

- iv. Tidak lebih daripada 20 orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga (3) tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan profesor madya Universiti; dan
- v. Tidak lebih daripada lima (5) orang daripada universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga (3) tahun.

Oleh itu, setiap UA mempunyai bilangan ahli Senat yang berbeza bergantung kepada bilangan Timbalan Naib Canselor, Dekan, Ketua Kampus dan komposisi-komposisi lain yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini, pemilihan ahli Senat dikendalikan sepenuhnya oleh pihak universiti berdasarkan komposisi perjawatan di bawah subperaturan 17(1) (*a hingga c*) dan merit dalam bidang akademik bagi komposisi di bawah subperaturan 17(1) (*d hingga e*), Akta 30 seperti yang dinyatakan di atas.

Bagi maksud pemilihan di bawah subperaturan 17(1) (*d hingga e*), pihak universiti boleh membangunkan tatacara tersendiri untuk pemilihan profesor sebagai ahli Senat. Sebagai contoh, Universiti Sains Malaysia menetapkan syarat calon yang layak dipertimbangkan sebagai ahli Senat ialah ahli akademik berjawatan profesor sepenuh masa sama ada lantikan tetap atau kontrak dengan pelantikan tidak kurang daripada satu (1) tahun dan lazimnya mempunyai kelayakan akademik tertinggi, iaitu PhD.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD BIN HASSAN**
[PAPAR]
TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 55**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pelan bersasar buat lepasan SPM dari keluarga miskin luar bandar di Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi dalam jurusan minyak dan gas menerusi biasiswa tajaan Petronas dan syarikat-syarikat terkemuka yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT menawarkan dua bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan, iaitu biasiswa dan bantuan kewangan. Kedua-dua pembiayaan ini diberikan kepada pelajar yang layak berdasarkan merit tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, negeri, taraf hidup dan lokaliti.

Tumpuan utama pembiayaan KPT adalah kepada pembiayaan pengajian di peringkat pasca siswazah. Kumpulan sasaran yang terlibat merangkumi tenaga pengajar di universiti awam (UA), politeknik dan kolej komuniti serta pegawai bukan akademik di UA. Pembiayaan dalam bentuk biasiswa kepada orang awam untuk mengikuti program di peringkat sarjana muda pula adalah terhad kepada program *MyBrainScience* yang dikhaskan kepada pelajar sains tulen. KPT turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar lepasan SPM untuk mengikuti pengajian di peringkat asasi melalui Program Bantuan Kewangan Asasi, manakala di peringkat sijil melalui Program Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti.

Pembiayaan pendidikan tinggi bagi lepasan SPM dalam pelbagai bidang turut disediakan oleh pelbagai organisasi termasuklah Jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat, Yayasan-Yayasan Negeri dan syarikat-syarikat terkemuka seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad, Telekom, Bank Negara Malaysia dan

Khazanah Nasional. Namun begitu, sasaran penajaan dan bidang pengajian yang ditawarkan adalah bergantung kepada hala tuju dan keperluan masa hadapan agensi atau syarikat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]
TARIKH	:	20 SEPTEMBER 2021
SOALAN	:	NO. 75

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha untuk melaksanakan pembaharuan dalam sistem pengajian tinggi terutamanya berkaitan silibus pengajian bagi kursus-kursus yang ditawarkan agar dapat membantu meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran para siswazah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kualiti pendidikan tinggi di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) agar graduan yang mempunyai daya ketahanan terhadap perubahan (*Resilient and Change Ready Talent*) dapat dilahirkan. Antaranya usaha yang dilaksanakan termasuklah:

- i. ***MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE)*** – Garis panduan ini disediakan untuk menerapkan ilmu keusahawanan yang komprehensif dan bersepadu dalam kurikulum pendidikan di IPT;
- ii. ***Work Based Learning (WBL)***– Merupakan program akademik yang menggabungkan pembelajaran akademik dan aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja seperti program 2u2i;
- iii. ***National Outcome Based Learning (NOBLE)*** – Inisiatif ini bertujuan memantapkan pemahaman *Outcome Based Education (OBE)* dalam kalangan pensyarah di IPT serta menyokong kepada ciri-ciri yang terkandung dalam semua *Learning Outcome Clusters (LOC)* yang digariskan dalam *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2nd Edition*;

- iv. ***Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM)*** – Program ini menghubungkan peranan IPT dengan komuniti khususnya dalam usaha menyelesaikan isu masyarakat secara kolektif, ke arah peningkatan sosioekonomi setempat dengan melibatkan rakan strategik yang terdiri daripada pemain industri;
- v. **Kajian Hala Tuju dan Impak Program Akademik** - peruntukan disediakan untuk pihak Universiti Awam (UA) menjalankan kajian hala tuju dan impak program akademik bagi memastikan kurikulum dan penawaran sesuatu program di UA adalah memenuhi keperluan semasa bidang pengajian, perubahan teknologi dan pasaran industri;
- vi. **Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS sebagai Industri (PEMUDAH IPTS)** – PEMUDAH IPTS ditubuhkan bagi mengkaji dan meneliti permasalahan serta kekangan yang dihadapi oleh IPTS untuk berkembang dan menjadi lebih maju sebagai satu industri yang mampan;
- vii. **Pembangunan dokumen jaminan kualiti** –Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah membangunkan dokumen jaminan kualiti sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam membangunkan program yang berkualiti. Antaranya ialah Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*), Standard Program, dan Garis Panduan Amalan Baik Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning, WBL*); dan
- viii. **Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 (PSKG)** – Pelan yang akan dilancarkan dalam masa terdekat ini turut memberikan fokus kepada pemantapan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi membentuk jati diri dan nilai tambah serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**
SOALAN : **NO. 81**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meminda Akta 605 berhubung kakitangan akademik universiti untuk memastikan isu integriti dan kebebasan akademik lebih terjamin.

Bilakah AUKU akan dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang yang lebih bersepadu dan mampu mengangkat wibawa pengajian tinggi tempatan?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum Akta 605 diwartakan pada tahun 2000, universiti awam (UA) telah mengguna pakai Kaedah-Kaedah Tatatertib Universiti Awam seperti yang termaktub di bawah Seksyen 16A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Walau bagaimanapun, peruntukan di atas telah dikeluarkan semasa pindaan dibuat ke atas Akta 30 pada tahun 2009.

Sejak tahun 2019, KPT telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan untuk melihat semula pemakaian Akta 605 kepada UA. Beberapa sesi libat urus dengan pihak JPA juga telah diadakan untuk menambah baik beberapa peruntukan yang berkaitan dalam Akta 605.

Cadangan yang dikemukakan adalah ke arah memperkasa dan merekayasa keserjanaan akademik dengan memberikan lebih ruang kebebasan kepada kakitangan akademik dalam menerbit, menyunting dan memberikan pernyataan awam. KPT juga turut mencadangkan beberapa peruntukan tambahan seperti memerangi salah laku akademik melibatkan plagiarisme dan hubungan tidak wajar antara penyelia dan pelajar.

Libat urus terakhir bersama pihak JPA pada 22 Disember 2020 telah memaklumkan bahawa pindaan ke atas Akta 605 hanya akan dilaksanakan selepas pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395/1993] diwartakan. Pindaan berhubung perkara kelakuan dan tatatertib akan dilaksanakan secara berperingkat, iaitu di peringkat pegawai awam terlebih dahulu (merujuk kepada PUA 395/1993) bagi memastikan penambahbaikan yang dibuat adalah relevan, efektif dan diterima baik oleh pemegang taruh yang berkaitan, sebelum dilaksanakan kepada badan-badan berkanun (merujuk kepada Akta 605). Pihak JPA memaklumkan bahawa perkara ini masih dalam tindakan Jabatan dan akan diwartakan pada tahun 2022.

KPT sentiasa prihatin dan responsif ke atas aspirasi pelbagai pihak yang inginkan Akta 30 atau AUKU ditambah baik dari semasa ke semasa. Atas dasar inilah, Akta 30 telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak ia diwartakan pada tahun 1971 hinggalah pindaan terakhir pada tahun 2019.

KPT juga sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan penambahbaikan dan akan mempergiat sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas, input serta, dengan izin, *wish list* untuk manfaat semua. Dalam hal ini, libat urus terakhir telah diadakan dengan Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 14 September 2021 bagi mengumpul input terkini berkaitan penambahbaikan yang boleh dibuat melalui pindaan Akta 30, sesuai dengan keperluan semasa kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL
KARIM
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN : **NO. 3**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah untuk menambah baik kaedah pembelajaran secara maya bagi pelajar institusi pengajian tinggi untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi mereka ekoran bebanan tugas, masa kuliah yang padat dan kaedah penilaian yang ketat hingga menyaksikan beberapa kes kematian pelajar akibat tekanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam usaha kami semua untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian (PdPDT) dengan berkesan. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian telah mengambil langkah untuk menambah baik kaedah pembelajaran secara maya, yang antaranya:

Pertama, pengukuhan infrastruktur ICT dengan menambah baik liputan internet, penawaran pelan data yang berpatutan serta sumbangan peranti yang berasaskan kepada pelajar yang memerlukan. Selain daripada itu, untuk menjamin keberkesanan supaya PdPDT ini dapat dilaksanakan dan memberi kesan yang baik kepada pelajar, KPT juga telah berkolaborasi dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk mengguna pakai kemudahan pusat internet di bawah seliaan Kementerian masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat Dewan, terdapat sebanyak lebih kurang 871 buah pusat internet desa dan 191 buah komuniti desa di bawah Kementerian Pembangunan

Luar Bandar dan ini merupakan salah satu inisiatif penting dalam usaha memastikan bahawasanya pembelajaran secara maya ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, terutamanya dalam menangani permasalahan penggunaan capaian internet di luar bandar. Dalam keadaan ini, pihak KPT juga telah membuat penyediaan panduan pengendalian PdP semasa pandemik kepada semua IPT oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);

Yang keempat, bagi memastikan bahawa kursus-kursus ini dapat diserasikan dengan keadaan pandemik ini, IPT telah dibenarkan untuk mengubah pelaksanaan PdP masing-masing terutamanya secara bersemuka yang tidak boleh digantikan dengan kaedah dalam talian ke minggu pembelajaran atau semester lain. IPT juga diberi fleksibiliti menggantikan latihan industri dengan alternatif lain yang bersesuaian seperti *industry-based project, problem-based project, topical study* atau *research project*.

Pelaksanaan pendekatan “**Pensyarah Cekap, Pembelajaran Teratur**” oleh politeknik dan kolej komuniti. Melalui pendekatan ini, setiap pensyarah berpeluang menjalani pelbagai latihan PdPDT untuk memastikan teknik penyampaian dalam talian mereka dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, penyediaan *Learning Management System* (LMS) bagi membantu pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian telah pun dilaksanakan dan LMS ini sentiasa dipantau.

Yang terakhir, pihak KPT juga telah memperkenalkan pelaksanaan kalendar akademik yang fleksibel bagi menangani keperluan melaksanakan kerja amali bersemuka yang terganggu. Tempoh pelaksanaan kalendar akademik telah dilanjutkan menjangkau tempoh lazim 14 minggu PdP. Pihak KPT yakin melalui pelaksanaan semua inisiatif yang telah dinyatakan sebentar tadi, ia diharap akan dapat mampu memastikan elemen pengajaran dan pembelajaran di IPTA tidak akan terhenti sebagaimana yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 8**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana latihan industri mahasiswa semasa pandemik. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sangat prihatin akan situasi dan kekangan yang dihadapi oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), pelajar dan pihak industri sepanjang tempoh pandemik COVID-19 khususnya dalam menjayakan program Latihan Industri. Oleh itu, KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memberikan fleksibiliti kepada PPT untuk mempertimbangkan penggantian Latihan Industri kepada kaedah alternatif yang bersesuaian seperti *industry-based project, problem-based project, topical study* atau *research project*. Dalam hubungan ini, PPT boleh mempertimbangkan sama ada untuk menggantikan Latihan Industri dengan kaedah alternatif secara sepenuhnya atau sebagai pelengkap kepada Latihan Industri yang terpaksa dihentikan.

Bagi PPT yang mempunyai program dalam dua mod berbeza, iaitu kerja kursus dan industri seperti 2u2i atau Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning, WBL*), mereka boleh mempertimbangkan untuk menukarkan program mod industri kepada mod kerja kursus. Fleksibiliti penggantian Latihan Industri kepada kaedah alternatif yang bersesuaian ini perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh PPT agar objektif utama pembelajaran tercapai dan pelajar mendapat pendedahan kepada elemen industri yang diperlukan sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan. Selain itu, fleksibiliti yang diberikan ini juga adalah tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, panduan berkaitan pelaksanaan Latihan Industri dalam tempoh pandemik turut diperincikan dalam beberapa siri *Advisory Note* MQA yang dikeluarkan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020. Panduan ini boleh diakses di portal MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN**
[KINABATANGAN]

TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN : **NO. 27**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran-yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT sentiasa mendengar dan memahami keluh kesah pelajar dan keluarga mereka yang terkesan sepanjang lebih setahun pandemik COVID-19 ini melanda. Sehubungan itu, bagi meringankan bebanan mereka, Universiti Awam (UA) telah melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya, melalui pengurangan Yuran Perkhidmatan, Yuran Asrama, Yuran Konvokesyen dan Yuran Aktiviti Kolej di antara purata 10% ke 15% pada Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020.

Pengurangan yuran bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk semua pelajar warganegara Malaysia melibatkan peruntukan sebanyak RM75 juta yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan Kerajaan dan RM55 juta menggunakan sumber dalaman UA. Bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2020/2021 pula, pengurangan yuran sebanyak RM70.2 juta telah diberikan oleh Universiti Awam. Manakalabagi Semester Kedua Sesi Akademik 2020/2021, pengurangan sebanyak RM40.5 juta telah diberikan. Inisiatif ini telah melibatkan implikasi kewangan yang dianggarkan berjumlah RM185.7 juta untuk manfaat 386,142 orang pelajar bagi ketiga-tiga semester.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meneruskan usaha untuk membantu pelajar yang terkesan dengan pandemik COVID-19, terkini semua UA telah bersetuju untuk memberikan pengurangan yuran Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara Malaysia. Pengurangan ini melibatkan nilai berjumlah RM175 juta dan dapat memberi manfaat kepada lebih kurang 555,340 pelajar. Pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% kali ini adalah lebih luas kerana ianya melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN BARU BIAN**
[SELANGAU]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 35**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Parlimen Selangau adalah satu-satunya kawasan Parlimen yang belum mempunyai Kolej Komuniti di Sarawak. Adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah Kolej Komuniti di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pewujudan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) amat penting bagi melahirkan modal insan yang seimbang serta menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat. Dalam hal ini, sebelum sesebuah IPT seperti Politeknik atau Kolej Komuniti dibangunkan, pelbagai aspek seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah, keperluan guna tenaga dan kedudukan semasa kewangan kerajaan perlu dipertimbangkan.

Dalam konteks Wilayah Sarawak, pada masa ini terdapat tiga (3) buah Politeknik, iaitu Politeknik Mukah; Politeknik Kuching; dan Politeknik METRO Betong, serta tujuh (7) buah Kolej Komuniti, iaitu Kolej Komuniti Kuching; Kolej Komuniti Mas Gading; Kolej Komuniti Miri; Kolej Komuniti Sarikei; Kolej Komuniti Santubong; Kolej Komuniti Betong; Kolej Komuniti Cawangan Sibu, sedang beroperasi.

Kesemua institusi ini menawarkan pelbagai bidang pengajian Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat sijil dan diploma merangkumi program-program akademik yang berdaya saing, iaitu bidang Fesyen dan Pakaian; Teknologi Maklumat; Sistem Komputer dan Rangkaian; Kulineri; Pengembaraan Pelancongan; Teknologi Elektrik; Penyenggaraan Industri; Teknologi Seni Bina; Kejuruteraan Awam;

Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Elektrik; Ukur Bahan; Akauntasi; Pengajian Perniagaan; serta Landskap dan Reka Bentuk Dalaman.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 bersetuju bahawa pembangunan kolej-kolej komunitihendaklah berdasarkan keperluan di sesebuah kawasan dan bukannya berdasarkan di setiap daerah atau Parlimen, memandangkan terdapat kawasan yang mempunyai kepadatan rendah. Berdasarkan MyCensus2020, kepadatan penduduk Parlimen Selangau dikategorikan masih rendah, iaitu 7 orang bagi setiap 1 kilometer per segi berbanding purata kepadatan penduduk Sarawak, iaitu seramai 225 orang bagi setiap 1 kilometer per segi.

KPT mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap cadangan pembinaan kolej komuniti di Parlimen Selangau seperti yang dicadangkan oleh YB Selangau. Walau bagaimanapun, analisis lanjut tentang keperluan pembinaan kolej komuniti ini termasuk keupayaan kewangan kerajaan serta pertimbangan terhadap aspek-aspek lain seperti yang saya nyatakan tadi akan dibuat terlebih dahulu oleh KPT. Tidak terhad kepada perkara ini, pihak KPT akan dari semasa ke semasa mengambil langkah untuk memperluas akses Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang secara tidak langsung menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi masyarakat di Parlimen Selangau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN**
[SIK]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**
SOALAN : **NO. 37**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak tempoh pemberian biasiswa pasca siswazah yang berdasarkan minimum tempoh pengajian setiap bidang dan bukan hanya 3 tahun seperti yang dilaksanakan ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep penajaan pengajian berdasarkan tempoh pengajian minimum bukanlah cadangan baharu tetapi telah sedia dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penetapan tempoh penajaan ini adalah berdasarkan kepada tempoh pengajian minimum sesuatu program pengajian di universiti seperti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pendekatan ini juga turut digunapakai oleh penaja pendidikan tinggi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Umumnya, bagi pengajian peringkat Sarjana, tempoh pengajian adalah antara 18 hingga 24 bulan. Manakala bagi pengajian di peringkat PhD pula, tempoh penajaan lazimnya ditetapkan selama tiga (3) tahun atau 36 bulan. Walau bagaimanapun, terdapat situasi tertentu yang membolehkan pelajar diberikan tempoh penajaan melebihi tiga (3) tahun. Contohnya pengajian Sarjana Kedoktoran/Sarjana Kepakaran yang mana tempoh minimum pengajian adalah empat (4) tahun atau 48 bulan. Tempoh penajaan selama empat (4) tahun turut diberikan kepada pengajian di peringkat PhD yang mana struktur programnya memerlukan pelajar lulus *comprehensive exam* (CE) terlebih dahulu sebelum memulakan penyelidikan seperti yang lazimnya dilaksanakan oleh universiti-universiti di Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR**
[TEMERLOH]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 48**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kawasan titik tengah Semenanjung, kedudukan strategik serta wujudnya infrastruktur yang baik menghubungkan daerah ini dengan Kuala Lumpur dan daerah-daerah lain tidak mempunyai satu pun Institusi Pengajian Tinggi. Adakah Kementerian ada merancang untuk menubuhkan IPT di daerah Temerloh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kedudukan kewangan negara, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut mengambil kira pelbagai aspek seperti lokasi, pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga.

Di negeri Pahang, terdapat empat (4) Universiti Awam (UA), tiga (3) politeknik dan sebelas (11) kolej komuniti yang menawarkan pelbagai program dan bidang pengajian untuk menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional serta menyokong pembangunan ekonomi negeri dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMKe-12) Tahun 2022, Kementerian telah mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) bagi pembinaan sebuah Kampus Kolej Komuniti Jelai, Pahang dengan kapasiti seramai 240 orang pelajar. Program yang akan ditawarkan di Kolej Komuniti ini ialah Sijil Agroteknologi dan Sijil Teknologi Pertanian Lestari.

Dalam pada itu, Temerloh juga telah mempunyai sebuah kolej komuniti, iaitu Kolej Komuniti Temerloh yang telah beroperasi sejak tahun 2003. Kolej Komuniti ini menawarkan empat (4) program, iaitu Sijil Penyelenggaraan Bangunan; Sijil Fesyen dan Pakaian; Sijil Teknologi Maklumat; serta Sijil Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot. Berdasarkan jumlah institusi dan bidang yang ditawarkan tersebut, KPT berpandangan ia adalah mencukupi bagi menampung keperluan semasa pembangunan modal insan di negeri Pahang.

Walau bagaimanapun, KPT menghargai dan memberikan perhatian terhadap cadangan Yang Berhormat Temerloh untuk mewujudkan IPT di Temerloh, Pahang. Pihak KPT akan meneliti keperluan perkara ini dari semasa ke semasa bergantung jua kepada keperluan tertentu termasuk keupayaan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SIM TZE TZIN**
[BAYAN BARU]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**
SOALAN : **NO. 49**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian membuka semula universiti dengan pembelajaran secara fizikal. Jika ada, nyatakan secara jelas SOP terbaru pembelajaran di dalam universiti dan ko-kurikulum, supaya siswa-siswi, ibu bapa, pensyarah, pengusaha kantin dan badan aktiviti siswa memahami semua SOP dengan jelas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam upaya untuk memastikan kelestarian kualiti pendidikan tinggi negara dan mengambil kira input sesi libat urus bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pengurusan IPT yang merangkumi Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, wakil persatuan IPTS dan Majlis perwakilan pelajar, maka Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersetuju melaksanakan kemasukan berperingkat pelajar secara fizikal ke kampus Institut Pendidikan Tinggi (IPT) bermula pada 15 Oktober 2021. Kemasukan pelajar ke IPT kali ini melibatkan semua kategori pelajar di semua IPT di seluruh negara seramai lebih kurang 1.2 juta orang. Dalam hubungan ini juga, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid akan diaplikasikan bagi membolehkan pelajar melaksanakan PdP secara bersemuka di kampus dengan pematuhan SOP yang ketat, dan pada masa yang sama turut menjalani PdP secara dalam talian bagi melengkapkan pembelajaran yang berkaitan.

Bagi tujuan kemasukan pada Oktober 2021, KPT memperkenalkan SOP Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT yang mana hanya warga IPT yang lengkap vaksin dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin sahaja dibenarkan memasuki kampus. Interaksi komuniti kampus dengan komuniti luar kampus juga akan dipantau secara ketat dari semasa ke semasa. Langkah ini diambil bagi

membentuk persekitaran yang selamat dan *herd immunity* di kampus. SOP Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT yang telah diluluskan oleh MKN ini merangkumi enam (6) perkara iaitu Pentadbiran IPT; Pergerakan Pelajar IPT Kembali ke Kampus; Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Dalam Makmal/Bengkel; Pengurusan Pelajar di Kediaman dan Fasiliti Kampus; serta Pengurusan Aktiviti Pelajar.

KPT dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) juga sedang giat melaksanakan program vaksinasi warga IPT. Langkah ini bagi meningkatkan kadar vaksinasi warga IPT termasuk pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik sebelum Oktober 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kelancaran pergerakan pelajar untuk memasuki kampus, pihak KPT turut mengadakan perbincangan bersama-sama wakil kerajaan negeri, terutamanya Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; pihak KKM; Polis DiRaja Malaysia (PDRM); Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) dan syarikat penyedia perkhidmatan penerbangan untuk memudahcara proses pergerakan pelajar dan kemasukan ke kampus secara fizikal.

Pihak KPT juga telah membangunkan soalan lazim yang memperihalkan kaedah dan tatacara yang terlibat bagi kemasukan semula ke kampus. Maklumat ini boleh diakses melalui Portal Rasmi KPT dan juga menerusi hebahan di medial sosial rasmi KPT. Perkhidmatan Bilik Gerakan yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu turut disediakan bagi membolehkan pelajar, ibu bapa atau penjaga dan pihak warga IPT mendapatkan sebarang maklumat terkini yang sahih dan tepat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
[HANG TUAH JAYA]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 61

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status pengajaran dan pembelajaran untuk mahasiswa di IPTA dan IPTS dan apakah perancangan Kementerian untuk mengembalikan semula sesi pembelajaran agar mahasiswa dapat kembali di universiti masing-masing dengan pengamalan norma baru memandangkan ramai mahasiswa berhadapan dengan masalah tekanan susulan isu kematian mahasiswa yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian. Sebagai respons strategik kepada perkara ini, KPT komited dalam memberikan perhatian terhadap pengukuhan infrastruktur dengan menambah baik rangkaian yang melibatkan liputan internet dan pelan data serta peranti yang berpatutan. KPT turut mengambil langkah menaiktaraf *Malaysian Research & Education Network (MYREN)* dengan meningkatkan kebolehcapaian internet sehingga 10Gbps.

Selain daripada itu, KPT melalui MQA telah menyediakan panduan pengendalian PdP kepada semua IPT untuk membantu memudah cara proses PdP semasa pandemik. Dengan adanya panduan ini, IPT mempunyai fleksibiliti untuk melaksanakan PdP secara dalam talian sehingga 100% kandungan program, tertakluk kepada kesesuaian kursus bagi semua program yang ditawarkan. IPT juga boleh merangka aktiviti praktikal atau amali dalam talian yang bersesuaian seperti *virtual simulation, virtual lab, augmented reality, virtual reality* dan sebagainya.

IPT turut dibenarkan untuk menganjukkan pelaksanaan PdP secara bersemuka yang tidak boleh digantikan dengan kaedah dalam talian ke minggu pembelajaran atau semester lain. Pada masa yang sama, usaha pemerkasaan IPT dalam memperkukuh program akademik berbentuk *Open Distance Learning* dan penawaran kursus secara *micro-credential* turut sedang dilaksanakan.

Dari aspek kebajikan serta kesejahteraan mental dan emosi mahasiswa, KPT telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif yang bersesuaian seperti menyediakan perkhidmatan kaunseling; mengadakan program berkaitan kaunseling dan pengurusan emosi; melaksanakan program sokongan psikososial; serta membangunkan modul kesihatan mental pelajar IPT sebagai garis panduan menangani kes kesihatan mental.

Dalam upaya untuk memastikan kelestarian kualiti pendidikan tinggi negara dengan meletakkan keselamatan dan kebajikan pelajar sebagai keutamaan, KPT akan melaksanakan kemasukan berperingkat pelajar secara fizikal ke kampus bermula pada 15 Oktober 2021. Kemasukan pelajar ini adalah seperti yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara pada 2 September 2021. Untuk makluman, kemasukan pelajar ke IPT kali ini melibatkan semua kategori pelajar di semua IPT. Kebenaran melaksanakan PdP secara bersemuka ini sekaligus diharap dapat mengurangkan tekanan terhadap emosi dan psikologi pelajar kesan daripada pelaksanaan PdP dalam talian yang berpanjangan selama tempoh pandemik ini.

Dalam hubungan ini, KPT dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), sedang giat melaksanakan Program VACC2Campus bagi meningkatkan jumlah warga IPT yang mendapat vaksinasi lengkap sebelum kampus dibuka. Melalui langkah ini, bilangan pelajar IPT yang telah lengkap vaksin akan ditingkatkan dan ini memberikan mereka peluang untuk segera kembali ke kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**
[SETIAWANGSA]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**
SOALAN : **NO. 67**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan isu penempatan mahasiswa untuk praktikal atau latihan industri (LI). Banyak syarikat atau agensi yang ditutup ataupun tidak dapat menjalankan LI kerana PKP. Justeru apakah respon/tindakan pihak Kerajaan khususnya KPT dalam usaha terkait jaminan penempatan LI kepada mahasiswa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang mencabar dalam semua sektor termasuklah sektor pengajian tinggi. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan hampir semua aktiviti sosial dan fizikal tergendala serta turut memberikan impak besar ke atas kursus Latihan Industri (LI) bagi pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Tinggi (IPT). PKP yang berpanjangan juga telah membataskan keupayaan pelajar untuk menjalani LI secara fizikal di lokasi mereka ditempatkan.

Sehubungan dengan itu, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui *Advisory Note* MQA 2/2021 telah memberi fleksibiliti kepada IPT supaya pelajar menyempurnakan LI bergantung kepada keperluan program masing-masing. Antara kaedah alternatif tersebut adalah:

- i. Kajian kes yang berasaskan kepada permasalahan atau isu di industri;
- ii. Projek penyelidikan dengan kerjasama industri;
- iii. Projek komuniti berasaskan bidang program pengajian dengan kerjasama industri;

- iv. Kertas kajian/projek/geran dalaman berasaskan penyelesaian masalah industri;
- v. Kerja pembaikan dan penyelenggaraan dalaman (*in-house*) yang bersesuaian; dan
- vi. Latihan Industri secara maya (*virtual industrial training*).

Pihak IPT juga telah bersinergi dengan pelbagai rakan kolaborasi industri bagi memastikan penempatan LI berjalan lancar. Sekiranya pelajar tidak dapat meneruskan LI yang asal akibat penutupan industri tertentu, maka pelajar boleh menukar industri serta menyambung latihan untuk tempoh yang berbaki sahaja. Jika pelajar masih tidak dapat penempatan di industri setelah pelbagai usaha dilaksanakan, pelajar diberi pilihan untuk menjalani LI di dalam kampus mengikut SOP yang telah ditetapkan. Usaha yang sama juga telah dilaksanakan di peringkat pelajar politeknik dan kolej komuniti di mana seramai 26,193 pelajar semester akhir sesi Disember 2020 telah menjalani LI tanpa perlu melanjutkan tempoh pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI**
[LABUAN]
TARIKH : **29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 12**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memastikan kualiti graduan tidak terjejas semasa tempoh pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat mengambil berat terhadap kualiti graduan dan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya semasa pandemik COVID-19. Secara umumnya, antara fokus yang dilaksanakan oleh KPT adalah:

- i. **Penyediaan platform komunikasi yang baik** bagi sesi PdP. Bagi maksud ini, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah mengoptimumkan penggunaan platform seperti *Open Educational Resources (OER)*, *Open CourseWare (OCW)*, *Massive Open Online Courses (MOOCs)* dan *Learning Management System (LMS)* untuk memastikan sesi pembelajaran secara maya dapat dijalankan dengan berkesan;
- ii. **Pembangunan kandungan modul pembelajaran yang berkualiti.** Kementerian melalui Unit Jaminan Kualiti di Universiti Awam dan Majlis Ketua Penyelaras E-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) memantau secara dekat kualiti modul pembelajaran dalam talian dan keberkesanan sesi PdP yang dijalankan. Penambahbaikan secara berterusan turut dilaksanakan terhadap kandungan dan kaedah penyampaian;
- iii. **Penyediaan kapasiti jalur lebar di IPT yang lebih tinggi** bagi membolehkan pensyarah dan pelajar mendapat akses internet dengan lebih baik melalui inisiatif *Malaysian Research & Education Network (MYREN)*. Inisiatif ini

meningkatkan kapasiti jalur lebar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) kepada antara 500Mbps hingga 10Gbps dengan peruntukan sebanyak RM50 juta;

- IV. **Bantuan kemudahan peranti dan pelan data kepada pelajar.** Bagi tujuan ini, kementerian telah menyediakan:
 - a. Bantuan RM50 secara *one-off* untuk langganan awal pelan data dengan peruntukan sebanyak RM3.8 juta kepada 76,153 pelajar baharu sesi Akademik 2020/2021.
 - b. Bantuan berbentuk sumbangan pelan data bagi capaian internet kepada 320,396 pelajar dan bantuan pemilikan peranti kepada 8,965 pelajardaripada kalangan keluarga B40 di universiti-universiti awam yang diagihkan bermula 30 September 2020. Anggaran keseluruhan inisiatif ini adalah berjumlah RM37.4 juta.
 - c. Menyediakan pakej istimewa pelan data dan peranti dengan kerjasama lima (5) syarikat telekomunikasi iaitu Celcom, Maxis, Digi, TM (unifi) dan U Mobile; serta enam (6) syarikat pembekal peranti iaitu Acer, Samsung, Apple Education Store, Dell, Huawei dan Lenovo kepada pelajar IPT.
- V. **Peningkatan keupayaan dan kemahiran pensyarah mengendalikan sesi PdP.** Kementerian melalui IPT melaksanakan latihan peningkatan kapasiti secara berterusan kepada pensyarah sepanjang tahun 2020 sehingga 2021 bagi peningkatan kemahiran pengajaran secara dalam talian. Antara latihan yang telah dijalankan adalah *The Guide to Challenge Based Learning, Effective e-Assessment, Online Pedagogy, Pembudayaan Pembelajaran Digital Melalui Open & Distance Learning (ODL)* dan banyak lagi.
- VI. **Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran Semasa dan Pasca COVID-19.** KPT melalui MQA telah mengeluarkan beberapa garis panduan atau *Advisory Note* berhubung Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan. Garis panduan ini adalah penting untuk memastikan penilaian dan kaedah pembelajaran dapat terus dilaksanakan dengan berkesan tanpa mengabaikan kualiti dan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]
TARIKH	:	29 SEPTEMBER 2021 (RABU)
SOALAN	:	NO. 40

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil dapatan daripada penubuhan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau lebih dikenali dengan AUKU, merupakan suatu akta untuk membuat peruntukan bagi menubuh, menyelenggara dan mentadbir Universiti dan Kolej Universiti serta perkara lain yang berkaitan dengannya. Selain daripada perkara berkaitan tadbir urus universiti, AUKU turut merangkumi hal berkaitan pengurusan aktiviti pelajar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa prihatin dan responsif ke atas aspirasi pelbagai pihak yang inginkan AUKU ditambah baik dari semasa ke semasa. Atas dasar inilah, AUKU telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak ia diwartakan pada tahun 1971 hingga pindaan terakhir pada tahun 2019 yang memansuhkan Seksyen 15(2)(c) AUKU yang telah memberi lebih ruang dan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dan berpolitik di dalam kampus.

Bagi tujuan penambahbaikan berterusan, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan AUKU pada bulan September 2020 melibatkan 37 ahli yang terdiri daripada pakar perlembagaan, pakar perundangan, pakar pendidikan tinggi dan wakil pengurusan tertinggi universiti. Selain itu, Kementerian turut melantik wakil persatuan kakitangan akademik, pentadbir dan kakitangan

sokongan, wakil persatuan IPTS, wakil NGO dan wakil persatuan pelajar bagi memastikan sebarang cadangan penambahbaikan adalah bersifat komprehensif dan merangkumi semua pihak berkepentingan.

Melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan AUKU ini, Kementerian berusaha mempergiat penglibatan semua pemegang taruh dan sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan penambahbaikan. Dalam hal ini, sesi libat urus terakhir telah diadakan bersama Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 14 September 2021. Melalui sesi tersebut, antara isu yang telah dibangkitkan adalah melibatkan aktiviti pelajar seperti kebenaran untuk mengumpul dana; pembukaan akaun bank bagi maksud pungutan wang aktiviti pelajar; pengwujudan kesatuan pelajar dan kebebasan untuk berpersatuan. Sebahagian daripada isu yang dibangkitkan ini telah mempunyai mekanisme pelaksanaan sedia ada di peringkat Universiti Awam, manakala bakinya akan diperhalusi untuk untuk pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH	:	5 OKTOBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 1

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat manakah tahap kebolehpasaran graduan semasa pandemik COVID-19 ini dan nyatakan langkah Kementerian bagi menyediakan graduan yang berdaya saing di pasaran pekerjaan termasuk meningkatkan kebolehan insaniah atau soft skill di kalangan graduan bagi memastikan graduan memenuhi kehendak industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan semasa dan pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, pada tahun 2020 kadar kebolehpasaran graduan adalah pada 84.4 peratus, menurun sebanyak 1.8 peratus berbanding tahun 2019 iaitu pada kadar 86.2 peratus. Sebagai usaha untuk meningkatkan daya saing graduan di pasaran pekerjaan, kementerian telah melaksanakan beberapa langkah, antaranya:

i. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*

Melalui usaha ini graduan Universiti Awam, IPTS, Politeknik serta Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan tempat untuk mengikuti program-program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*, contohnya inisiatif di bawah PENJANA KPT CAP. Peserta yang mengikuti program ini dijamin penempatan pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan latihan sekurang-kurangnya bagi tempoh 12 bulan sekiranya memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan. Sehingga 1 Oktober 2021 sejumlah 7,288 graduan yang menerima latihan telah mendapat penempatan pekerjaan atau menjana pendapatan sendiri.

ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).

Program intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya iaitu CGPA 3.3 ke bawah atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran iaitu 50% ke bawah. Program ini turut menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan yang dilaksanakan secara kolaborasi strategik bersama penyedia perkhidmatan dan agensi-agensi tertentu. Pada tahun 2020 dan 2021, sejumlah 1,235 graduan telah mendapat penempatan pekerjaan melalui program ini.

iii. Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*.

SIP merupakan program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur dan seterusnya ditawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya layak.

iv. Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.

Kementerian menekankan agar program pengajian serta kandungan kursus pengajian hendaklah sentiasa disemak secara berkala oleh institusi pengajian tinggi berkaitan. Saringan dilaksanakan bersama beberapa Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Perangkaan Malaysia; Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA); Talentcorp; *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA), Badan Profesional dan sebagainya bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian ditawarkan oleh IPT adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara serta memenuhi kehendak industri.

v. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

Sebagai usaha jangka sederhana untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, kementerian telah membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]
TARIKH	:	5 OKTOBER 2021 (RABU)
SOALAN	:	NO. 7

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan semasa Projek Kambing Tenusu yang diusahakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sejak tahun 2017 di Hulu Besut, Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah melaksanakan Projek kambing tenusu (*Innovative Approach for Community Dairy Farm to Enhance the Value of Goat's Milk*) di bawah Skim Geran *Translational Research*, Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bermula daripada 1 Mei 2018 dan tamat pada 30 April 2019 (12 Bulan). Tujuan projek ini adalah untuk menginovasikan amalan penternakan kambing tenusu di ladang komuniti melalui penyelidikan komprehensif yang melibatkan pembiakan baka kambing tenusu kepada petani, meningkatkan pengeluaran dan kualiti nutrisi susu kambing melalui penambahbaikan dari aspek pemakanan, kandang kambing dan pemantauan melalui penggunaan aplikasi teknologi maklumat.

Projek ini mempunyai potensi yang luas dalam pasaran produk-produk berasaskan tenusu dan telah membantu meningkatkan pendapatan petani dan penternak di kawasan sekitar Besut dengan kadar pulangan *Return of Investment (ROI)* positif pada tahun kedua dengan pendapatan kasar sebanyak lebih kurang RM 3 ribu sebulan.

Projek penyelidikan ini telah selesai sepenuhnya dan Laporan Akhir telah pun dikemukakan oleh pihak UniSZA. Hasil daripada kajian tersebut pihak UniSZA berjaya menghasilkan perumahan kambing tenusu yang lengkap dengan reka bentuk baharu,

tahan lama, mesra alam, lebih bersih dan mudah alih. Selain itu, pihak UniSZA turut menghasilkan sistem iFARMS bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan ternakan dan memantau tahap kesihatan serta kualiti susu kambing. Pada masa kini, projek ini telah berkembang dan usaha pembiakbakaan baka import yang beradaptasi dengan iklim Malaysia telah dilaksanakan dengan jayanya.

Sehubungan itu, KPT melalui Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sentiasa menggalakkan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti dari Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam menyokong ekosistem inovasi negara dalam bidang-bidang strategik. KPT berharap penyelidikan yang dilaksanakan oleh pihak Universiti boleh memberikan impak secara terus kepada masyarakat, industri dan negara serta memberikan tumpuan pada beberapa bidang keutamaan untuk difokuskan selaras dengan Pemacu Sosioekonomi Negara (MySTIE), Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) agar hasil penyelidikan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR**
[JOHOR BAHRU]
TARIKH : **5 OKTOBER 2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 16**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menangani cabaran kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa yang telah terbeban sepanjang kelas diadakan secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi dalam kalangan mahasiswa, khususnya mereka yang terkesan ekoran pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam mendepani situasi ini, pelbagai inisiatif dan ikhtiar telah dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa terpelihara.

Antara usaha yang dilaksanakan adalah menyediakan **perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial**. Perkhidmatan ini dikendalikan hampir 150 orang kaunselor dan pakar psikologi di UA. Bagi memudahkan akses pelajar, perkhidmatan yang ditawarkan boleh dicapai melalui talian *hotline* dan secara atas talian. Selain itu, sesi perkhidmatan juga dilaksanakan secara fizikal bagi kemudahan pelajar yang berada di dalam kampus. Sokongan psikososial pula dilaksanakan antaranya melalui kaedah e-kaunseling berkelompok, *online self screening* menggunakan *Depression Anxiety Stres Scale* (DASS), saringan kesihatan mental, *Psychological First Aid Care Kit* dan e-psikologi.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial, **program-program berbentuk kesedaran** juga turut dianjurkan oleh pihak IPT. Pada tahun 2021, hampir

560 program kaunseling serta pengurusan emosi telah dilaksanakan oleh UA dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MAKUMA). Antara program-program tersebut seperti *Shout-Out For Mental Health* oleh USM, Program Perkongsian Tips Minda Sihat Bersama Pelajar oleh UM, dan *Forum Mental Health During Pandemic and Online Distance Learning (ODL)* oleh UMS. Pihak Politeknik dan Kolej Komuniti juga turut menganjurkan pelbagai program kesedaran dan program berbentuk kerohanian, serta sesi kaunseling secara berkelompok dan individu yang melibatkan 2,377 pelajar.

Pihak Kementerian juga, dengan kerjasama MAKUMA sedang di peringkat akhir menyiapkan **Modul Kesihatan Mental Pelajar IPT** bagi menangani isu-isu berkaitan tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini akan digunakan sebagai garis panduan kepada pegawai di UA bagi mengurus kes kesihatan mental yang melibatkan mahasiswa di universiti dengan lebih komprehensif dan efisien.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD**
[KANGAR]
TARIKH : **5 OKTOBER2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 58**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah kursus-kursus yang bersifat praktikal atau kerja di lapangan dijalankan sejak Mac 2020. Apakah mahasiswa yang mengambil bidang-bidang ini akan diberi kelas intensif tambahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang mencabar dalam semua sektor termasuklah sektor pengajian tinggi. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan hampir semua aktiviti sosial dan fizikal tergendala serta turut memberikan impak besar ke atas kursus Latihan Industri (LI) bagi pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Tinggi (IPT). PKP yang berpanjangan juga telah membataskan keupayaan pelajar untuk menjalani LI secara fizikal di lokasi mereka ditempatkan.

Menyedari hakikat ini, pihak IPT telah bersinergi dengan pelbagai rakan kolaborasi industri bagi memastikan penempatan LI berjalan lancar. Sekiranya pelajar tidak dapat meneruskan LI yang asal akibat penutupan industri tertentu, maka pelajar dibenarkan menukar industri serta menyambung latihan untuk tempoh yang masih berbaki.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pelajar mempunyai masalah penempatan di industri setelah pelbagai usaha dilaksanakan, mereka akan diberi pilihan untuk menjalani LI di dalam kampus mengikut SOP yang telah ditetapkan. Usaha seumpama ini dilaksanakan di peringkat pelajar politeknik dan kolej komuniti di mana seramai 26,193 pelajar semester akhir sesi Disember 2020 telah menjalani LI tanpa perlu melanjutkan tempoh pengajian mereka.

Selain itu, dalam mendepani perkara ini juga, pihak kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengeluarkan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, iaitu *Advisory Note MQA 2/2021* yang telah memberikan fleksibiliti dan alternatif kepada IPT bagi aktiviti PdP yang melibatkan teori, praktikal dan kerja lapangan, termasuklah LI. Antara kaedah alternatif tersebut adalah:

1. LI boleh dilaksanakan secara maya atau *virtual industrial training* berdasarkan aktiviti yang bersesuaian seperti *virtual simulation, virtual lab, augmented reality, virtual reality* dan sebagainya; atau
2. LI boleh digantikan dengan kajian kes yang berasaskan kepada permasalahan atau isu di industri atau projek komuniti berasaskan bidang program pengajian dengan kerjasama industri.

Kementerian bersama pihak IPT sentiasa mengambil berat dan bersedia untuk membantu graduan yang terkesan termasuklah menawarkan bimbingan dan kelas tambahan kepada mereka. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dan membolehkan mereka bergraduat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)
SOALAN : NO. 59

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah polisi yang akan digunakan untuk menyelamatkan IPTS pasca COVID-19. Apakah status usaha sama Kementerian dengan pihak industri dan *business chambers* negara-negara luar berhubung Pendidikan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa perihatin kepada permasalahan yang dihadapi oleh IPTS terutamanya yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Selaras dengan itu, pada 4 Mei 2020 KPT telah membentangkan kertas bertajuk "*Private Higher Education Institutions (PHEIs): Mitigating the Impact of COVID 19 & Inherent Challenges for National Economic Recovery*" kepada *Economic Action Council* (EAC). Susulan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Mei 2020 telah bersetuju untuk mengiktiraf pendidikan tinggi swasta sebagai satu industri pertumbuhan ekonomi strategik. Justeru, KPT telah menubuhkan satu *National Level Taskforce* iaitu Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS Sebagai Industri (PEMUDAH IPTS) bagi mengkaji dan meneliti permasalahan serta kekangan yang dihadapi oleh IPTS. Untuk tujuan ini, Kementerian turut menubuhkan empat (4) Jawatankuasa Kerja atau *Technical Working Group (TWG)* yang berperanan untuk membantu PEMUDAH IPTS.

Selain itu, bagi menjana pendapatan kepada IPTS, satu program jangka pendek yang dinamakan Program Penjana KPT-CAP IPTS telah dilaksanakan. Sebanyak 89 program telah diluluskan kepada 16 IPTS. Diharapkan melalui program ini, IPTS boleh menjana pendapatan sebagai pengendali latihan kepada program berkenaan, disamping memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang terlibat.

Bagi menjawab soalan kedua Ahli Yang Berhormat berkenaan penglibatan pihak industri berhubung Pendidikan TVET, pihak Kementerian melalui JPPKK sentiasa bekerjasama dengan pihak industri terutamanya dari sudut pembangunan kurikulum bagi memastikan kualiti graduan bidang TVET sentiasa menepati keperluan industri. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah melalui platform Majlis TVET Negara dan Majlis Penasihat Industri yang berperanan memberi pandangan dan berkongsi maklumat berkenaan fokus semasa industri di peringkat nasional dan global. Selain itu, industri turut dilibatkan melalui pelaksanaan *Structured Internship Programme* (SIP), pendekatan pembelajaran *industry-led training* seperti *Work-Based Learning*, 2u2i dan program perantisan yang menempatkan pelajar di industri sebelum mereka bergraduat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Ogos 2021, pihak JPPKK telah menjalinkan kerjasama berimpak tinggi dengan lebih 177 industri dan agensi seperti MDEC; Maybank; SIRIM; MyIPO; MIDA; JAKIM; Panasonic Sdn. Bhd; Top Glove Sdn Bhd; dan lain-lain. Kerjasama ini melibatkan pelaksanaan Program CEO@PolyCC; *Certificate of Collaboration*; Jawatankuasa Penasihat Industri; *Industry on Campus* (IoC); penajaan latihan tambahan; penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan; latihan industri berstruktur; sumbangan atau perkongsian peralatan; dan penempatan pekerjaan.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri dan *business chambers* negara-negara luar untuk mendapatkan *best practices* dalam meningkatkan pendidikan TVET. Di antara wakil dewan perdagangan dan industri luar yang terlibat adalah *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry* (MFCCI); *Malaysian German Chamber of Commerce and Industry* (MGCC); *British Malaysian Chamber of Commerce* (BMCC); dan *Trade Commissioner, High Commission of Canada to Malaysia*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR**
[JOHOR BAHRU]
TARIKH : **11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 2**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

- (a) strategi pembukaan semula institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara bagi sesi pengajaran secara bersemuka; dan
- (b) perkembangan program vaksinasi khususnya dalam kalangan pelajar mahasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam merangka strategi pembukaan semula institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, pihak KPT telah mengadakan beberapa sesi libat urus dan perbincangan dengan semua pihak yang berkepentingan, antaranya semua pengurusan tertinggi IPT, dan kepimpinan mahasiswa. Selain pihak yang terlibat secara langsung dengan institusi pendidikan, kementerian juga turut mengadakan perbincangan dengan wakil kerajaan negeri, KKM, MKN, PDRM, MOSTI dan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan penerbangan. Sesi libat urus ini diadakan adalah bagi mendapatkan input dan pandangan yang menyeluruh dalam menentukan kaedah dan mekanisme terbaik agar pembukaan serta kemasukan semula pelajar ke kampus dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Berdasarkan input sesi libat urus yang dilaksanakan, pihak kementerian telah membentangkan Pelan Pembukaan dan Pengoperasian Institusi Pendidikan Tinggi termasuk SOP yang akan digunakan di Mesyuarat Majlis Pemulihan Negara, Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik dan Mesyuarat Kuartet

Menteri COVID-19. Antara perkara yang ditekankan dalam pelan ini adalah pengurusan kemasukan pelajar secara berperingkat; pengurusan PdP; pengurusan aktiviti pelajar; pengurusan keluar masuk kampus; pengurusan pelajar yang positif atau mempunyai gejala COVID-19; pemerkasaan Jawatankuasa Tindakan Kecemasan dan Bilik Gerakan; pengukuhan pematuhan SOP; pemerkasaan pengurusan kesihatan mental dan sebagainya.

Di samping itu, pihak kementerian juga mengutamakan pelajar dan warga IPT yang telah mendapat suntikan dos vaksin lengkap sahaja yang dibenarkan kembali ke kampus secara berperingkat. Manakala pelajar-pelajar yang lain boleh mengikuti PdP secara dalam talian. Ketetapan ini adalah bagi menyediakan persekitaran IPT yang lebih selamat untuk melaksanakan aktiviti PdP secara bersemuka dengan norma baharu dan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan status program vaksinasi kepada warga IPT, izinkan saya untuk menjawab perkara ini bersekali dengan soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Muar iaitu soalan nombor 8 yang membangkitkan isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KPT dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) sedang giat melaksanakan program vaksinasi warga IPT melalui program VACC2CAMPUS bagi meningkatkan kadar vaksinasi warga IPT khususnya kepada pelajar.

KPT dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menyediakan kemudahan akses secara *walk in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Oktober 2021, seramai 83% orang pelajar IPT telah menerima dos lengkap vaksinasi iaitu 951,739 orang daripada 1.15 juta orang pelajar secara keseluruhan. Manakala bagi kakitangan IPT, seramai 117,721 orang atau 90% telah menerima dos lengkap vaksinasi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN
[MUAR]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)
SOALAN : NO. 8

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan untuk membentangkan kadar vaksinasi terkini bagi seluruh ekosistem pengajian tinggi negara termasuklah kumpulan mahasiswa, pensyarah serta staf sokongan di IPT seluruh negara.

JAWAPAN

Pertanyaan ini telah dijawab bersekali dengan pertanyaan YB Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] pada tarikh 11 Oktober 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : **11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 69**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah untuk memperbaiki SOP bagi KPT membendung dan mengelakkan kes gangguan seksual di institusi pendidikan di bawah KPT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam isu yang membabitkan gangguan seksual di Institusi Pendidikan, Kementerian dan IPT sama sekali tidak akan bertoleransi dimana tindakan tanpa '*fear or favour*' dan kerjasama sepenuhnya akan diberikan kepada pihak berkuasa dalam menyiasat insiden tersebut agar pelaku dapat dibawa ke muka pengadilan.

Sebagai langkah kawalan dan pencegahan, sekiranya pelaku adalah pelajar IPT, Seksyen 15D, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) atau AUKU akan dirujuk. Seksyen 15D ini memperuntukkan bahawa sekiranya seorang pelajar dituduh dengan kesalahan boleh daftar, maka dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor digantung daripada menjadi seorang pelajar, dilarang berada dalam atau memasuki kampus selagi prosiding belum selesai, serta boleh dikenakan tindakan tatatertib. Sekiranya kes gangguan seksual ini melibatkan kakitangan IPTA pula, tindakan tatatertib boleh dikenakan mengikut Peraturan 3(2)(d), Jadual Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Peraturan ini antara lain menyebut bahawa seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membendung dan mencegah kes gangguan seksual termasuklah:

- (a) Melaksanakan program kesedaran dan pencegahan melalui modul Cakna Diri kepada pelajar dengan kolaborasi bersama agensi yang berkaitan seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan NGO;
- (b) Menggunapakai Garis Panduan Pengaduan Kes Gangguan Seksual Di Institusi untuk pelajar atau staf untuk membuat aduan;
- (c) Sesi taklimat berkenaan sahsiah dan disiplin pelajar dengan menerapkan elemen melibatkan isu gangguan seksual, tindakan dan hukuman; dan
- (d) Memperkasa peranan Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman sebagai penghubung pelajar dengan pengurusan institusi berkaitan masalah sosial

Dalam perkara ini, pihak Kementerian, institusi dan warga IPT perlu sama-sama memainkan peranan dalam mempromosi persekitaran IPT yang bebas daripada segala bentuk ancaman termasuk gangguan seksual bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga IPT secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT
TAHUN 2021**

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN
BUKAN LISAN**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL**
[LEMBAH PANTAI]
SOALAN : **NO. 27**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peratusan warga kampus termasuk mahasiswa, tenaga pengajar dan pengurusan di Universiti Awam (UA) yang telah divaksin dengan dua dos sehingga Ogos 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Oktober 2021, seramai 83% orang pelajar IPT telah menerima dos lengkap vaksinasi iaitu 951,739 orang daripada 1.15 juta orang pelajar secara keseluruhan. Manakala bagi kakitangan IPT, seramai 117,721 orang atau 90% telah menerima dos lengkap vaksinasi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]
SOALAN : **NO. 111**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian tentang kebajikan mahasiswa. Adakah wujud langkah Kementerian bagi mengurangkan kos yuran di universiti ketika pandemik dan bagaimana Kementerian menangani masalah mahasiswa tiada capaian jalur lebar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian berkaitan kebajikan mahasiswa adalah penubuhan Yayasan Kebajikan Mahasiswa sebagai satu badan rasmi di peringkat nasional yang berupaya mengurus dan menyelaraskan hal ehwal kebajikan mahasiswa secara bersepadu. Melalui Yayasan ini, pelbagai inisiatif dan program akan dilaksanakan bagi menjaga kebajikan pelajar-pelajar IPT yang berkeperluan. Selain itu, KPT menerusi IPT juga turut melaksanakan program atau inisiatif yang bertujuan menjaga kebajikan mahasiswa sepanjang tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan. Antara inisiatif atau program yang dilaksanakan adalah penyediaan perkhidmatan kaunseling, bantuan pemakanan menerusi inisiatif *Food Bank*, bantuan kewangan secara *one-off*, bantuan pelan data, bantuan peranti dan sebagainya.

Bagi meneruskan usaha untuk membantu pelajar yang terkesan dengan pandemik COVID-19, terkini semua UA telah bersetuju untuk memberikan pengurangan yuran Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 sebanyak 20 peratus kepada semua pelajar warganegara Malaysia. Pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% kali ini adalah lebih meluas kerana ianya melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA.

KPT juga telah menyarankan agar pihak IPTS mempertimbangkan pemberian diskaun potongan yuran kepada pelajar atas dasar keprihatinan terhadap kebajikan serta permasalahan kewangan yang dihadapi oleh pelajar. Selain itu, KPT turut melaksanakan moratorium permohonan kenaikan yuran kursus pengajian IPTS di mana sebarang permohonan kenaikan yuran daripada IPTS tidak akan dipertimbangkan bermula 1 Jun hingga 31 Disember 2020 dan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH**
[BESUT]

SOALAN : **NO. 117**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kedudukan atau *ranking* terkini Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara; dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan lagi kedudukan IPT negara ketika negara mendepani situasi pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2022* pada 9 Jun 2021, kesemua lima Universiti Penyelidikan Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM) , Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya mengekalkan kedudukan mereka dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia.

Berdasarkan laporan tersebut juga, sebanyak 22 buah Universiti tempatan telah berjaya disenaraikan sebagai 1200 universiti terbaik dunia di mana 5 buah universiti berjaya memperbaiki kedudukan berbanding tahun lepas; Universiti Kuala Lumpur (UniKL) tersenarai untuk kali pertama; dan 4 buah universiti berjaya mengekalkan kedudukan.

UM sekali lagi telah berjaya mengekalkan kedudukan sebagai 100 universiti terbaik di dunia sejak 2018 iaitu 7 tahun lebih awal dari sasaran dan terkini berada di tempat ke 65. Kedudukan empat (4) Universiti Penyelidikan yang lain pula adalah Universiti Putra Malaysia (UPM) di tangga ke-143 (pada tahun 2021 di tangga ke-132); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tangga ke-144 (pada tahun 2021 di

tangga ke-141); Universiti Sains Malaysia (USM) di tangga ke-147 (pada tahun 2021 di tangga ke-142); dan diikuti oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di tangga ke-191 (pada tahun 2021 di tangga ke-187).

Selain lima Universiti Penyelidikan Malaysia tersebut, Universiti Utara Malaysia (UUM) turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan di tangga ke 511-520 berbanding di tempat 531- 540 pada tahun 2021. Sebanyak tujuh (7) buah universiti awam yang lain juga berjaya disenaraikan di dalam senarai '*top 1,200 universities in the world*' oleh *QS World University Rankings 2022* iaitu:

- i. Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) di tangga ke-651-700;
- ii. Universiti Teknologi Mara (UiTM) di tangga ke-651-700;
- iii. Universiti Malaysia Pahang (UMP) di tangga ke-801-1000;
- iv. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di tangga ke-801-1000;
- v. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
- vi. Universiti Malaysia Terengganu (UMT); dan
- vii. Universiti Malaysia Sabah (UMS) di tangga ke-1001-1200.

Bagi universiti swasta, Taylor's University mendahului IPTS lain di kedudukan ke-332 (2021: 379), diikuti oleh UCSI University di kedudukan 347 (2021: 391), Universiti Teknologi Petronas (UTP) di kedudukan ke-414 (2021: 439), serta Sunway University di kedudukan 651-700 berbanding di tempat 701-750 pada tahun sebelumnya. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) (kedudukan 751 – 800), UniKL (kedudukan 801 – 1000), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) (kedudukan 801 – 1000) dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) (kedudukan 1000 – 1200) turut tersenarai dalam penarafan kali ini.

Antara langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan lagi kedudukan IPT negara adalah:

- i. Pelaburan (dana) penyelidikan yang berterusan daripada kerajaan melalui permohonan dana bagi Program Pengukuhan Dan Pemerksaan Universiti Penyelidikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Tujuan program tersebut adalah untuk menyediakan pembiayaan bagi pengukuhan dan pemerksaan 5 Universiti Penyelidikan yang sedia ada dengan 4 fokus utama iaitu Pembangunan Bakat (*Talent Development*), Keunggulan Penyelidikan (*Research Prominence*), Penghubung Cabaran Perdana (*Bridging the Grand Challenge*) dan Penjanaaan Kekayaan (*Wealth Creation*).
- ii. Memperbanyakkan program partnership dan kolaborasi bersama institusi terkemuka dunia seperti *Top 100 / Top 50 universities* melalui skim padanan geran penyelidikan. Antara kolaborasi tersebut adalah kerjasama dengan

Research Councils United Kingdom (RCUK) sejak tahun 2016, Japan Science and Technology Agency (JST) sejak tahun 2015 dan Japan International Cooperation Agency (JICA) sejak tahun 2012.

- iii. KPT juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional yang telah diujarkannya dengan kriteria Universitas 21 (U21) dan QS World University Rankings untuk mengukur peningkatan kualiti IPT melalui sistem penarafan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*. Antara indikator yang terlibat dalam penilaian penarafan ini ialah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi dan jaringan dan jangkauan. Sistem penarafan ini dapat memberikan daya saing dalam kalangan IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]
SOALAN	:	NO. 121

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

- (a) apakah peranan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) masih diteruskan dalam perantaraan kepimpinan Universiti Awam (UA) terutamanya dalam pemilihan Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor; dan
- (b) apakah langkah yang diambil dalam menyelesaikan isu pelantikan Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) masih diteruskan dalam proses pelantikan kepimpinan Universiti Awam (UA). AKEPT bertanggungjawab melaksanakan penilaian kompetensi kepimpinan serta menyediakan laporan pemprofilan kepimpinan bagi Kumpulan Bakat Kebangsaan atau *National Top Talent (NTT)* khasnya kepada perjawatan Naib Canselor. Laporan tersebut diguna pakai semasa proses saringan dan temu bual calon Naib Canselor yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pemilihan Naib Canselor Universiti Awam.

Selain itu, AKEPT turut menyediakan laporan pemprofilan kepimpinan calon NTT kepada UA bagi tujuan saringan calon Timbalan Naib Canselor bagi universiti yang memohon dan memerlukan laporan tersebut sebagai bahan rujukan dalam proses saringan.

Isu penangguhan pelantikan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah selesai di mana surat pelantikan beliau yang bertarikh 9 Ogos 2021 telah disampaikan

sendiri kepada YBrs. Prof. Ts. Dr. Roziah Mohd Janor pada 3 September 2021. Pelantikan beliau mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi wanita pertama yang dilantik ke jawatan Naib Canselor UiTM dengan proses pemilihan beliau sebagai Naib Canselor UiTM adalah melalui saringan, temu bual dan penilaian yang teliti oleh Jawatankuasa Saringan di peringkat universiti dan Jawatankuasa Tetap Pemilihan Naib Canselor Universiti Awam di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG**
[ISKANDAR PUTERI]
SOALAN : **NO. 163**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik terkini mengenai bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) warganegara yang dilahirkan dari institut pengajian tinggi awam dan anggaran bilangan pemegang ijazah PHD dari IPT luar negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa musim konvokesyen, bilangan graduan (warganegara) bagi peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dari tahun 2006 hingga 2020 adalah seramai 22,176 orang. Daripada jumlah ini, 20,198 adalah graduan daripada Universiti Awam (UA).

Bilangan graduan ijazah PhD yang menerima tajaan biasiswa KPT dan bergraduasi dari universiti luar negara bagi tempoh yang sama adalah seramai 4,167 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN M. KULASEGARAN**
[IPOH BARAT]
SOALAN : **NO. 177**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membatalkan yuran pendaftaran untuk pelajar yang berasal daripada keluarga B40 dan yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke pusat pendidikan tinggi mulai bulan September 2021 agar memastikan pelajar tidak tercicir daripada melanjutkan pelajaran akibat kekangan kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT sentiasa peka dan prihatin terhadap keresahan pelajar berhubung bebanan kewangan apabila memulakan pengajian untuk semester baharu Sesi Akademik 2021/2022 susulan pelbagai cabaran yang dihadapi disebabkan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, pada 14 September 2021 Kementerian telah mengumumkan inisiatif pengurangan yuran sebanyak 20% bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 kepada semua pelajar di Universiti Awam (UA). Inisiatif pengurangan yuran ini dijangka akan memberi manfaat kepada 555,340 pelajar warganegara Malaysia di setiap peringkat pengajian bermula dari peringkat Asasi sehingga ke peringkat Pasca Siswazah sama ada pengajian sepenuh dan separuh masa dengan anggaran nilai RM175 juta. Pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% pada kali ini adalah lebih meluas kerana ianya melibatkan semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA iaitu Yuran Pendaftaran, Yuran Pengajian, Yuran Asrama, Yuran Perkhidmatan, Yuran Perpustakaan, Yuran Aktiviti Pelajar, Yuran Alumni, Yuran Kesihatan dan Insurans, Yuran Kebajikan dan lain-lain.

Manakala untuk pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti pula, KPT telah mengambil beberapa inisiatif, antaranya:

- a) memperluas Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) kepada semua pelajar B40 dan melanjutkan tempoh pemberian bantuan daripada 2 semester kepada 3 semester pengajian;
- b) pengurangan bayaran pelbagai sebanyak 50% pada sesi pengajian Jun 2020, September 2020, Disember 2020 dan sesi akademik kemasukan pertama 2021/2022. Inisiatif ini memberi manfaat kepada seramai 202,463 pelajar;
- c) membiaya perlindungan takaful kepada 89,021 pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti melibatkan peruntukan sebanyak RM3,122,035.00 bagi Sesi Akademik Kemasukan Pertama 2021/2022.

Selaras dengan semangat #KPTPrihatin bagi memastikan pelajar tidak tercicir daripada melanjutkan pelajaran akibat kekangan kewangan, KPT turut mempelbagaikan inisiatif dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan. Pada sesi akademik 2021/2022, KPT telah bersetuju untuk menanggung sepenuhnya bayaran proses UPU *Online*/ UNIK ID kepada semua pemohon untuk kemasukan ke IPTA dan ILKA yang mana sebelum ini bayaran ini dikenakan kepada pemohon untuk mendapatkan No. Unik ID Bank Simpanan Nasional sebelum mengisi borang permohonan bagi melanjutkan pengajian ke IPTA dan ILKA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM]
SOALAN	:	NO. 196

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa terdapat ramai lantikan dari pemimpin parti politik di LPU universiti awam. Apakah status Majlis Pendidikan Tinggi Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Lembaga Pengarah Universiti Awam (LPU) adalah berdasarkan Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30). Seksyen 13(1) Akta 30 juga telah menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah terdiri daripada:

- a) Pengerusi;
- b) Naib Canselor;
- c) Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- d) Seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti itu;
- e) Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 17(d)*; dan
- f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

Dalam usaha memastikan kredibiliti LPU terpelihara dan mampu berfungsi dengan berkesan, KPT telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai panduan. Ianya menyentuh perkara-perkara berkenaan saiz, komposisi, dan kriteria pencalonan Ahli LPU. Perlantikan LPU juga mengambil kira kepakaran calon yang

memenuhi keperluan komposisi di bawah Akta 30 di samping keunikan Universiti Awam yang mempunyai bidang tujuhan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua

MPTN ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 [Akta 546] dan berfungsi untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar nasional bagi pembangunan pendidikan tinggi. Buat masa ini Akta 546 menyatakan bahawa Pengerusi MPTN adalah merupakan Menteri Pendidikan. Justeru, proses untuk memperkasakan semula MPTN menghadapi cabaran di pihak Kementerian berikutan fungsi Menteri yang dinyatakan bukan Menteri yang bertanggungjawab ke atas Pendidikan Tinggi.

Walaupun, Kementerian dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara (AGC), sedang membuat semakan ke atas Akta MPTN 1996 melalui kuasa yang diperuntukkan kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang di bawah Akta Penyemakan Undang-undang 1968. Saya difahamkan ia kini di peringkat akhir semakan oleh AGC.

Menyedari kepentingan untuk aktif semula MPTN, Kementerian telah mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan secara pentadbiran Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Tinggi untuk melaksanakan sebahagian daripada fungsi MPTN. Komposisi keahlian JPPT adalah sama seperti mana keahlian MPTN dengan tambahan ahli iaitu Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Jawatankuasa ini telah bersidang buat kali pertama pada 22 Julai 2021. Antara perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkenaan Penjana Pendapatan Universiti Awam, Pelan Penggantian atau *Succession Plan* di Universiti Awam, Pengajaran dan Pembelajaran Masa Hadapan, Kebolehpasaran Graduan, Pengoperasian IPT dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan lain-lain isu penting berkenaan pendidikan tinggi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
SOALAN : **NO. 196**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan menyatakan apakah status terkini polisi *Way Forward for Private Higher Education as an Industry (2020-2025)*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT sentiasa memberi tumpuan terhadap usaha untuk memperkasakan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan ianya terus berperanan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam memastikan pengoperasian IPTS adalah mampan dan berdaya saing, Kementerian melalui Pelan Tindakan *Way Forward for Private Higher Education Institutions (PHEIs): Education as an Industry (2020-2025)* telah menggariskan lima (5) fokus utama untuk kelestarian IPTS iaitu *Agile Governance, Institutional Sustainability, Transformed Delivery, Innovation and Teaching Excellence* dan *Internationalisation*.

Pelaksanaan pelan ini dipantau oleh pihak pengurusan termasuklah melalui Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS sebagai Industri (PEMUDAH IPTS). PEMUDAH IPTS memastikan kelestarian IPTS sebagai sebuah industri yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dengan keanggotaan melibatkan ahli dari pelbagai institusi dari Kementerian, Agensi dan wakil IPTS. Tujuan PEMUDAH IPTS ialah untuk mengenal pasti cabaran dan peluang yang dihadapi oleh IPTS yang melibatkan pertindihan bidang kuasa antara pelbagai Kementerian dan Agensi dalam menjadikan industri pendidikan tinggi swasta sebagai sektor ekonomi strategik dan progresif.

Terdapat empat (4) Jawatankuasa Kerja atau *Technical Working Group (TWG)* PEMUDAH IPTS iaitu:

- a. TWG 1: Policy, Governance and Procedure
- b. TWG 2: Financial Sustainability
- c. TWG 3: Quality of Student, Programme & Institution
- d. TWG 4: Internationalisation & Promotion

KPT percaya dokumen ini mampu memberi impak kepada governan IPTS sedia ada seperti perubahan pada pengemaskinian templat pelebagaan, menyelaraskan pemakluman berkaitan bantuan kewangan, sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bagi keputusan dasar dan penambahbaikan sistem penyampaian secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **PUAN RUSNAH BINTI ALUAI**
[TANGGA BATU]

SOALAN : **NO. 314**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kriteria pemilihan calon Naib Canselor Universiti-Universiti Awam di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam proses pemilihan calon Naib Canselor Universiti Awam (UA) kriteria utama yang dinilai adalah kemahiran, kemampuan dan pengalaman dalam pentadbiran institusi akademik. Jawatankuasa Tetap Pemilihan Naib Canselor Universiti Awam bukan sahaja menilai *Curriculum Vitae* (CV) akademik, kepimpinan dan pencapaian akademik bahkan turut menilai ciri-ciri penting calon sebagai pemimpin institusi. Pembuktian adalah berdasarkan impak yang ditunjukkan melalui kejayaan calon menerajui program-program yang signifikan terhadap pembangunan universiti.

Antara kriteria yang kritikal dalam proses pemilihan ini ialah calon perlu mempunyai visi dan misi yang jelas dalam menentukan hala tuju universiti, berwawasan jauh untuk meningkatkan prestasi universiti terutamanya dalam *core business* universiti iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran yang relevan dengan perkembangan semasa, menghasilkan penyelidikan yang mampu dikomersialkan dan dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat serta melahirkan graduan yang holistik.

Selain itu, calon perlu mempunyai pemikiran terbuka dalam menghargai dan meraikan kepelbagaian latar belakang warga kampus dan menguruskan perbezaan tersebut dengan baik, mempunyai keperibadian yang dihormati, menunjukkan tahap integriti yang tinggi dan boleh dijadikan contoh oleh warga universiti. Calon Naib Canselor juga haruslah:

- i. mempunyai iltizam untuk menjadikan universiti sebagai institusi yang memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dan negara;
- ii. mempunyai pemikiran terbuka dalam menghargai dan meraikan kepelbagaian latar belakang warga kampus dan menguruskan perbezaan tersebut dengan baik, mempunyai keperibadian yang dihormati, menunjukkan tahap integriti yang tinggi dan boleh dijadikan contoh oleh warga universiti;
- iii. mempamerkan tahap kepimpinan yang cemerlang, mengetahui selok-belok aktiviti akademik, penyelidikan dan kepentingan libat urus bersama pihak industri dan komuniti;
- iv. menjadi rujukan *peers* di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang seterusnya membawa jenama universiti ke peringkat yang lebih tinggi serta mempunyai *authority* dalam bidang kepakaran dan disiplin ilmunya;
- v. diiktiraf peranannya dunia akademik, affiliasi dalam pertubuhan dan badan profesional berprestij serta anugerah-anugerah lain kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa; dan
- vi. dikenali sebagai individu yang berkeperibadian luhur, memelihara tradisi tempatan, memahami lanskap sosioekonomi dan politik tempatan di samping peka dengan perkembangan pengajian tinggi di serata dunia.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH
[LENGGONG]**

SOALAN : **NO. 333**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 sehingga 2021, adakah berlaku penurunan yang ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar kebolehpasaran graduan merujuk kepada graduan yang sedang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran serta menunggu penempatan pekerjaan.

Justeru, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2020 semasa musim konvokesyen, kadar kebolehpasaran graduan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 1.8 peratus, iaitu dari 86.2 peratus pada tahun 2019 kepada 84.4 peratus pada tahun 2020. Bagi tahun 2021 pula, keputusan kadar kebolehpasaran graduan hanya akan diperolehi pada bulan Februari tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW**
[WANGSA MAJU]
SOALAN : **NO. 383**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar IPT yang terpaksa berhenti belajar akibat masalah kewangan dan kekurangan kemudahan pelajaran secara atas talian sepanjang pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada data di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, bilangan pelajar universiti awam (UA) yang berhenti disebabkan masalah kewangan bagi **tahun 2020** adalah seramai **20 orang** yang terdiri daripada 2 pelajar Ph.D, 6 pelajar Sarjana, 3 pelajar Sarjana Muda dan 9 pelajar Diploma. Manakala bagi **tahun 2021**, data yang diperolehi sehingga 30 April 2021 menunjukkan pelajar yang terlibat adalah seramai **15 orang** yang terdiri daripada 3 pelajar Ph.D, 1 pelajar Sarjana, 9 pelajar Sarjana Muda dan 2 pelajar Diploma.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN TEH KOK LIM**
[TAIPING]
SOALAN : **NO. 390**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah bilangan pelajar yang telah berjaya menerima ijazah mereka untuk tahun 2019 dan 2020 dan daripada jumlah tersebut berapa ramai yang masih belum mendapat kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, seramai 346,686 orang telah menerima ijazah pada tahun 2019, dan seramai 318,593 orang pada tahun 2020.

Pada tahun 2019 graduan yang masih belum bekerja adalah seramai 41,161 orang, manakala pada tahun 2020 pula adalah seramai 40,550.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT
TAHUN 2021**

**WAKTU PERTANYAAN MENTERI
(*Ministry Question Time - MQT*)**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **WAKTU PERTANYAAN MENTERI**
DARIPADA : **TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU**
[BATU GAJAH]
TARIKH : **21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 1**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai peluang pendidikan tinggi yang disediakan terutamanya ke universiti-universiti awam bagi lepasan diploma daripada politeknik-politeknik tempatan. Didapati ramai yang memperoleh keputusan yang cemerlang dari politeknik tidak mendapat tempat melanjutkan pelajaran di menara gading tahun ini. Mohon penjelasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya pelajar-pelajar politeknik disediakan untuk memenuhi keperluan industri. Namun pihak kementerian juga menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Antara inisiatif KPT adalah dengan membuat kerjasama artikulasi program diploma politeknik ke program Ijazah Sarjana Muda *Malaysian Technical University Network* (MTUN).

Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA menyelaras permohonan kemasukan pelajar ke universiti awam melalui sistem UPU Online. Penyelarasan ini merangkumi permohonan, pemilihan, penawaran, hebahan dan rayuan bagi program pengajian lepasan STPM, asasi, matrikulasi dan diploma untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti awam. Kejayaan mendapat tempat pengajian bergantung sepenuhnya kepada markah merit, bilangan tempat yang disediakan serta kelayakan calon selain kecemerlangan dalam proses temu duga yang dilaksanakan di universiti awam bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi.

Pada sesi akademi 2021/2022, KPT telah menerima sebanyak 7,652 orang calon lepasan politeknik yang memohon dan layak untuk melanjutkan pengajian ke

universiti awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,103 ataupun 67 peratus telah ditawarkan tempat pengajian. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak lima peratus berbanding 4,445 daripada 7,175 orang calon yang memohon pada sesi akademi 2020/2021. Daripada analisa KPT, calon tidak ditawarkan tempat berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor. Di antaranya:

- (i) persaingan yang sengit di antara pelajar diploma, asasi, matrikulasi dan STPM untuk mendapatkan tempat di IPTA;
- (ii) tidak berjaya semasa sesi temu duga yang dijalankan secara bersemuka atau secara dalam talian;
- (iii) memilih program yang sangat kompetitif dengan permintaan yang tinggi akan menghadkan peluang calon untuk mendapat tempat; dan
- (iv) tempat yang ditawarkan bagi tiap bidang pengajian adalah terhad.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

[25 OKTOBER HINGGA 16 DISEMBER 2021]

**ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-14
13 SEPTEMBER HINGGA 12 OKTOBER 2021**

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

25 OKTOBER 2021 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

26 OKTOBER 2021 (SELASA) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

27 OKTOBER 2021 (RABU) - 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 4] PR-1442-L13603 Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kelangsungan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang kebanyakannya dilaporkan memerlukan bantuan disebabkan tidak dapat beroperasi seperti biasa dalam tempoh 12 hingga 18 bulan ini disebabkan oleh SOP berkaitan COVID-19.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	<p data-bbox="316 308 427 342">[No. 12]</p> <p data-bbox="316 399 528 433">PR-1442-L12838</p> <p data-bbox="316 444 1375 614">Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan statistik kes-kes yang melibatkan keselamatan mahasiswa dan mahasiswi di kampus serta pengkategorian berdasarkan negeri dan jenis universiti sama ada universiti awam dan swasta.</p>
3.	<p data-bbox="316 659 427 694">[No. 16]</p> <p data-bbox="316 750 517 784">PR-1442-L13911</p> <p data-bbox="316 796 1375 1011">Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kriteria dan merit seseorang yang dilantik ke LPU universiti-universiti awam (UA), dan apakah ahli-ahli LPU di UA-UA yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021 menepati kriteria-kriteria tersebut.</p>
4.	<p data-bbox="316 1068 427 1102">[No. 25]</p> <p data-bbox="316 1158 523 1192">PR-1442-L13154</p> <p data-bbox="316 1204 1375 1329">Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah persediaan Kementerian dalam menguruskan kaedah pembelajaran IPTA dan IPTS menuju fasa endemik.</p>
5.	<p data-bbox="316 1385 427 1419">[No. 38]</p> <p data-bbox="316 1476 528 1510">PR-1442-L13473</p> <p data-bbox="316 1521 1375 1691">Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan perkara yang berkaitan dengan pengajian TVET. Apakah fasiliti yang digunakan semasa pengajian selari dengan teknologi semasa dan adakah graduan mampu berdaya saing dengan pasaran tempatan mahupun global.</p>

28 OKTOBER 2021 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

29 OKTOBER 2021 (JUMAAT) -TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA

1 NOVEMBER 2021 (ISNIN) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

2 NOVEMBER 2021 (SELASA) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 10]</p> <p>PR-1442-L13485</p> <p>Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah kajian yang dilakukan oleh para pakar dalam pelbagai bidang sains, teknologi dan perubatan khususnya penyakit berjangkit COVID-19 daripada universiti awam atau swasta telah diguna pakai semaksimumnya oleh negara.</p>
2.	<p>[No. 29]</p> <p>PR-1442-L13212</p> <p>Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan dengan terperinci senarai Lembaga Pengarah terkini semua Universiti Awam (IPTA) dan senarai nama pelantikan politik (political appointees) ke Lembaga Pengarah Universiti Awam masing-masing dari Januari 2020 hingga bulan September 2021.</p>

3 NOVEMBER 2021 (RABU) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

4 NOVEMBER 2021 (KHAMIS) – TIADA PERSIDANGAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	CUTI DEEPAVALI

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA

8 NOVEMBER 2021 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

9 NOVEMBER 2021 (SELASA) – 9 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 3] PR-1442-L13494 Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 sehingga terkini tahun 2021, adakah berlaku sebarang penurunan yang ketara.
2.	[No. 7] PR-1442-L12816 Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan adakah sosialiti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pembelajaran secara hibrid.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	<p data-bbox="311 312 427 347">[No. 15]</p> <p data-bbox="311 399 523 433">PR-1442-L13681</p> <p data-bbox="311 439 1385 653">Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan perancangan Kementerian dalam mempelbagaikan biasiswa (seperti Mybrain sebelum ini) atau pembiayaan untuk membantu pelajar-pelajar pascasiswazah membayar yuran pengajian mereka di Universiti Awam (UA) pada masa ini.</p>
4.	<p data-bbox="311 694 427 728">[No. 19]</p> <p data-bbox="311 780 528 814">PR-1442-L13045</p> <p data-bbox="311 821 1385 988">Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah langkah yang diambil bagi membantu pelajar terutama Bumiputera memilih bidang pengajian yang bersesuaian selari dengan IR 4.0.</p>
5.	<p data-bbox="311 1029 427 1063">[No. 31]</p> <p data-bbox="311 1115 528 1149">PR-1442-L12987</p> <p data-bbox="311 1156 1385 1279">Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan pencapaian Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Sains Malaysia (USM) serta sebab kenapa PJJ USM perlu dibubarkan.</p>
6.	<p data-bbox="311 1324 427 1358">[No. 36]</p> <p data-bbox="311 1410 523 1444">PR-1442-L12751</p> <p data-bbox="311 1451 1385 1755">Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan penjelasan pemerkasaan TVET di era "Industrial Revolution 4.0" termasuk berkaitan kerjasama industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Laporan audit baru-baru ini mengenal pasti kelemahan dalam penyampaian dan akreditasi, perakuan akreditasi, penilaian kecekapan tenaga pengajar dan pengurusan pembiayaan pinjaman pelajaran.</p>
7.	<p data-bbox="311 1789 427 1823">[No. 40]</p> <p data-bbox="311 1875 528 1909">PR-1442-L12837</p> <p data-bbox="311 1916 1385 1993">Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa ramai golongan sasar dari kalangan B40, Ibu</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	tunggal dan golongan belia mengikut pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.
8.	<p>[No. 42]</p> <p>PR-1442-L13771</p> <p>Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan penilaian risiko dan persediaan Kementerian membuka semula pusat pengajian tinggi awam dan swasta.</p>
9.	<p>[No. 43]</p> <p>PR-1442-L13758</p> <p>Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa banyak syarikat terbitan atau startup pengkomersialan intelektual property di seluruh universiti tempatan dan mohon disenaraikan.</p>

10 NOVEMBER 2021 (RABU) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	<p style="text-align: center;">Tiada Pertanyaan</p>

11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	<p style="text-align: center;">Tiada Pertanyaan</p>

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEEMPAT

15 NOVEMBER 2021 (ISNIN) – 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 1]</p> <p>PR-1442-L13033</p> <p>Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah status insentif pembayaran PTPTN anak Sarawak dan setakat ini berapakah bilangan yang memanfaatkan skim tersebut.</p>
2.	<p>[No. 14]</p> <p>PR-1442-L13233</p> <p>Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pembayaran balik pinjaman PTPTN oleh pelajar dan bayaran faedah oleh PTPTN ke atas pinjaman untuk tahun 2020 dan tahun 2021 (statistik terkini) dan polisi yang akan diambil untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan PTPTN.</p>
3.	<p>[No. 19]</p> <p>PR-1442-L13663</p> <p>Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah jangka pendek bagi memanfaatkan graduan jurusan agama yang semakin meningkat agar kelangsungan modal insan dapat dilestarikan untuk generasi muda pada hari ini.</p>
4.	<p>[No. 35]</p> <p>PR-1442-L13487</p> <p>Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh mana universiti-universiti tempatan awam dan swasta, mengubah suai kursus-kursus yang ditawarkan bagi menyesuaikan kehendak pasaran dalam menangani isu kronik 'mismatch', sejak MQA mengizinkan mengubah modul pengajian serta pengenalan hybrid degree regulation.</p>

16 NOVEMBER 2021 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

17 NOVEMBER 2021 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 17]</p> <p>PR-1442-L12677</p> <p>Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan setakat manakah Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) mampu meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan semasa dan pasca pandemik COVID-19 ini serta nyatakan setakat manakah penglibatan industri dalam merangka dan menyediakan bidang latihan internship yang diberikan keutamaan ketika ini untuk memenuhi keperluan industri.</p>
2.	<p>[No. 36]</p> <p>PR-1442-L13254</p> <p>Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan mesyuarat yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) sejak penubuhannya pada September 2020 dan hasil perbincangan.</p>

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KELIMA

22 NOVEMBER 2021 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

23 NOVEMBER 2021 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

24 NOVEMBER 2021 (RABU) – 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 11]</p> <p>PR-1442-L13224</p> <p>Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah usaha kementerian dalam memantapkan lagi program-program kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA), terutamanya mengenai Program 2u2i yang telah diperkenalkan sejak tahun 2015.</p>
2.	<p>[No. 13]</p> <p>PR-1442-L13456</p> <p>Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan statistik lepasan peperiksaan SPM (2016-2020), jumlah selama 5 tahun yang menyambung pendidikan ke IPTA/IPTS/TVET/Tingkatan 6 dan apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu mereka yang tercicir memiliki hanya kelulusan SPM.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	<p data-bbox="316 324 432 358">[No. 19]</p> <p data-bbox="316 426 528 460">PR-1442-L13413</p> <p data-bbox="316 478 1382 666">Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan peminjam yang masih berhutang dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan jumlah kewangan yang terlibat.</p>
4.	<p data-bbox="316 723 437 757">[No. 22]</p> <p data-bbox="316 825 528 859">PR-1442-L13441</p> <p data-bbox="316 877 1382 1065">Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bagaimana proses pelantikan seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti dibuat. Adakah Persatuan Alumni dan Senat universiti dilibatkan. Atau adakah ia berdasarkan autonomi universiti sepenuhnya.</p>
5.	<p data-bbox="316 1118 437 1152">[No. 26]</p> <p data-bbox="316 1220 533 1254">PR-1442-L13488</p> <p data-bbox="316 1272 1382 1460">Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah kursus yang terdapat di kolej-kolej komuniti yang ada pada masa ini menepati pasaran semasa. Apakah pelan tindakan Kementerian bagi menjamin kelestarian kursus-kursus yang ditawarkan.</p>
6.	<p data-bbox="316 1512 437 1546">[No. 37]</p> <p data-bbox="316 1614 533 1648">PR-1442-L12925</p> <p data-bbox="316 1666 1382 1959">Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bagaimana Kerajaan dapat membantu membolehkan para pelajar Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka di negara-negara yang masih menutup sempadan mereka kepada orang asing kerana pandemik COVID-19; dan juga bagaimana untuk membolehkan pelajar asing meneruskan pengajian mereka di Malaysia walaupun sempadan kita masih belum dibuka untuk mereka.</p>

25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEENAM

29 NOVEMBER 2021 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

30 NOVEMBER 2021 (SELASA) – 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 27]</p> <p>PR-1442-L13156</p> <p>Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan usaha-usaha yang konkrit dalam menangani isu kesihatan mental di kalangan mahasiswa khususnya ketika negara dilanda pandemik COVID-19.</p>
2.	<p>[No. 30]</p> <p>PR-1442-L13216</p> <p>Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kemudahan kediaman dalam kampus di universiti-universiti awam diberikan kepada kumpulan mahasiswa B40.</p>
3.	<p>[No. 31]</p> <p>PR-1442-L13218</p> <p>Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan usaha dan inisiatif yang diambil bagi meningkatkan peluang dan sokongan dalam industri kajian penyelidikan dan</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	pembangunan (R&D) dalam kalangan mahasiswa di universiti-universiti tempatan.
4.	<p>[No. 32] PR-1442-L13910</p> <p>Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan dengan berkongsi H-index, G-index dan i10- Index setiap Naib Canselor di Universiti Awam (UA) yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021, dan bandingkannya dengan Naib Canselor sebelum mereka.</p>

1 DISEMBER 2021 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

2 DISEMBER 2021 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETUJUH

6 DISEMBER 2021 (ISNIN) – 8 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 6] PR-1442-L13724</p> <p>Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan usaha Kementerian bersama pihak universiti untuk memahami keperluan ini dan seterusnya memperkasakan graduan dengan kerjasama pihak industri agar kebolehpasaran graduan dapat memenuhi keperluan kategori tenaga mahir dan separuh mahir.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	<p>[No. 8]</p> <p>PR-1442-L13155</p> <p>Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membendung elaun pelajar latihan industri dibayar rendah.</p>
3.	<p>[No. 13]</p> <p>PR-1442-L13300</p> <p>Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-</p> <p>(a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengenal pasti tahap kesihatan mental mahasiswa; dan</p> <p>(b) adakah terdapat sebarang bentuk perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi sosial yang telah disediakan kepada mahasiswa yang memerlukan.</p>
4.	<p>[No. 27]</p> <p>PR-1442-L13596</p> <p>Tuan Baru Bian [Selangau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 bahawa di Sarawak, hanya 13.4% penduduk luar bandar mempunyai pendidikan pengajian tinggi. Apakah punca pencapaian pendidikan yang rendah ini. Apakah strategi yang perlu dilakukan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan bilakah strategi ini akan dilaksanakan.</p>
5.	<p>[No. 28]</p> <p>PR-1442-L13590</p> <p>Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jelun] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jelaskan apakah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan perkongsian antara universiti penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia, dan mengelakkan saingan yang tidak sihat di antara mereka.</p>
6.	<p>[No. 33]</p> <p>PR-1442-L13659</p> <p>Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	menyatakan bilangan pensyarah dan pelajar di IPTA yang masih belum terima vaksinasi COVID-19.
7.	[No. 40] PR-1442-L13067 Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berkenaan rancangan jangka masa panjang bagi kelestarian kewangan PTPTN.
8.	[No. 42] PR-1442-L13799 Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada IPT Awam akan meneruskan pengajaran dalam talian selepas pandemik COVID-19 pulih serta menggariskan peratusan pembahagian masa antara waktu pengajaran dalam talian berbanding secara fizikal dan kesannya terhadap kos pengajian.

7 DISEMBER 2021 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

8 DISEMBER 2021 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

9 DISEMBER 2021 (KHAMIS) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 14] PR-1442-L12850 Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI

	menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan bahawa kualiti graduan tidak terjejas akibat daripada penutupan IPTA yang lama akibat daripada pandemik. Bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa usaha-usaha itu berjaya mencapai matlamatnya .
2.	[No. 16] PR-1442-L13217 Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sebarang jalinan kerjasama antara pihak universiti bersama kumpulan industri bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran siswazah serta padanan pekerjaan dalam pasaran pekerjaan di Malaysia.

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KELAPAN

13 DISEMBER 2021 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

14 DISEMBER 2021 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

15 DISEMBER 2021 (RABU) – 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 10] PR-1442-L13516 Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah yang dapat dibuat untuk menangani masalah segelintir pelajar universiti yang sanggup mengeluarkan beratus ringgit untuk mengupah sindiket untuk menyelesaikan 'assignment' yang diberi oleh pensyarah.

16 DISEMBER 2021 (KHAMIS) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 15]</p> <p>PR-1442-L13414</p> <p>Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan status Majlis TVET Negara yang sebelum ini dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri dan apakah hala tujuanya di bawah pentabiran Kerajaan pada hari ini.</p>
2.	<p>[No. 19]</p> <p>PR-1442-L13172</p> <p>Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa Kementerian yang terlibat dengan program TVET dan Kementerian mana yang merupakan Kementerian penyelaras.</p>

PERTANYAAN BUKAN LISAN

17 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 19]</p> <p>PR-1442-T05196</p> <p>Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah graduan yang bergraduasi di peringkat ijazah Sarjana Muda setiap tahun di Malaysia bermula tahun 2018 sehingga kini dan strategi Kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan baru terutama selepas wabak COVID-19 melanda.</p>
2.	<p>[No. 77]</p> <p>PR-1442-T04971</p> <p>Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan senarai terkini nama-nama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah bagi kesemua 20 universiti-universiti awam di Malaysia. Apakah justifikasi Kerajaan</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	membuat lantikan politik ataupun dari kalangan ahli parti politik bagi mengisi jawatan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah universiti-universiti awam di Malaysia.
3.	<p data-bbox="336 455 448 489">[No. 89]</p> <p data-bbox="336 539 560 573">PR-1442-T05094</p> <p data-bbox="336 585 1369 709">Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan senarai peratusan kemasukan IPTA mengikut kaum dari 2011 sehingga sekarang.</p>
4.	<p data-bbox="336 750 464 784">[No. 125]</p> <p data-bbox="336 834 552 868">PR-1442-T05217</p> <p data-bbox="336 879 1369 1095">Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah latihan dan agensi penarafan yang sedia ada berperanan sebagai satu pasukan. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan National Advisory Board Technical Education Malaysia (NABTEM).</p>
5.	<p data-bbox="336 1136 464 1170">[No. 166]</p> <p data-bbox="336 1220 560 1254">PR-1442-T05070</p> <p data-bbox="336 1265 1369 1617">Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan merujuk kepada kenyataan Menteri Pengajian Tinggi pada 14 September 2021 yang lalu, pengurangan yuran sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara di Universiti Awam bagi pelajar semester 1 sesi 2021/2022. Adakah Kementerian pertimbangkan kadar pengurangan yang sama atau kurang kepada pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) walaupun rata-rata pelajar PJJ sudah bekerja namun ada di kalangan mereka tiada pendapatan tetap dan mempunyai isi rumah yang perlu ditanggung.</p>
6.	<p data-bbox="336 1657 464 1691">[No. 224]</p> <p data-bbox="336 1741 552 1775">PR-1442-T05371</p> <p data-bbox="336 1787 1369 1957">Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah status terkini program Sasterawan di universiti dan minta disenaraikan sasterawan-sasterawan tamu di Universiti Awam (UA) sehingga hari ini.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
7.	<p data-bbox="336 319 472 353">[No. 272]</p> <p data-bbox="336 403 560 437">PR-1442-T05254</p> <p data-bbox="336 449 1377 614">Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan dasar penempatan pemohon-pemohon kursus-kursus di pusat pengajian tinggi awam melalui sistem UPU Online yang diselenggarakan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA :-</p> <p data-bbox="336 625 1377 698">(a) mengapa sebahagian pelajar tidak ditawarkan kursus pilihan utama mereka; dan</p> <p data-bbox="336 755 1377 920">(b) adakah pemohon tidak mempunyai pilihan dalam menerima kursus yang telah ditawarkan melalui sistem UPU Online itu dan adakah Kementerian menerima dan bertindak atas maklum balas dari majikan-majikan mengenai kursus yang ditawarkan tidak sepadan dengan minat graduan.</p>
8.	<p data-bbox="336 961 472 995">[No. 279]</p> <p data-bbox="336 1045 560 1079">PR-1442-T05043</p> <p data-bbox="336 1090 1377 1299">Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa peruntukan diberi dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran graduan universiti di negara ini serta langkah-langkah melahirkan graduan-graduan universiti yang menepati kehendak pasaran.</p>
9.	<p data-bbox="336 1340 472 1374">[No. 291]</p> <p data-bbox="336 1424 560 1458">PR-1442-T05049</p> <p data-bbox="336 1469 1377 1589">Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan tentang jumlah pinjaman dan jumlah peminjam PTPTN setiap tahun antara 2010-2021.</p>
10.	<p data-bbox="336 1635 472 1669">[No. 344]</p> <p data-bbox="336 1719 560 1753">PR-1442-T05227</p> <p data-bbox="336 1764 1377 1973">Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah hala tuju bagi pelajar yang mempelajari bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional memandangkan hanya beberapa universiti setaraf Sarjana Muda sahaja yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
11.	<p data-bbox="343 312 470 347">[No. 371]</p> <p data-bbox="343 403 566 437">PR-1442-T05354</p> <p data-bbox="343 449 1375 653">Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh mana sasaran oleh Kementerian yang mengunjurkan 100 peratus kakitangan dan pelajar IPT yang boleh mendapat vaksin dan berdaftar dengan MySejahtera, akan menerima vaksin lengkap menjelang hujung Oktober ini telah tercapai.</p>
12.	<p data-bbox="343 698 470 732">[No. 374]</p> <p data-bbox="343 789 566 823">PR-1442-T05362</p> <p data-bbox="343 834 1375 1038">Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah siswa yang perlu melanjutkan tempoh pembelajaran di Universiti Awam dan tidak dapat menamatkan pembelajaran dalam tempoh masa yang sewajarnya akibat kekangan pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19.</p>
13.	<p data-bbox="343 1084 470 1118">[No. 397]</p> <p data-bbox="343 1174 566 1208">PR-1442-T05134</p> <p data-bbox="343 1220 1375 1424">Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan tentang kelayakan tenaga pengajar program TVET yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta. Apakah latihan-latihan pemerkasaan kemahiran yang disediakan kepada tenaga pengajar yang sedia ada untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang teknikal.</p>
14.	<p data-bbox="343 1469 470 1503">[No. 425]</p> <p data-bbox="343 1560 566 1594">PR-1442-T04999</p> <p data-bbox="343 1605 1375 1764">Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah bilangan penerima ijazah yang masih belum mendapat kerja untuk setiap tahun 2016 - 2021 dan nyatakan punca-punca yang menyebabkan masalah tersebut berterusan.</p>
15.	<p data-bbox="343 1809 470 1843">[No. 473]</p> <p data-bbox="343 1900 566 1934">PR-1442-T05014</p> <p data-bbox="343 1945 1375 2009">Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa jumlah pelajar telah mendapat pinjaman dari Perbadanan</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak 5 tahun yang lalu. Adakah jumlah tersebut semakin meningkat atau menurun.
16.	<p data-bbox="341 462 480 494">[No. 474]</p> <p data-bbox="341 551 564 582">PR-1442-T05016</p> <p data-bbox="341 591 1375 762">Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa peratus peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sudah membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. Berapa jumlah peminjam tidak pernah membuat bayaran dan apa sebabnya.</p>

WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)

2 DISEMBER 2021 (KHAMIS) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p data-bbox="330 1181 427 1213">[No. 1]</p> <p data-bbox="330 1267 584 1299">PR-1442-MQT1533</p> <p data-bbox="330 1308 1375 1567">Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapa jumlah graduan yang tamat pengajian di bidang Fakulti Perubatan dan Fakulti Undang-undang IPTA dan IPTS pada tahun 2020-2021 dan sama ada angka ini melebihi keperluan pasaran kerja dan apakah strategi untuk memastikan satu imbalan yang sihat antara keperluan dan permintaan pasaran kerja dan aspirasi negara.</p>

**MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT
TAHUN 2021**

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL**
[PANDAN]
TARIKH : **27 OKTOBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 4**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kelangsungan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang kebanyakannya dilaporkan memerlukan bantuan disebabkan tidak dapat beroperasi seperti biasa dalam tempoh 12 hingga 18 bulan ini disebabkan oleh SOP berkaitan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan memahami kesan yang dirasai oleh IPTS akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini. Dalam mendepani perkara ini, KPT telah mengambil beberapa langkah strategik bagi memastikan IPTS dapat meneruskan operasi sepanjang tempoh pandemik, antaranya adalah:

- i. Menubuhkan pasukan PEMUDAH IPTS. Pasukan ini bertindak mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi IPTS serta mencadangkan penyelesaian terbaik berbentuk jangka pendek, sederhana dan panjang agar IPTS dapat bergerak maju dan bersaing di peringkat nasional mahupun global. Terdapat 37 inisiatif yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan, sebanyak enam (6) daripadanya yang berbentuk jangka pendek sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada Disember 2021;
- ii. Melaksanakan Program PENJANA KPT-CAP IPTS. Program berbentuk latihan *reskilling* dan *upskilling* ini disasarkan kepada graduan IPTS yang belum mendapat pekerjaan selepas bergraduat. Pihak IPTS telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan latihan dan bekerjasama dengan pihak industri bagi menawarkan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan kursus. Sehingga 25 Oktober 2021 sebanyak 89 program dengan nilai RM 18.8

- juta telah diluluskan kepada 16 buah IPTS yang mengemukakan permohonan;
- iii. Menggiatkan sesi libat urus dan konsultasi. Pertemuan berkala dengan pihak IPTS dan wakil Persatuan IPTS serta pihak KPT;
 - iv. Memperkukuhkan penggunaan sistem e-IPTS;
 - v. Menyediakan *Self-Test* COVID-19 untuk pelajar di IPTS. Kementerian juga menyediakan hampir 350,000 *Self-Test* COVID-19 kepada IPTS sebagai langkah untuk memastikan keselamatan pelajar dan warga IPTS terjamin serta sejajar dengan proses kemasukan semula pelajar ke kampus secara berfasa bermula 15 Oktober 2021; dan
 - vi. Kemudahan bantuan dan pinjaman kewangan. Bagi membantu meringankan beban pelajar, pihak Kementerian melalui PTPTN menyediakan kemudahan pinjaman PTPTN kepada pelajar yang berkeelayakan. Wang Pendahuluan Pinjaman atau WPP sebanyak RM1500 kepada pelajar IPTS juga telah diperkenalkan pada tahun ini sebagai bantuan untuk menampung sebahagian perbelanjaan mereka untuk memasuki IPTS.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI**
[HULU SELANGOR]
TARIKH : **27 OKTOBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 12**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kes-kes yang melibatkan keselamatan mahasiswa dan mahasiswi di kampus serta pengkategorian berdasarkan negeri dan jenis universiti sama ada universiti awam dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dan sentiasa mengambil berat terhadap isu keselamatan dan kesejahteraan mahasiswa dengan mengamalkan prinsip '*zero tolerance*' terhadap faktor-faktor yang boleh menggugat atau menjejaskan keselamatan mahasiswa di kampus.

Sepanjang tahun 2020 dan sehingga September 2021, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sejumlah **55 kes jenayah kekerasan** telah berlaku di IPT melibatkan mahasiswa dan mahasiswi di kampus. Manakala bagi **kes jenayah harta benda pula sebanyak 241 kes direkodkan** masing-masing 154 kes pada tahun 2020 dan 87 kes pada tahun 2021.

Kes-kes tangkapan oleh PDRM melibatkan pelajar IPT paling banyak berlaku di negeri Selangor bagi tahun 2020 dan 2021 dengan 17 rekod tangkapan melibatkan jenayah kekerasan dan 25 rekod tangkapan bagi jenayah harta benda pada tahun 2020; dan 23 rekod tangkapan melibatkan jenayah kekerasan serta 12 rekod tangkapan bagi jenayah harta benda pada tahun 2021.

Kes tangkapan oleh PDRM melibatkan pelajar IPT paling sedikit berlaku di negeri Perlis pada tahun 2020 dengan hanya dua (2) kes jenayah harta benda dilaporkan. Manakala bagi tahun 2021 pula, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis dan Sabah tidak

mencatatkan sebarang kes tangkapan pelajar IPT oleh PDRM bagi jenayah kekerasan dan harta benda.

Sebagai langkah memastikan keselamatan pelajar IPT terjamin, Unit Keselamatan di setiap IPT berperanan untuk menjalankan tugas-tugas rondaan dan pemantauan secara berkala; penguatkuasaan arahan keselamatan; pemakluman langkah berjaga-jaga; membuat hebahan aktiviti berkaitan keselamatan kepada mahasiswa dari semasa ke semasa; dan menjadi pusat rujukan kepada pelajar berhubung isu keselamatan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : **27 OKTOBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 16**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kriteria dan merit seseorang yang dilantik ke LPU universiti-universiti awam (UA), dan apakah ahli-ahli LPU di UA-UA yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021 menepati kriteria-kriteria tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam proses pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), kuasa Menteri Pengajian Tinggi adalah berdasarkan Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30) yang memperuntukkan “Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula”. Manakala Seksyen 13(1) Akta 30 pula menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan. Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti Awam, pelantikan Ahli LPU perlu menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu:

i) Pengerusi LPU

Calon mempamerkan daya kepimpinan dan keupayaan pengurusan yang cemerlang, mempunyai keperibadian unggul, dihormati oleh masyarakat, mempunyai tahap integriti serta akauntabiliti yang tinggi dan telah memberikan banyak sumbangan kepada negara.

ii) Wakil Masyarakat Setempat

Calon dilantik dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat atau berasal dari negeri lokasi UA berkenaan. Calon haruslah seorang yang dihormati oleh masyarakat setempat dan berupaya membantu pihak universiti melaksana aktiviti kemasyarakatan serta membawa isu masyarakat untuk diselesaikan oleh pakar-pakar di universiti.

iii) Wakil Senat

Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam Peraturan 17(d) Jadual Pertama Akta 30. Peraturan 17(d) merujuk kepada sebahagian daripada keanggotaan Senat yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua puluh orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan professor madya Universiti. Kaedah pemilihan wakil Senat dalam LPU kebiasaannya melalui proses undian dalam kalangan Ahli Senat dan calon yang terpilih akan dipertimbangkan oleh YB Menteri untuk pelantikan.

iv) Wakil Sektor Swasta

Calon berpengalaman luas dalam selok-belok tadbir urus organisasi, mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti yang diwakili, mampu menyuntik perspektif baru dalam kepemimpinan organisasi dan pengumpulan dana serta berupaya memperkukuhkan jaringan dengan pihak industri dan membantu menerapkan amalan tadbir urus korporat yang baik (*Good Corporate Governance*) dalam pentadbiran universiti.

v) Wakil Alumni

Calon adalah seorang tokoh yang boleh menjadi contoh ikutan kepada warga universiti khususnya para pelajar dan mampu menggerakkan usaha dalam pengumpulan dana universiti melalui jaringan perhubungan dengan alumni. Selain itu, calon mempunyai keupayaan menggalakkan dan menyatukan alumni supaya menyumbang kembali dalam apa jua bentuk kepada pihak universiti.

vi) Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman

Calon dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti. Calon boleh terdiri daripada kalangan pegawai universiti berkenaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan dan individu lain yang pada pendapat Menteri dapat membantu LPU dalam pengurusan universiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Buku Hijau ini antara lainnya turut menyentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU, pencalonan Ahli LPU, peningkatan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu.

Dalam hal ini, saya mengesahkan bahawa ahli-ahli LPU yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021 adalah sebagaimana komposisi yang telah ditetapkan di bawah Akta 30 dan turut mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Buku Hijau. Kepelbagaian latar belakang profesional dan pengalaman ahli LPU yang dilantik di sesebuah universiti juga turut diambil kira sebelum sebarang pelantikan dimuktamadkan .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH**
[SRI GADING]

TARIKH : **27 OKTOBER 2021 (RABU)**

SOALAN : **NO. 25**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah persediaan Kementerian dalam menguruskan kaedah pembelajaran IPTA dan IPTS menuju fasa endemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021. Selari dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kampus bagi Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 dilaksanakan secara hibrid (iaitu secara bersemuka dan dalam talian) dengan pematuhan ketat SOP yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Memandangkan masih terdapat segelintir pelajar yang belum memasuki kampus, pelajar-pelajar ini boleh meneruskan PdP secara dalam talian di lokaliti masing-masing sehingga dibenarkan oleh pihak IPT untuk menjalani PdP secara fizikal.

Dalam hubungan ini, KPT telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memastikan ketersediaan IPT dalam memberikan suasana PdP hibrid yang kondusif kepada pelajar. Ini termasuklah menyediakan capaian jalur lebar yang bersesuaian di IPT, menaik taraf MYREN, serta memberikan bantuan peranti seperti sumbangan laptop dan pelan data yang bersesuaian kepada pelajar.

Selain daripada itu, kurikulum program juga telah disesuaikan dengan kaedah pembelajaran dalam talian dan hibrid. Penyelarasan kandungan program dibuat agar dapat memenuhi keperluan pelajar. Ini mengambil kira kandungan pembelajaran yang memenuhi standard program, pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel dan kaedah penilaian yang berbeza daripada kaedah konvensional.

Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi merupakan antara pendekatan yang amat signifikan untuk dilaksanakan oleh IPT, khususnya dalam tempoh negara beralih ke fasa endemik. Kementerian yakin bahawa IPT berupaya untuk meneruskan pelaksanaan PdP hibrid dengan mengambil kira jumlah keberadaan pelajar yang lebih besar, tertakluk kepada keperluan SOP dan pengukuhan pembudayaan norma baharu PdP ketika fasa endemik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]
TARIKH : **27 OKTOBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 38**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkara yang berkaitan dengan pengajian TVET. Apakah fasiliti yang digunakan semasa pengajian selari dengan teknologi semasa dan adakah graduan mampu berdaya saing dengan pasaran tempatan mahupun global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengutamakan kemudahan yang kondusif berserta dengan penggunaan teknologi yang terkini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), termasuklah di politeknik dan kolej komuniti. Ini penting bagi memastikan fasiliti yang disediakan adalah relevan dengan teknologi semasa serta sesuai dengan bidang-bidang pengajian yang ditawarkan.

Dalam hubungan ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPT. Antaranya ialah:

- (i) **Menyediakan capaian lebar jalur di politeknik dan kolej komuniti.** Penyediaan ini mengambil kira jumlah pelajar dan pensyarah sedia ada dengan dengan kapasiti di antara 100 Mbps hingga 600 Mbps di setiap politeknik dan kolej komuniti. Kapasiti ini seterusnya akan dinaik taraf dari semasa ke semasa mengikut keperluan institusi;
- (ii) **Menyediakan akses program TVET yang berkualiti, lebih meluas dan diiktiraf.** Secara keseluruhannya, terdapat 536 program pengajian di peringkat sijil, diploma dan sarjana muda di politeknik dan kolej komuniti yang ditawarkan, mendapat pengiktirafan akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),

serta badan-badan profesional seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan

- (iii) **Memperkukuh tadbir urus dan penyelarasan inisiatif memperkasakan TVET merentasi Kementerian.** Dalam hubungan ini, Majlis TVET Negara yang terdiri daripada pelbagai pihak, termasuk wakil industri, telah ditubuhkan. MTVET berfungsi untuk memperhalusi isu-isu seperti ketidakselarasan tadbir urus TVET; kekurangan akses pelajar dan komuniti kepada program TVET; penggunaan fasiliti yang tidak optimum; kekurangan kerjasama dan pengiktirafan daripada pihak industri; sumber pembiayaan pelajar yang terhad; penerimaan masyarakat yang rendah terhadap program TVET dan persepsi negatif ibu bapa terhadap peluang kerjaya bidang TVET.

Dari aspek daya saing pula, Laporan Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2020 yang dilaksanakan oleh KPT merekodkan kadar kebolehpasaran graduan politeknik sebanyak 91.4 peratus sementara kolej komuniti 94.2 peratus. Ini membuktikan dengan jelas bahawa graduan politeknik dan kolej komuniti mendapat permintaan yang tinggi oleh industri.

Dalam perkara yang berkaitan juga, graduan politeknik dilihat mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa berdasarkan beberapa siri kejayaan pelajar dalam program dan pertandingan di peringkat antarabangsa seperti program Robocon. Malah, Politeknik turut mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC)* atas penawaran program TVET seperti program kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan yang diiktiraf melalui akreditasi daripada Lembaga Jurutera Malaysia. Perkara ini turut membawa kepada pengiktirafan Sydney Accord dan Dublin Accord yang membolehkan graduan politeknik diterima untuk bekerja di negara-negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]

TARIKH : **2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN : **NO. 10**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah kajian yang dilakukan oleh para pakar dalam pelbagai bidang sains, teknologi dan perubatan khususnya penyakit berjangkit COVID-19 daripada universiti awam atau swasta telah diguna pakai semaksimumnya oleh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (DPKPT) sentiasa menyokong dan menggalakkan penyelidikan asas yang berkualiti dalam bidang-bidang berkepentingan untuk negara meliputi penyelidikan yang berkaitan dengan penyakit berjangkit termasuk COVID-19 dan juga pembangunan vaksin secara amnya.

Kajian di bawah dana ini bersifat fundamental dan bertujuan menggalakkan penerokaan idea, konsep atau teori baharu ke arah penjanaaan ilmu baharu beracukan Malaysia. Dalam hal ini, untuk tahun 2020 saja, JPT telah meluluskan 32 projek penyelidikan di bawah DPKPT yang berkaitan dengan COVID-19 yang merangkumi kajian fundamental, pembangunan prototaip dan juga kajian polisi.

Manakala pada tahun 2021, sebanyak 60 buah projek penyelidikan berimpak tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental telah diluluskan merentasi pelbagai jenis bidang penyelidikan. Kesemua projek itu adalah berstatus aktif dan masih dalam fasa penyelidikan. Selain daripada itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di bawah dana the MOSTI Combating COVID-19 Fund, telah bekerjasama dengan KPT melalui Universiti Putra Malaysia untuk menjalankan Penyelidikan Pembangunan Vaksin COVID-19 dengan menggunakan Newcastle disease virus bagi tempoh 1 Mac 2021 sehingga 31 Ogos 2022.

Penyelidikan ini diketuai oleh Profesor Datin Paduka Dr. Khatijah Mohamad Yusoff daripada UPM dengan geran penyelidikan berjumlah RM2.6 juta. Pada masa yang sama juga, kerjasama bagi pembangunan vaksin virus ternyah aktif COVID-19, antara Institut Penyelidikan Perubatan UPM dan Pusat Penyelidikan Veterinar, turut dijalankan secara aktif dan diketuai oleh Profesor Dr. Mohd Hair Bejo daripada UPM.

Terdapat juga kajian-kajian lain di bawah Dana Penyelidikan Fundamental KPT berkaitan pembangunan vaksin yang telah berjaya dan memberikan impak positif kepada komuniti dan negara seperti projek bertajuk, 'Enhancing the Fundamentals for Effective Control of Tuberculosis'. Kajian ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa di Global TB Vaccine Pipeline dan kolaborasi bersama KKM dan badan antarabangsa ini bakal meningkatkan ketersediaan Malaysia dalam penjana tenaga pakar untuk pembangunan industri pembuatan vaksin di dalam negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]
TARIKH	:	2 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 29

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci senarai Lembaga Pengarah terkini semua Universiti Awam (IPTA) dan senarai nama pelantikan politik (political appointees) ke Lembaga Pengarah Universiti masing-masing dari Januari 2020 hingga bulan September 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam proses pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30) memperuntukkan “Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula”. Seksyen 13(1) Akta 30 pula menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan.

Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti Awam, pelantikan Ahli LPU perlu menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu:

i) Pengerusi LPU

Calon mempamerkan daya kepimpinan dan keupayaan pengurusan yang cemerlang, mempunyai keperibadian unggul, dihormati oleh masyarakat, mempunyai tahap integriti serta akauntabiliti yang tinggi dan telah memberikan banyak sumbangan kepada negara.

- ii) **Wakil Masyarakat Setempat**
Calon dilantik dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat atau berasal dari negeri lokasi UA berkenaan. Calon haruslah seorang yang dihormati oleh masyarakat setempat dan berupaya membantu pihak universiti melaksana aktiviti kemasyarakatan serta membawa isu masyarakat untuk diselesaikan oleh pakarpakar di universiti.
- iii) **Wakil Senat**
Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam Peraturan 17(d) Jadual Pertama Akta 30. Kaedah pemilihan wakil Senat dalam LPU adalah melalui proses undian dalam kalangan Ahli Senat dan calon yang terpilih akan dipertimbangkan oleh YB Menteri untuk pelantikan.
- iv) **Wakil Sektor Swasta**
Calon berpengalaman luas dalam tadbir urus organisasi, mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti yang diwakili.
- v) **Wakil Alumni**
Calon adalah seorang tokoh yang boleh menjadi contoh ikutan kepada warga universiti khususnya para pelajar dan mampu menggerakkan usaha dalam pengumpulan dana universiti melalui jaringan perhubungan dengan alumni.
- vi) **Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman**
Calon dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu yang bersesuaian dengan bidang tujahan university dan terdiri daripada pegawai universiti berkenaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan atau individu lain yang dapat membantu LPU dalam pengurusan universiti.

Bagi tempoh Januari 2020 sehingga September 2021, hanya seramai 96 orang ahli LPU Awam telah dilantik.

KPT juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015- 2025. Buku Hijau ini antara lainnya turut menyentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU, pencalonan Ahli LPU, peningkatan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu.

Dalam hal ini, KPT mengesahkan bahawa ahli-ahli LPU yang dilantik adalah mematuhi Akta 30 dan turut mengambil kira perkaraperkara yang dinyatakan di dalam Buku Hijau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]
TARIKH	:	9 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 3

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 sehingga terkini tahun 2021, adakah berlaku sebarang penurunan yang ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks kebolehpasaran graduan ini, kadar kebolehpasaran graduan merujuk kepada graduan yang sedang bekerja melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran serta menunggu penempatan pekerjaan.

Berdasarkan kajian pengesanan graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi semasa musim konvokesyen pada dua tahun terkini, kadar kebolehpasaran graduan menunjukkan penurunan sebanyak 1.8 peratus iaitu dari 86.2 peratus pada tahun 2019 kepada 84.4 peratus pada tahun 2020.

Bagi kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 pula, keputusan hanya akan diperoleh pada bulan Februari tahun 2022. Antara langkah yang dilaksanakan oleh kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran adalah:

- (i) melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*. Melalui usaha ini, graduan universiti awam, graduan di IPTS, politeknik dan kolej komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan tempat untuk mengikuti program-program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*;
- (ii) melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan. Program Intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti

rendah kadar kebolehpasarannya iaitu CGPA 3.3 ke bawah atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran iaitu 50 peratus ke bawah;

- (iii) melaksanakan *Structured Internship Programme* (SIP) dan SIP ini merupakan program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur dan seterusnya ditawarkan penempatan di industri secara kekal sejourus menamatkan latihan;
- (iv) menyemak dan menambah baik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan. Saringan dilaksanakan bersama beberapa jabatan dan agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh, TalentCorp, badan profesional lain bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian ditawarkan oleh IPT adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara; dan
- (v) membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 dan pelan ini dihasilkan hasil daripada libat urus pelbagai pihak berkepentingan seperti pihak industri, akademia, pembuat dasar dan sebagainya. Ia menggariskan empat strategi iaitu pengukuhan kecemerlangan bakat, perluasan kerjaya pelajar, pemantapan pengajaran dan pembelajaran dan pemerksaan hubungan industri. Pelaksanaan program di bawah strategi menjadi lebih tersusun dan dijangkakan keberhasilannya dapat melahirkan graduan yang lebih holistik dan seimbang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : **9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN : **NO. 7**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah fasiliti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pembelajaran secara hibrid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SOP pengajaran dan pembelajaran secara hibrid yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 23 September 2021 bagi semester satu, sesi akademik 2021/2022.

Pembelajaran secara hibrid adalah proses pengajaran dan pembelajaran di kampus secara bersemuka dan dalam waktu yang sama ada juga PdP dalam talian. Kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus IPT telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021 dan semua pelajar di kampus boleh menjalani PdP secara bersemuka.

Manakala pelajar yang belum kembali ke kampus pula boleh meneruskan PdP secara dalam talian di lokaliti masing-masing. Dari segi kesediaan IPT semua institusi telah melaksanakan pembelajaran secara hibrid dengan memberi penekanan mengatasi isu kemudahan pembelajaran dalam talian seperti internet, pemilikan peranti elektronik pelajar serta kemudahan peralatan PdP dan latihan yang diperlukan oleh tenaga pengajar.

Dalam hubungan ini, KPT telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memastikan ketersediaan IPTA dalam memberikan suasana PdP hibrid yang kondusif kepada pelajar. Ini termasuklah menyediakan capaian jalur lebar yang bersesuaian di IPT,

menaik taraf MYREN, serta memberikan bantuan peranti seperti sumbangan lap-top dan pelan data yang bersesuaian kepada pelajar.

Selain daripada itu, kurikulum program juga telah disesuaikan dengan kaedah pembelajaran dalam talian dan juga hibrid penyelarasan kandungan program dibuat secara- agar dapat memenuhi keperluan pelajar dan ia mengambil kira kandungan pembelajaran yang memenuhi standard program, pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel dan kaedah penilaian yang berbeza daripada kaedah konvensional.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]
TARIKH	:	9 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 15

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian dalam mempelbagaikan biasiswa (seperti *MyBrain* sebelum ini) atau pembiayaan untuk membantu pelajar-pelajar pascasiswazah membayar yuran pengajian mereka di Universiti Awam (UA) pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi untuk membangunkan negara, serta berkebolehan menjadi pemimpin yang dapat mencorakkan masa depan negara yang lebih cemerlang. Menyokong usaha ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ini bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar-pelajar yang memerlukan pembiayaan pengajian di samping memberikan galakan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara program pembiayaan pendidikan di bawah KPT yang disediakan kepada pelajar pascasiswazah yang berkelayakan ialah program:

- (i) *MyBrainScience*;
- (ii) Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB);
- (iii) Skim Latihan Akademik IPTA;
- (iv) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi;

- (v) Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Pegawai Bukan Akademik di Universiti Awam;
- (vi) Biasiswa Tokoh Siswa; dan
- (vii) Biasiswa Atlet Cemerlang IPT.

Tidak terhad kepada itu, pelajar pascasiswazah dalam kalangan OKU juga layak menerima Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU).

Melangkah ke hadapan, KPT merancang untuk mewujudkan program bantuan kewangan yang baharu dikenali sebagai KPT IHSAN. Inisiatif ini adalah antara langkah untuk menambah baik kemudahan pembiayaan sedia ada khususnya kepada kumpulan sasaran yang lebih besar. Skop bantuan yang disediakan melalui program ini termasuklah pembelian peranti, pembayaran yuran peperiksaan kemasukan ke universiti seperti IELTS, bantuan persediaan ke IPT, bayaran yuran tertunggak dan bantuan yuran penyelidikan. Berbanding kaedah penilaian pemberian pembiayaan pendidikan sedia ada yang memfokuskan kepada merit dan penilaian prestasi akademik, KPT IHSAN akan menumpukan kepada aspek keperluan pelajar (*need-based approach*) sebagai pemberat utama dalam menentukan penyaluran bantuan.

Suka juga saya kongsi di sini bahawa selain daripada KPT, pembiayaan pendidikan turut disediakan oleh institusi Kerajaan yang lain, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Yayasan-yayasan Negeri. Antaranya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA, PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional. Malah, di peringkat universiti sendiri telah diwujudkan tabung endowmen pendidikan yang diuruskan oleh Pejabat Tabung Endowmen masing-masing. Melalui tabung ini, pelbagai kemudahan dan bantuan pendidikan boleh disalurkan kepada pelajar-pelajar universiti yang berkelayakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA**
[TASEK GELUGOR]
TARIKH : **9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 19**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi membantu pelajar terutama Bumiputera memilih bidang pengajian yang bersesuaian selari dengan IR 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Proses kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf ke pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) adalah berasaskan prinsip meritokrasi. Ini dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, negeri, keturunan dan latar belakang yang mana proses pemilihan adalah berasaskan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum.

Dalam konteks membantu para pelajar terutamanya Bumiputera untuk memilih bidang pengajian yang bersesuaian dan selari dengan IR 4.0, Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan beberapa program. Satu daripadanya ialah acara tahunan – Program Jom Masuk IPT. Program ini diadakan dengan semangat untuk memperluas akses dan ekuiti ke pendidikan tinggi. Ia juga sejajar dengan aspirasi pendidikan global yang disasarkan oleh Kementerian melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (2015 – 2025), di bawah Lonjakan 10: Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

Pada tahun ini, Program Jom Masuk IPT dianjurkan secara virtual seiring dengan norma baharu. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan mereka yang ingin memohon melanjutkan pelajaran ke IPT, mendapat maklumat yang tepat dan terkini

mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan di dalam negara. Dalam hubungan ini juga, Kementerian melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA membantu ibu-bapa dan pelajar membuat pemilihan bidang pengajian yang bersesuaian dengan memberikan penekanan agar membaca Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian yang ditawarkan dalam e-panduan sebelum mengemukakan permohonan di UPUOnline.

Melalui paparan dashboard UPUOnline, pemohon juga boleh merujuk maklumat tambahan berkenaan dengan kebolehpasaran graduan di IPT mengikut tahun berserta dengan statistik permohonan dan tawaran UPU dalam tempoh lima tahun ke belakang. Ini bagi membantu para pemohon membuat keputusan pilihan program pengajian. Tidak terhad kepada itu, keputusan pentaksiran psikometrik yang diambil sewaktu di sekolah juga boleh dilihat dalam pautan pada dashboard UPUOnline untuk mengetahui kecenderungan mereka sebelum memilih kursus yang bersesuaian.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, terdapat peningkatan enrolmen pelajar Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak pada tahun 2020 iaitu seramai 44,218 orang berbanding 42,023 orang pada tahun 2019. Peningkatan ini merujuk kepada semua kategori bidang di UA, iaitu bagi Program Asas; Pendidikan; Sastera dan Kemanusiaan; Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan; Sains, Matematik dan Komputer; Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan; Pertanian dan Veterinar; Kesihatan dan Kebajikan; dan Perkhidmatan. Secara keseluruhan, Bidang Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 7.45 peratus, iaitu 186,473 pelajar pada tahun 2020 berbanding tahun 2018 seramai 173,538 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN WONG KAH WO**
[IPOH TIMUR]
TARIKH : **9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 31**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) Universiti Sains Malaysia (USM) serta sebab kenapa PPPJJ USM perlu dibubarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga hari ini, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM) telah melahirkan kira-kira 30,000 alumni melalui program pengajian yang ditawarkan. Di peringkat antarabangsa, PPPJJ USM turut menjalin kolaborasi dengan pusat utama pendidikan jarak jauh (PJJ) global seperti Deakin University dan Murdoch University di Australia, serta Open Learning Insitute di Kanada dalam usaha memperkaya penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk manfaat pengajar dan pelajar. Keupayaan dan, dengan izin, '*track record*' ini membuktikan bahawa PPPJJ USM berpotensi dikembangkan selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam hubungan ini, pihak USM sentiasa berusaha untuk terus memperkasakan program akademik yang ditawarkan oleh PPPJJ USM dengan melihat peluang yang ada berdasarkan senario semasa. Justeru, satu pasukan petugas yang terdiri daripada tiga orang profesor dalam kalangan ahli senat universiti telah dilantik oleh Senat USM untuk mengkaji keperluan penstrukturan semula PPPJJ USM yang seterusnya berupaya memantapkan lagi kaedah penyampaian program akademik yang ditawarkan. Dapatan kajian tersebut dijadual untuk dibentangkan kepada Senat USM pada penghujung bulan November 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [TEMERLOH]
TARIKH	:	9 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 36

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan penjelasan pemeraksanaan TVET di era “*Industrial Revolution 4.0*” termasuk berkaitan kerjasama industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Laporan audit baru-baru ini mengenal pasti kelemahan dalam penyampaian dan akreditasi, perakuan akreditasi, penilaian kecekapan tenaga pengajar dan pengurusan pembiayaan pinjaman pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan kualiti program TVET relevan dan menepati keperluan industri. Pelbagai usaha dilaksanakan merangkumi penambahbaikan dasar sedia ada yang berkaitan dan juga dari aspek pengoperasian institusi TVET. Hal ini penting bagi memastikan TVET terus diperkasakan khususnya dalam mendepani era “*Industrial Revolution (IR) 4.0*”.

Dalam hubungan ini, perkara berikut dilaksanakan secara tuntas oleh KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK):

- (i) **Menerbitkan Garis Panduan Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum TVET.** Dokumen ini menjadi sumber rujukan umum tentang reka bentuk dan penyampaian untuk program-program TVET di peringkat pendidikan tinggi kepada penyedia pendidikan TVET, industri, pelajar, ibu bapa dan mana-mana individu yang berminat dengan TVET;
- (ii) **Mewujudkan kod amalan, iaitu *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)*.** Dokumen yang dibangunkan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ini menggariskan skop program TVET dan standard minimum pelbagai keperluan khusus program TVET sebagai rujukan

kepada Pemberi Pendidikan Tinggi dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian;

- (iii) **Melaksanakan inisiatif perkongsian pintar Kementerian dengan pihak berkepentingan melalui Program 4IR Flagships.** Terdapat lapan projek terlibat merangkumi pelbagai bidang seperti *Autonomous Vehicle, Cyber Security, dan Agriculture/Aquaculture*. Tujuan inisiatif ini adalah untuk melengkapkan ekosistem yang holistik dalam mengaplikasi teknologi 4IR merangkumi latihan kepada pensyarah serta penyediaan infrastruktur dan infostruktur berasaskan 4IR.
- (iv) **Memperkasakan pensyarah melalui latihan peningkatan kompetensi.** Ini dapat dijayakan melalui pelaksanaan Program Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi (KIPA) dan menggalakkan pensyarah menjalani sangkutan industri.
- (v) **Memperkuh tadbir urus dan penyelarasan inisiatif memperkasakan TVET merentasi Kementerian melalui penubuhan Majlis TVET Negara.** MTVET berfungsi untuk memperhalusi isu-isu seperti ketidakselarasan tadbir urus TVET; dan
- (vi) **Menjalin kolaborasi strategik dengan badan pengiktirafan antarabangsa, iaitu Sydney Accord dan Dublin Accord melalui Lembaga Jurutera.** Ini sebagai pemangkin kepada pembangunan bakat graduan TVET agar setanding dengan kualiti antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI**
[HULU SELANGOR]
TARIKH : **9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 40**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai golongan sasaran dari kalangan B40, ibu tunggal dan golongan belia mengikut pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Kolej Komuniti adalah selaras dengan matlamat menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf. Selain itu, ia berperanan memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) serta melahirkan graduan yang holistik dan seimbang serta bercirikan keusahawanan dengan menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta sosio ekonomi komuniti.

Bagi tempoh 3 tahun terkini iaitu pada tahun 2019, 2020 dan 2021, jumlah keseluruhan penyertaan program PSH di Kolej Komuniti bagi **golongan B40** adalah **seramai 107,787 peserta, ibu tunggal seramai 5,176 peserta dan belia seramai 159,712 peserta.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN : NO. 42

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan penilaian risiko dan persediaan Kementerian membuka semula pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk membenarkan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021 dibuat setelah penilaian risiko dilaksanakan serta selepas mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

Susulan itu, beberapa langkah mitigasi telah diambil oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi seperti yang berikut:

- (i) **Membangunkan Prosedur Operasi Standard, dengan izin, *Standard Operating Procedures (SOP) Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT***. SOP ini menjadi rujukan utama pihak IPT dalam memastikan kelancaran proses kemasukan pelajar dan pengoperasian IPT. SOP ini juga disediakan dengan mempertimbangkan pelbagai aspek risiko kesihatan dan keselamatan warga IPT secara menyeluruh;
- (ii) **Memperhebat usaha pemberian vaksin kepada warga IPT melalui Program VACC2CAMPUS**. Program ini bertujuan untuk membentuk komuniti kampus yang selamat. KPT mensasarkan 100 peratus warga IPT (yang terdiri daripada pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik), yang berdaftar dalam MySejahtera dan boleh divaksin menerima vaksinasi lengkap. Alhamdulillah, sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 85 peratus atau 1,080,104 daripada 1,276,267 orang warga IPT telah menerima vaksinasi lengkap.

- (iii) **Membekalkan Ujian Rapid Test Kit (RTK) kepada pelajar IPT melalui Program RTK@CAMPUS.** Program ini bertujuan untuk memastikan keselamatan warga kampus terpelihara selain mencegah penularan wabak COVID-19. Pembekalan RTK ini melibatkan pelajar sedia ada, pelajar baharu dan juga bagi maksud intervensi kepada pelajar luar kampus yang berulang-alik serta pelajar yang menunjukkan gejala. Sebanyak 1.16 juta unit RTK dibekalkan melibatkan kos peruntukan sebanyak RM17.5 juta;
- (iv) **Membuat pemantauan pelaksanaan SOP yang menyeluruh dari semasa ke semasa.** Ini merangkumi SOP Pentadbiran IPT; Pergerakan Pelajar IPT Kembali ke Kampus; Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Dalam Makmal dan Bengkel; Pengurusan Pelajar di Kediaman dan Fasiliti Kampus; serta Pengurusan Aktiviti Pelajar; dan
- (v) **Melaksanakan program pembudayaan kawalan sendiri dan disiplin pematuhan SOP dalam kalangan warga IPT melalui Jawatankuasa Tindakan Kecemasan di setiap IPT.** Dalam hubungan ini, semua pihak bertanggungjawab untuk memainkan peranan masing-masing agar sentiasa mematuhi SOP.

Pada masa ini, pembukaan semula IPT secara keseluruhan adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Jadinya, KPT sentiasa bersedia untuk menambahbaik terhadap SOP sedia ada, selaras dengan keputusan untuk memastikan pengoperasian IPT yang selamat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]
TARIKH	:	9 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 43

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa banyak syarikat terbitan atau *startup* pengkormesialan *intellectual property* di seluruh universiti tempatan dan mohon disenaraikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, terdapat sebanyak 248 buah syarikat terbitan atau *startup* atau *spin off* yang baru dan aktif di Universiti Awam dari tahun 2016 hingga tahun 2020 di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Jumlah syarikat terbitan/ *startup* /*spin off* di Universiti Awam ini sejak tahun 2016 sehingga tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) tahun **2016** terdapat sebanyak 27 buah syarikat terbitan;
- (ii) pada tahun **2017** sebanyak 20 buah buah syarikat terbitan;
- (iii) pada tahun **2018** sebanyak 17 buah syarikat terbitan;
- (iv) tahun **2019** menunjukkan peningkatan ketara dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak 78 buah syarikat penerbitan; dan
- (v) pada tahun **2020**, terdapat sebanyak 106 buah syarikat terbitan atau *spin off*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**
- TARIKH** : **15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**
- SOALAN** : **NO. 1**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status insentif pembayaran PTPTN anak Sarawak dan setakat ini berapakah bilangan yang memanfaatkan skim tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak dan rakan strategik Kementerian, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan para pelajar serta graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di negara ini.

Dalam hubungan ini, kredit harus diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak, atas inisiatif memperkenalkan Insentif Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Anak Sarawak, kepada peminjam PTPTN kelahiran Sarawak yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pinjaman mereka. Menerusi usaha proaktif Kerajaan Negeri Sarawak ini, peminjam-peminjam anak negeri diberikan pengurangan 30 peratus ke atas pinjaman mereka yang masih berbaki.

Inisiatif ini dilihat banyak membantu meringankan komitmen serta menggalakkan pembayaran balik pinjaman, khususnya dalam kalangan peminjam kelahiran Sarawak. Pada tahun 2020, seramai 9,321 peminjam mendapat manfaat daripada insentif yang pertama seumpamanya dan satu-satunya di negara ini, dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM30 juta. Suka saya kongsi juga di sini bahawa usaha ini akan dilaksanakan secara berterusan, tertakluk jua kepada budi bicara Kerajaan Negeri Sarawak seterusnya.

Prihatin dengan kebajikan serta keperluan untuk meringankan beban kewangan rakyat, KPT melalui PTPTN amat menyokong agar inisiatif seumpama ini dijadikan contoh dan ikutan kepada Kerajaan Negeri yang lain. Ia adalah antara ikhtiar untuk membantu peminjam menyelesaikan baki pinjaman pelajaran mereka. Dalam hal ini, PTPTN sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjayakan inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. ONG KIAN MING**
[BANGI]
TARIKH : **15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 14**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pembayaran balik pinjaman PTPTN oleh pelajar dan bayaran faedah oleh PTPTN ke atas pinjaman untuk tahun 2020 dan tahun 2021 (statistik terkini) dan polisi yang akan diambil untuk memperkukuh kedudukan kewangan PTPTN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh dua tahun terkini, PTPTN telah menerima **bayaran balik** pinjaman sebanyak lebih RM2.94 bilion, merangkumi RM1.35 bilion untuk tahun 2020 dan RM1.59 bilion untuk tahun 2021, iaitu sehingga 30 September. Dengan mengambil kira pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman yang dilaksanakan berikutan penularan wabak COVID-19, jumlah keseluruhan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN yang telah diterima sehingga 30 September 2021 adalah kira-kira RM22.53 bilion.

Dari segi **bayaran faedah** oleh PTPTN ke atas pinjaman pula, untuk tahun 2020 dan tahun 2021, sehingga 30 September 2021, lebih RM2.5 bilion bayaran faedah yang telah dikenakan, merangkumi bayaran kos keuntungan atau faedah pembiayaan dan bayaran Kos Kupon ke atas Sukuk PTPTN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah merangka beberapa strategi bagi memastikan kelestarian dana pembiayaan PTPTN antaranya:

- (i) **Memperhebatkan strategi meningkatkan bayaran balik pinjaman dengan mempelbagaikan saluran strategik dan inovatif.** PTPTN menyediakan pelbagai platform pembayaran bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran balik

termasuk bayaran balik sama ada melalui kaunter, perbankan internet dan juga bayaran secara dalam talian.

- (ii) **Memberikan insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN 10 hingga 15 peratus** bermula 1 November 2021 hingga 30 April 2022 kepada peminjam yang layak;
- (iii) **Melaksanakan perkongsian data dalam kalangan agensi** bagi memperhebat kutipan bayaran balik daripada mereka yang berada di sektor swasta dan bekerja sendiri. Kerjasama telah dilaksanakan dengan beberapa buah agensi seperti Jabatan Akauntan Negara (JAN), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan majikan swasta untuk membuat potongan gaji kakitangan mereka;
- (iv) **Menggalakkan kerjasama dengan kerajaan negeri.** Pelbagai kempen juga telah dilaksanakan bagi menggalakkan bayaran balik, yang terkini ialah insentif Kerajaan Negeri Sarawak membantu membuat bayaran balik tambahan sebanyak 30 peratus lagi kepada peminjam anak Sarawak yang telah membuat bayaran sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman; dan
- (v) **Mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan melalui simpanan pendidikan melalui akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT
[JERAJ]
TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (RABU)
SOALAN : NO. 19

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah jangka pendek bagi memanfaatkan graduan jurusan agama yang semakin meningkat agar kelangsungan modal insan dapat dilestarikan untuk generasi muda pada hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT amat memandang serius berhubung kelestarian kelangsungan modal insan bagi generasi muda pada hari ini terutamanya bagi graduan jurusan agama. Bagi tujuan tersebut dan juga bagi memanfaatkan graduan jurusan agama yang semakin meningkat ini, KPT telah melaksanakan beberapa inisiatif yang proaktif dan komprehensif kepada mereka bagi meningkatkan kemahiran dan seterusnya menjamin kebolehpasaran graduan mereka. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP (Career Advancement Program).

Melalui usaha ini, graduan Universiti Awam, IPTS, Politeknik serta Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan tempat untuk mengikuti program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*. Antara program yang menasaskan graduan jurusan agama adalah seperti berikut:

- a) *Certified Islamic Specialist in Takaful* - 100 peserta
- b) Kursus Penasihat Kewangan Islam - 50 peserta
- c) Profesional Eksekutif Halal - 100 peserta
- d) Guru Ngaji Profesional - 15 peserta

Kesemua program ini telah memanfaatkan seramai 265 orang graduan. Selain itu, terdapat juga program-program umum yang boleh diikuti oleh graduan jurusan agama seperti program keusahawanan dan ekonomi gig.

ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).

Program intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran (kadar kebolehpasaran 50% ke bawah). Program ini turut menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Pada tahun 2020 dan 2021, antara program yang diluluskan khas bagi graduan jurusan agama adalah seperti berikut:

- a) *Certified Professional Shariah Auditor (CPSA)* - 332 peserta
- b) *Shariah Compliance & Shariah Risk Management Executive Training (SCRMT)* – 395 peserta
- c) Persijilan Teori Penyelesaian Masalah Intervensi (TRIZ) – 140 peserta
- d) Akademi Pendakwah Muda – 70 peserta
- e) Sijil Kemahiran Khas Pengajaran Quran Isyarat (KPQI) – 20 peserta

Kesemua program ini telah memanfaatkan seramai 957 orang graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]
TARIKH	:	15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 35

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana universiti-universiti tempatan awam dan swasta, mengubah suai kursus-kursus yang ditawarkan bagi menyesuaikan kehendak pasaran dalam menangani isu kronik '*mismatch*', sejak MQA mengizinkan mengubah modul pengajian serta pengenalan '*hybrid degree regulation*'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan graduan yang dilahirkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, menjadi fokus KPT juga agar tidak berlaku jurang kemahiran atau kompetensi graduan yang ketara dengan keperluan industri.

Bagi maksud ini, KPT telah mengambil beberapa langkah proaktif. Antara yang boleh saya kongsi di sini ialah:

- (i) Pertama, **memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan atau dengan izin, *Future Ready Curriculum (FRC)***. Terdapat tiga elemen utama FRC, iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif PdP; dan Pentaksiran Holistik. Dalam hubungan ini, surat edaran kepada IPT bertarikh 6 Disember 2018 telah dikeluarkan meminta supaya IPT mengadaptasi elemen FRC dalam program akademik baharu atau semakan kurikulum sedia ada;
- (ii) Kedua, **membenarkan penyedia pendidikan tinggi (PPT) untuk membuat perubahan kurikulum sehingga 30 peratus secara dalaman tanpa perlu melalui penilaian semula oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**. Manakala bagi program-program di bawah seliaan badan professional, perubahan kurikulum

adalah tertakluk kepada pengesahan badan profesional yang berkaitan. MQA akan membuat semakan secara berkala bagi memastikan program yang ditawarkan selaras dengan perkembangan semasa;

- (iii) Ketiga, **menjumudkan, membekukan atau melupuskan program-program akademik yang telah dikenal pasti tidak relevan melalui semakan oleh MQA.** Ini bagi memberikan laluan kepada penawaran program baharu yang lebih sesuai serta memenuhi keperluan industri sejajar dengan IR4.0;
- (iv) Keempat, KPT melalui MQA turut **memperkenalkan Kerangka Penawaran Program yang menggabungkan dua atau tiga bidang seperti Major dengan Pengkhususan, Dwi Major, Major Minor dan Pelbagai Bidang (Hibrid)** sebagai menunjukkan sokongan kepada elemen, dengan izin, *transdisciplinary* dalam *Higher Education 4.0*. Konsep ini mampu menggalakkan IPT meneroka bidang ilmu baharu dan seterusnya mereka bentuk program pengajian yang dinamik serta mampu menarik minat industri dalam konteks kebolehpasaran graduan; dan
- (v) Kelima, **memperkasakan program akademik menerusi inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)***. Inisiatif yang baru sahaja dilancarkan pada 15 Oktober 2021 ini secara tuntasnya bertujuan untuk menghasilkan graduan yang mempunyai daya tahan serta keupayaan untuk menghadapi dan menerima perubahan, atau dengan izin *resilient and change-ready talent*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH	:	18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 17

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat manakah Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) mampu meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan semasa dan pasca pandemik COVID-19 ini serta nyatakan setakat manakah penglibatan industri dalam merangka dan menyediakan bidang latihan internship yang diberikan keutamaan ketika ini untuk memenuhi keperluan industri.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 merupakan dokumen strategik yang berperanan membantu dan memberikan panduan kepada IPT untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam tempoh pandemik dan pasca pandemik COVID-19. Pelan ini menumpukan kepada pelaksanaan empat strategi teras bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan iaitu:

- (i) **Strategi Pengukuhan Kecemerlangan Bakat:**
Memperkuh bakat pelajar dengan inisiatif peningkatan kemahiran berbahasa Inggeris serta kemahiran abad ke-21 seperti automasi, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi berkaitan 4IR. Graduan yang menguasai kemahiran-kemahiran tersebut mempunyai potensi besar untuk merebut peluang pekerjaan baharu dalam pasaran pekerjaan.
- (ii) **Strategi Peluasan kerjaya pelajar:**
Usaha untuk memperkemaskan pelaksanaan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini dan data raya ditekankan melalui strategi ini. Antara inisiatif yang digariskan adalah pembangunan modul *Jobmatching@GReAT* yang secara automatik dapat memadankan data

graduan belum bekerja dengan kriteria keperluan pekerja yang dikunci masuk oleh industri. Modul ini memudahkan pihak industri mencari bakat yang sesuai untuk mengisi kekosongan perjawatan selain memberi penekanan kepada pemerksaan fungsi dan peranan pusat kerjaya sebagai pusat sehati bagi pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar. Selain itu, profiling kerjaya pelajar turut dilaksanakan secara komprehensif melalui *TalentCorp NEXT-Nurturing Expert Talent*, serta penggunaan portal *MYFutureJobs*, PERKESO bagi menghubungkan pelajar kepada industri yang berdaftar dengan PERKESO.

(iii) **Strategi Pemantapan pengajaran dan pembelajaran (PdP):**

Aktiviti PdP diperkukuhkan melalui dua inisiatif iaitu memastikan kandungan program-program akademik di IPT dapat memenuhi keperluan industri 4.0 dan kompetensi tenaga pengajar di IPT dipertingkat sejajar dengan perkembangan semasa. Dalam konteks ini, program-program akademik sentiasa disemak dan dikaji semula secara berkala untuk memastikan kandungannya sentiasa terkini, relevan dan bersifat *Future Ready Curriculum*. Selain itu, kemahiran tenaga pengajar sentiasa ditingkatkan melalui program-program sangkutan di industri dan perkongsian kepakaran oleh tokoh-tokoh industri melalui program seperti *CEO@Faculty* dan *Academia Talent Exchange Programme (AlxCHANGE)*.

(iv) **Strategi Pemerksaan hubungan industri.**

Melalui strategi ini kerjasama rapat IPT dan Industri diperkukuhkan melalui pelbagai program dan aktiviti, bermula daripada pembentukan program pengajian, kandungan modul, latihan industri sehingga pelajar menamatkan pengajian dan menerima tawaran pekerjaan daripada industri. Kerjasama erat ini juga dapat mengurangkan ketidaksepadanan antara kemahiran yang dimiliki graduan dengan keperluan semasa pihak industri. Kerjaya pelajar yang dirancang awal dengan penglibatan tinggi pihak industri dapat membantu mengembangkan bakat; menyedia dan mempersiap mereka dengan keperluan pasaran pekerjaan masa hadapan.

Keterlibatan pihak industri khususnya dalam menyediakan penempatan kepada pelajar bagi tujuan Latihan Industri adalah penting dalam memastikan pelajar dapat menamatkan pengajian mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Libat urus ini dilaksanakan melalui struktur *Employability Advisory Council (EAC)* yang dianggotai oleh wakil-wakil sumber manusia mengikut sektor industri secara berkala.

Sebarang isu berkaitan Latihan Industri seperti pembayaran elaun, perlindungan insuran, jumlah penempatan, kebajikan pelajar semasa latihan dan sebagainya dibincangkan secara terperinci dengan pihak industri melalui platform ini. Selain itu, kementerian juga melaksanakan libat urus secara terus dengan syarikat-syarikat

terkemuka untuk membincangkan mengenai penempatan pelajar bagi tujuan latihan industri. Antaranya adalah dengan syarikat Intel melalui program MOHE and *Intel Elite Internship* dan Huawei Technologies Co. Ltd melalui program *Huawei Seed for The Future*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]
TARIKH	:	18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 36

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan mesyuarat yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) sejak penubuhannya pada September 2020 dan hasil perbincangan bagi setiap mesyuarat tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa prihatin dan responsif ke atas aspirasi pelbagai pihak yang inginkan AUKU ditambah baik dari semasa ke semasa. Atas dasar inilah, AUKU telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak ia diwartakan pada tahun 1971 hingga pindaan terakhir pada tahun 2019 yang memansuhkan Seksyen 15(2)(c) AUKU yang telah memberi lebih ruang dan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dan berpolitik di dalam kampus.

Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan AUKU untuk penambahbaikan berterusan pada bulan September 2020 melibatkan 37 ahli yang terdiri daripada pakar perlembagaan, pakar perundangan, pakar pendidikan tinggi dan wakil pengurusan tertinggi universiti. Selain itu, Kementerian turut melantik wakil persatuan kakitangan akademik, pentadbir dan kakitangan sokongan, wakil persatuan IPTS, wakil NGO dan wakil persatuan pelajar bagi memastikan sebarang cadangan penambahbaikan adalah bersifat komprehensif dan merangkumi semua pihak berkepentingan.

Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan, antaranya bersama Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang telah diadakan pada 14 September 2021. Melalui sesi tersebut, isu-isu seperti pengurusan aktiviti pelajar iaitu kebenaran untuk mengumpul dana; pembukaan

akaun bank bagi maksud pungutan wang aktiviti pelajar; pengwujudan kesatuan pelajar dan kebebasan untuk berpersatuan telah dibincangkan. Sebahagian daripada isu yang dibangkitkan ini telah mempunyai mekanisme pelaksanaan sedia ada di peringkat Universiti Awam, manakala bakinya akan diperhalusi untuk pelaksanaannya.

Sesi libat urus susulan bersama MPPK dan Majlis Presiden Persatuan Akademik turut berlangsung pada 28 hingga 30 Oktober 2021 melibatkan perbincangan isu-isu, cabaran, maklum balas, pandangan dan input terkini berkaitan AUKU. Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan adalah termasuk perkara yang melibatkan peruntukan khas definisi bagi pekerja/ kakitangan universiti, cadangan pengecualian Akta 605 melalui pindaan AUKU, melihat semula komposisi keahlian Senat dan Lembaga Pengarah Universiti dan menambahbaik Kaedah Tatatertib Pelajar agar lebih relevan dengan keadaan semasa. Kementerian juga boleh melihat semula seksyen 15 dan 16 AUKU agar peruntukannya dapat memperkasa dan memberi hak upaya kepada pelajar.

Justeru, usaha menambahbaik AUKU adalah satu usaha yang berterusan dalam memastikan AUKU kekal relevan. Kementerian sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan penambahbaikan AUKU dan akan mempergiatkan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan termasuk pelajar bagi menyesuaikan Akta ini dengan keperluan semasa kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]
TARIKH	:	24 NOVEMBER 2021 (RABU)
SOALAN	:	NO. 11

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha kementerian dalam memantapkan lagi program-program kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA), terutamanya mengenai Program 2u2i yang telah diperkenalkan sejak tahun 2015.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa sentiasa berusaha memantapkan program-program kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA). Terdapat dua strategi utama yang ditekankan, iaitu pemantapan program '*reskilling*' dan '*upskilling*', serta pemeraksanaan agenda kebolehpasaran graduan.

Di bawah **strategi pertama**, KPT giat melaksanakan langkah-langkah yang berikut bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan:

- i. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*** khusus untuk graduan IPT bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja;
- ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)** bagi graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya iaitu CGPA 3.3 ke bawah atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran iaitu 50% ke bawah; dan
- iii. Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*** yang menawarkan penempatan di industri secara kekal kepada pelajar yang mengikuti latihan industri.

Sementara **strategi kedua** pula, KPT mengambil pendekatan yang berikut:

- (i) **Menyemak dan menambah baik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan dengan mengambil kira input daripada industri, jabatan dan agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perangkaan Malaysia, Institut Maklumat dan Analisis Psaran Buruh (ILMIA), Talentcorp dan Badan Profesional** bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian ditawarkan oleh IPT adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara; dan
- (ii) **Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025** sebagai usaha untuk memastikan pelaksanaan program kebolehpasaran yang lebih tersusun dan memberikan keberhasilan graduan yang lebih holistik dan seimbang.

Bagi memperkukuhkan program 2U2i, strategi berikut telah dilaksanakan iaitu:

- (i) **Menyerap masuk elemen pengkomputeran mudah alih dan sains data ke dalam kurikulum akademik** bagi menyokong transisi kepada Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0);
- (ii) Menjadikan **program berasaskan kemahiran dan program TVET** sebagai satu daripada program yang ditawarkan;
- (iii) Memberikan tumpuan untuk **menguar-uarkan program mod pengajian 2u2i dengan lebih agresif** kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta pihak industri khususnya bagi mendapatkan *buy-in*;
- (iv) Melaksanakan **sesi libat urus bersama-sama wakil industri** melalui inisiatif *Future Workforce Engagement Series* atau FORCES; dan
- (v) Mengadakan **sesi perkongsian ilmu dan pengalaman** oleh IPT yang telah melaksanakan Program 2u2i dengan IPT lain.

Pada masa kini, program ini telah diperkasakan melalui penambahan 18 buah UA lagi. Sehingga sesi pengambilan Oktober 2021, terdapat sejumlah 107 Program 2u2i yang telah ditawarkan di 18 Universiti Awam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]
TARIKH	:	24 NOVEMBER 2021
SOALAN	:	NO. 13

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik lepasan peperiksaan SPM (2016-2020), jumlah selama 5 tahun yang menyambung pendidikan ke IPTA/IPTS/TVET/Tingkatan 6 dan apakah usaha jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu mereka yang tercicir memiliki hanya kelulusan SPM.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Statistik jumlah pelajar lepasan SPM yang layak ditawarkan menyambung pengajian ke **Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)** bagi tempoh enam tahun dari tahun 2016 sehingga 2021 adalah seperti berikut:

- i) Sesi Akademik 2016/ 2017: 126,492 pelajar;
- ii) Sesi Akademik 2017/ 2018: 155,904 pelajar;
- iii) Sesi Akademik 2018/ 2019: 187,287 pelajar;
- iv) Sesi Akademik 2019/ 2020: 140,343 pelajar;
- v) Sesi Akademik 2020/ 2021: 121,354 pelajar; dan
- vi) Sesi Akademik 2021/ 2022: 141,390 pelajar.

Manakala menurut data Kementerian Pendidikan Malaysian (KPM), **statistik jumlah pelajar lepasan SPM** yang menyambung pengajian bagi **kemasukan ke Tingkatan 6** untuk tempoh 5 tahun iaitu bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020 adalah seperti berikut:

- i) SPM Tahun 2016: 46,516 pelajar;
- ii) SPM Tahun 2017: 48,768 pelajar;
- iii) SPM Tahun 2018: 47,514 pelajar;
- iv) SPM Tahun 2019: 50,704 pelajar; dan

- v) SPM Tahun 2020: 53,512 pelajar.

Jumlah **kemasukan pelajar tempatan ke IPTS** bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 pula adalah seperti berikut:

- i) Tahun 2019: 160,999 pelajar;
- ii) Tahun 2020: 147,801 pelajar; dan
- iii) Tahun 2021: 115, 819 pelajar (Sehingga Suku Ketiga 2021).

Berkenaan usaha jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu mereka yang terdicir memiliki hanya kelulusan SPM, Kementerian aktif dalam menyebarkan luas peluang akses ke pendidikan tinggi kepada semua lapisan masyarakat. Sebagai contoh, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah menganjurkan **Program Jelajah Vokasional & Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) 2020** melalui pendekatan **norma baharu iaitu melalui platform *FB live***.

Selain itu, pelajar lepasan SPM boleh membuat permohonan ke program pengajian diploma dan sijil yang berunsur TVET dan kemahiran di IPTA dan ILKA yang memerlukan kelayakan yang sangat minimum di mana Jabatan Pendidikan Politeknik dan Komuniti (JPPKK), turut menawarkan program pengajian diploma IPTA di 36 buah Politeknik dan program pengajian sijil IPTA di 104 buah Kolej Komuniti (KK) di seluruh Malaysia.

Kementerian juga bekerjasama dengan empat ILKA di bawah beberapa Kementerian lain yang turut bersama di dalam sistem permohonan UPUOnline yang menawarkan program pengajian diploma dan sijil seperti:

- i. Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS), Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- ii. Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (IJTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- iii. Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI); dan
- iv. Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIFF**
[JEMPOL]

TARIKH : **24 NOVEMBER 2021 (RABU)**

SOALAN : **NO. 19**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan peminjam yang masih berhutang dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan jumlah kewangan yang terlibat.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2021, PTPTN telah meluluskan pinjaman kepada lebih 3.5 juta peminjam dengan jumlah pengeluaran (*disbursement*) lebih RM64.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,424,009 orang peminjam telah menamatkan pengajian dan patut mula membayar balik pinjaman mereka yang berjumlah hampir RM24.6 bilion.

Namun demikian, daripada jumlah tersebut seramai 1,884,725 orang peminjam iaitu 77.75% telah membuat bayaran balik; di mana 751,216 peminjam telah menyelesaikan pinjaman; 427,861 peminjam sedang membuat bayaran balik secara konsisten mengikut jadual bayaran balik; dan 705,648 peminjam membuat bayaran balik namun secara tidak konsisten. Walau bagaimanapun, masih terdapat seramai 539,284 peminjam iaitu 22.25% tidak pernah membuat bayaran balik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]
TARIKH	:	24 NOVEMBER 2021 (RABU)
SOALAN	:	NO. 22

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana proses pelantikan seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti dibuat. Adakah Persatuan Alumni dan Senat universiti dilibatkan. Atau adakah ia berdasarkan autonomi universiti sepenuhnya.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30), "Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula". Manakala Seksyen 13(1) Akta 30 pula menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan. Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti Awam, pelantikan Ahli LPU perlu menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu:

- i) Pengerusi LPU**
Calon mempamerkan daya kepimpinan dan keupayaan pengurusan yang cemerlang, berperibadi unggul, dihormati oleh masyarakat, mempunyai tahap integriti serta akauntabiliti yang tinggi dan telah memberikan banyak sumbangan kepada negara.
- ii) Wakil Masyarakat Setempat**
Calon dilantik dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat atau berasal dari negeri lokasi UA berkenaan.

iii) Wakil Senat

Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam Peraturan 17(d) Jadual Pertama Akta 30.

iv) Wakil Sektor Swasta

Calon berpengalaman luas dalam selok-belok tadbir urus organisasi, mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang bersesuaian dengan bidang tujuhan universiti yang diwakili, mampu menyuntik perspektif baru dalam kepemimpinan organisasi dan pengumpulan dana serta berupaya memperkukuhkan jaringan dengan pihak industri dan membantu menerapkan amalan tadbir urus korporat yang baik (*Good Corporate Governance*) dalam pentadbiran universiti.

v) Wakil Alumni

Calon adalah seorang tokoh yang boleh menjadi contoh ikutan kepada warga universiti khususnya para pelajar dan mampu menggerakkan usaha dalam pengumpulan dana universiti melalui jaringan perhubungan dengan alumni.

vi) Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman

Calon dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu yang bersesuaian dengan bidang tujuhan universiti.

Selaras dengan autonomi yang telah diberikan kepada Universiti Awam, Kementerian Pengajian Tinggi juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai panduan untuk memperkasakan lagi peranan Lembaga Pengarah Universiti termasuk dalam urusan pencalonan Ahli LPU.

Dalam hubungan ini, sebahagian Universiti Awam menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan (*Nomination Committee*) dan sebahagian yang lain dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah Universiti berdasarkan kesesuaian komposisi sebelum cadangan pelantikan dikemukakan kepada pihak Kementerian. Selain itu, pihak universiti diberikan kebebasan untuk mengadakan sesi libat urus dengan Persatuan Alumni bagi tujuan pencalonan wakil alumni, manakala pencalonan wakil Senat pula akan melalui proses undian dalam kalangan Ahli Senat. Kepelbagaian latar belakang profesional dan pengalaman ahli LPU yang dilantik di sesebuah universiti juga turut diambil kira sebelum sebarang pelantikan dimuktamadkan .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]
TARIKH	:	24 NOVEMBER 2021 (RABU)
SOALAN	:	NO. 26

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kursus yang terdapat di kolej-kolej komuniti yang ada pada masa ini menepati pasaran semasa. Apakah pelan tindakan Kementerian bagi menjamin kelestarian kursus-kursus yang ditawarkan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti pada dasarnya berperanan menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf, selain memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang. Secara keseluruhannya, terdapat 104 buah Kolej Komuniti yang menawarkan 67 program pengajian sepenuh masa, yang terdiri daripada 16 program diploma dan 42 program sijil melibatkan enam (6) bidang utama pengajian iaitu:

- i. Sains, matematik dan komputer
- ii. Sains sosial perniagaan dan perundangan
- iii. Sastera kemanusiaan
- iv. Perkhidmatan
- v. Kejuruteraan pembuatan dan pembinaan
- vi. Pertanian dan veterinar

Dalam hal ini, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bertanggungjawab untuk menawarkan kursus yang berkualiti dan memenuhi keperluan semasa. Antara inisiatif bagi mencapai objektif tersebut adalah melalui Kajian Keperluan Program/ *Programme Need Analysis* (PNA). PNA merangkumi maklum balas industri dan profesional yang berkepentingan, pelajar, alumni dan pensyarah daripada pelbagai pihak dalam bidang berkaitan. Ia juga mengandungi

maklumat berkaitan implikasi keperluan sumber manusia, fizikal dan unjuran pelajar serta keperluan dasar negara yang digunakan sebagai maklumat utama untuk membuat keputusan penawaran program pengajian.

Berdasarkan laporan PNA, hanya program yang menepati pasaran semasa akan diangkat untuk proses penawaran di Mesyuarat Penjajaran Program Politeknik dan Kolej Komuniti. Laporan penambahbaikan berterusan dilaksanakan di peringkat institusi dan tindakan penambahbaikan turut dilaksanakan bagi menjamin kelestarian program-program yang ditawarkan di Kolej Komuniti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI**
[CHERAS]
TARIKH : **24 NOVEMBER 2021 (RABU)**
SOALAN : **NO. 37**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat membantu membolehkan para pelajar Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka di negara-negara yang masih menutup sempadan mereka kepada orang asing kerana pandemik COVID-19; dan juga bagaimana untuk membolehkan pelajar asing meneruskan pengajian mereka di Malaysia walaupun sempadan kita masih belum dibuka untuk mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan kebajikan pelajar-pelajar Malaysia yang ingin meneruskan pengajian mereka di luar negara terutamanya di negara-negara yang masih menutup sempadan mereka kerana pandemik COVID-19. KPT melalui Pejabat Education Malaysia atau Pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara sentiasa bersedia untuk membantu menyelesaikan isu atau permasalahan yang timbul terutamanya yang berkaitan dengan urusan kemasukan pelajar Malaysia ke negara luar. Dalam hubungan ini, rundingan strategik dengan pejabat kedutaan asing di Malaysia dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kes. Contohnya dalam menyelesaikan isu larangan masuk pelajar Malaysia yang telah tamat tempoh visa pelajar atau Izin Tinggal Terbatas (ITAS) ke Indonesia. Hasil rundingan Pejabat Education Malaysia Indonesia dengan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia serta Pejabat Kedutaan Besar Republik Indonesia, isu ini telah berjaya diselesaikan.

Bagi maksud pelajar asing yang ingin meneruskan pengajian mereka di Malaysia, suka saya maklumkan di sini bahawasanya sempadan Malaysia telah pun dibuka kepada pelajar antarabangsa selaras dengan Pengumuman Pengoperasian Institusi Pendidikan Tinggi pada 14 September 2021 yang lalu.

Kebenaran memasuki Malaysia bagi pelajar antarabangsa adalah merangkumi tiga kategori seperti yang berikut:

- (a) Warganegara United Kingdom yang sebelum ini disekat kemasukannya;
- (b) Pelajar yang mengikuti program *Mobiliti dan Edutourism*; dan
- (c) Tanggungan sah bagi pelajar yang berhasrat membawa keluarga bersama-sama.

Selaras dengan itu juga, pelajar antarabangsa yang ingin memasuki Malaysia perlu lengkap divaksinasi dan memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) Berdaftar dengan Education Malaysia Global Services (EMGS) sebelum diberikan kebenaran masuk ke Malaysia oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
- (b) Menjalani ujian swab RT-PCR sebelum tiba di Malaysia; serta
- (c) Menjalani saringan kesihatan dan kuarantin di lokasi yang telah ditetapkan setibanya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH**
[SRI GADING]
TARIKH : **30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**
SOALAN : **NO. 27**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang konkrit dalam menangani isu kesihatan mental di kalangan mahasiswa khususnya ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan peka dalam memastikan kebajikan serta kesejahteraan mental dan emosi mahasiswa sentiasa terjaga, terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak lebih setahun yang lalu.

Atas dasar keprihatinan ini, KPT melalui pihak Universiti Awam (UA) menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang melibatkan hampir 150 orang kaunselor dan pakar psikologi terdapat di UA. Selain secara fizikal atau, dengan izin, *walk-in*, perkhidmatan yang sama turut ditawarkan melalui talian *hotline* dan juga secara dalam talian. Dalam hubungan ini, beberapa kaedah telah dikenal pasti bagi menyaring tahap kesihatan mental mahasiswa, iaitu melalui *online-self screening* menggunakan *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS), e-kaunseling berkelompok dan e-psikologi.

Selain itu, KPT juga bekerjasama dengan Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MAKUMA) membangunkan Modul Kesihatan Mental Pelajar IPT bagi menangani tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini merupakan garis panduan kepada pegawai di UA bagi menguruskan kes kesihatan mental yang melibatkan mahasiswa UA secara lebih komprehensif dan efisien.

Dalam perkara berkaitan, pelbagai program kesedaran berkenaan dengan kesihatan mental turut dianjurkan. Sepanjang tahun 2021, pihak UA dengan kerjasama MAKUMA telah berjaya menganjurkan hampir 560 program kaunseling serta pengurusan tekanan dan emosi sama ada secara dalam talian mahupun fizikal. Contohnya ialah Live Instagram 3.0: Kaunselor Saya Nak Bertanya oleh UPM; Program *Counselling: Mental and Emotional Well-Being 15* oleh UiTM (Shah Alam); dan Webinar Kaunseling: Kenali Simptom dan Bantuan Awal Kesihatan Mental oleh UMT. Pihak politeknik dan kolej komuniti juga tidak ketinggalan menganjurkan pelbagai program kesedaran, kerohanian dan sesi kaunseling individu dan berkelompok yang melibatkan kira-kira 2,377 pelajar.

Insyallah, program-program seumpama ini akan diteruskan pelaksanaannya pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR**
[JOHOR BAHRU]

TARIKH : **30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN : **NO. 30**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kemudahan kediaman dalam kampus di universiti-universiti awam diberikan kepada kumpulan mahasiswa B40.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Aspek kesejahteraan dan kebajikan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memastikan kemudahan kediaman dalam kampus kondusif, terutamanya untuk mahasiswa golongan B40. Ini penting kerana kedua-dua aspek, iaitu kesejahteraan dan kebajikan, turut secara tidak langsung memberikan kesan kepada proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dilalui.

Untuk makluman, semua pelajar Tahun 1 diberikan keutamaan untuk mendapat kemudahan kediaman dalam kampus dan premis luar kampus yang diuruskan oleh Universiti Awam (UA). Ini bagi memberikan pengalaman penuh merasai semua kemudahan yang disediakan dan untuk membiasakan diri dengan persekitaran kampus.

Sementara itu, penyediaan kemudahan kediaman kepada golongan pelajar selain pelajar Tahun 1 atau pelajar kanan adalah berdasarkan kriteria yang telah digariskan oleh UA masing-masing. Dalam hubungan ini, **keutamaan permohonan penginapan dalam kampus diberikan kepada pelajar golongan B40 dan pelajar berkeperluan**. Faktor lain seperti **tahap keterlibatan dan keaktifan pelajar** dalam program-program di kampus juga **turut diambil kira** dalam memberikan kemudahan ini.

Sehingga 25 Oktober 2021, UA telah menyediakan kemudahan penginapan dalam kampus kepada seramai **63,695 orang mahasiswa**. Majoritinya merupakan pelajar

golongan B40 berkeperluan yang telah mula memasuki kampus secara fizikal bagi sesi akademik Semester 1 Tahun 2021/2022.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]
TARIKH	:	30 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 31

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha dan inisiatif yang diambil bagi meningkatkan peluang dan sokongan dalam industri kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan mahasiswa di universiti-universiti tempatan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Salah satu usaha dan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memastikan mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut diberi peluang dan sokongan untuk terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah melalui *Public-Private Research Network* atau, ringkasnya PPRN. PPRN merupakan inisiatif inovatif yang berkonsepkan model kerjasama antara syarikat dan akademik yang bertujuan untuk membantu meningkatkan tahap produktiviti syarikat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak industri melalui inovasi dan teknologi.

Bagi maksud ini, KPT sentiasa menggalakkan penyelidik melibatkan mahasiswa sebagai Pembantu Penyelidik atau, dengan izin, *Research Assistants* (RAs) bagi memberikan mereka peluang dan pengalaman bekerjasama dengan industri dalam menyelesaikan masalah sebenar secara *hands-on*. Selain daripada mempunyai potensi untuk terus diambil bekerja oleh industri berkenaan, mahasiswa juga boleh menggunakan kemahiran dan pengalaman semasa terlibat dalam projek PPRN sebagai nilai tambah untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran dan daya saing mereka setelah bergraduasi kelak.

Sejak dilancarkan pada tahun 2015, sejumlah 608 projek telah diluluskan, dan 562 syarikat telah menerima geran padanan melalui inisiatif PPRN 1.0 yang berjumlah hampir RM22.9 juta (RM22,888,345.00). Bermula Oktober 2019, melalui PPRN 2.0, sebanyak 59 projek bernilai kira-kira RM4.6 juta (RM4,552,805.25) telah diluluskan

melibatkan 59 buah syarikat dalam bidang pembuatan, pembinaan, pertanian, perkhidmatan serta perlombongan dan pengkuarian.

Penglibatan mahasiswa dalam projek PPRN merupakan usaha dan inisiatif yang unik kerana ia berpacuan permintaan industri. Pelaksanaan projek PPRN menghasilkan sinergi yang baik impak daripada gabungan idea dan minda yang padu, serta penggemblengan tenaga daripada pakar bidang, industri dan mahasiswa. Kolaborasi bagi menambah baik produk atau proses di syarikat yang terlibat dilihat berupaya meningkatkan produktiviti syarikat, termasuk menambah hasil jualan, mengurangkan tenaga kerja, menambah baik aspek kualiti produk atau proses, kebersihan, keselamatan dan sebagainya.

Kajian Impak Pelaksanaan PPRN yang dilaksanakan oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) pada tahun 2019 menunjukkan bahawa secara puratanya, terdapat 30 peratus peningkatan produktiviti selepas pelaksanaan projek PPRN ini. Justeru, PPRN membuktikan kolaborasi antara industri dan akademik merupakan inisiatif menang-menang, yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada industri, tetapi juga kepada penyelidik termasuk pensyarah dan mahasiswa di IPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM]
TARIKH	:	30 NOVEMBER 2021 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 32

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan berkongsi H-index, G-index dan i10-Index setiap Naib Canselor di Universiti Awam (UA) yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021, dan bandingkannya dengan Naib Canselor sebelum mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kriteria utama yang dinilai bagi calon Naib Canselor adalah kemahiran, kemampuan dan pengalaman dalam pentadbiran institusi akademik. Dalam hubungan ini, selain daripada *Curriculum Vitae* (CV) akademik, calon juga perlu menyediakan CV kepimpinan yang dapat membantu Jawatankuasa Tetap Pemilihan Naib Canselor Universiti Awam menilai bukan sahaja pencapaian akademik bahkan juga ciri-ciri penting sebagai pemimpin institusi dan dapat dibuktikan berdasarkan impak yang ditunjukkan melalui kejayaan calon menerajui program-program yang signifikan terhadap pembangunan universiti.

Calon Naib Canselor juga haruslah mempunyai iltizam untuk menjadikan universiti sebagai institusi yang memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dan negara, mempamerkan tahap kepimpinan yang cemerlang, mengetahui selok-belok aktiviti akademik, penyelidikan dan kepentingan libat urus bersama pihak industri dan komuniti, menjadi rujukan *peers* di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang seterusnya membawa jenama universiti ke peringkat yang lebih tinggi serta mempunyai *authority* dalam bidang kepakaran dan disiplin ilmunya.

Sumbangan calon turut dapat dinilai melalui pengiktirafan dan peranannya dalam dunia akademik, affiliasi dalam pertubuhan dan badan profesional berprestij serta

anugerah-anugerah lain yang mengenengahkan sumbangan calon kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pihak Kementerian tidak menafikan kepentingan pengukuran H-Index bagi seseorang ahli akademik termasuk Naib Canselor. Namun begitu, pencapaian calon Naib Canselor dalam penyelidikan dan penerbitan melalui pengukuran H-Index bukanlah satu-satunya indikator yang dapat menentukan kemampuan calon untuk mentadbir universiti. Apa yang lebih utama adalah Naib Canselor perlu memahami dan menguasai selok-belok tadbir urus yang baik (*good governance*) serta membawa universiti mencapai misi dan visi penubuhannya.

Perbandingan H-Index dan G-Index Scopus Naib-Naib Canselor sedia ada dan mantan Naib-Naib Canselor adalah seperti dilampirkan

Sekian, terima kasih.

**SENARAI NAIB CANSELOR/ REKTOR UNIVERSITI AWAM
(LANTIKAN SEBELUM MAC 2020 SEHINGGA 25 OKTOBER 2021)**

BIL	UA	NAMA	TARIKH LANTIK	H-Index	G-Index
1	UM	YBhg. Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim	01.11.2017	-	-
2		YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor	01.11.2020	4	4
3	USM	YBhg. Datuk Prof. Dr. Asma binti Ismail	04.10.2016	18	24
4		YBhg. Dato' Prof. Dr. Faisal Rafiq Mahmad Adikan	04.10.2019	22	46
5	UKM	YBrs. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor	01.01.2019	4	4
6		YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman	01.01.2021	20	32
7	UPM	YBhg. Datin Paduka Prof. Dr. Aini binti Ideris	01.01.2016	24	32
8		YBrs. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman	01.09.2020	31	46
9	UTM	YBhg. Datuk Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar	01.09.2013	14	23

**SENARAI NAIB CANSelor/ REKTOR UNIVERSITI AWAM
(LANTIKAN SEBELUM MAC 2020 SEHINGGA 25 OKTOBER 2021)**

BIL	UA	NAMA	TARIKH LANTIK	H-Index	G-Index
10		YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail	01.01.2021	87	149
11	UIAM	YBhg. Dato' Sri Prof. Dr. Zaleha Kamaruddin	02.08.2011	1	2
12		YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Emeritus Dzulkifli Abdul Razak	31.07.2020	2	2
13	UITM	YBhg. Datuk Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim	15.02.2019	11	20
14		YBrs. Prof. Ts. Dr. Roziah Mohd Janor	09.08.2021	6	9
15	UUM	YBhg. Dato' Seri Prof. Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak	16.06.2010	0	0
16		YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani	26.08.2018	9	11
17	UNIMAS	YBhg. Prof. Dr. Morshidi bin Sirat	01.04.2011	10	22
18		YBhg. Datuk Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi	15.12.2020	7	9
19	UMS	YBhg. Datuk Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin	18.06.2017	1	1
20		YBhg. Datuk Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin	30.7.2019	53	79
21	UPSI	YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamad Shatar bin Sabran	24.02.2017	0	0
22		YBhg. Dato' Prof. Dr. Md Amin Md Taff	24.06.2021	-	-
23	USIM	YBhg. Dato' Prof. Dr. Musa bin Ahmad	16.08.2014	25	41
24		YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamed Ridza bin Wahiddin	23.09.2019	15	22

**SENARAI NAIB CANSELOR/ REKTOR UNIVERSITI AWAM
(LANTIKAN SEBELUM MAC 2020 SEHINGGA 25 OKTOBER 2021)**

BIL	UA	NAMA	TARIKH LANTIK	H-Index	G-Index
25	UMT	YBhg. Dato' Prof. Dr. Nor Aieni binti Mokhtar	13.04.2015	2	2
26		YBrs. Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar	02.08.2021	18	25
27	UTHM	YBhg. Datuk Prof. Dr. Mohd. Noh bin Dalimin	16.10.2008	5	8
28		YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Wahid Razzaly	15.04.2020	3	3
29	UTeM	YBhg. Datuk Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin	16.06.2014	8	14
30		YBhg. Datuk Wira Prof. Dr. Raha Abdul Rahim	16.06.2019	37	56
31	UMP	YBhg. Dato' Prof. Dr. Daing Mohd. Nasir bin Daing Ibrahim	16.05.2008	6	13
32		YBrs. Prof. Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff	16.05.2019	1	3
33	UniMAP	YBrs. Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmmad	15.05.2019	21	34
34		YBrs. Lt Kol Prof. Ts. Dr. Zaliman bin Sauli	09.08.2021	8	11
35	UniSA	YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Bin A. Latif	01.02.2016	7	13
36		YBhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan	01.02.2019	2	3
37	UMK	YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini Omar	01.1.2018	7	11
38		YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Noor Azizi Ismail	07.01.2019	9	17
39	UPNM	YBhg. Lt. Jen. Datuk Abdul Halim Haji Jalal	01.05.2018	-	-

**SENARAI NAIB CANSOLOR/ REKTOR UNIVERSITI AWAM
(LANTIKAN SEBELUM MAC 2020 SEHINGGA 25 OKTOBER 2021)**

BIL	UA	NAMA	TARIKH LANTIK	H-Index	G-Index
40		YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Hasagaya bin Abdullah	19.12.2020	-	-

Tarikh kemaskini: 26 November 2021

Sumber : Scopus

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
[HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : **6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN : **NO. 6**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian bersama pihak universiti untuk memahami keperluan ini dan seterusnya memperkasakan graduan dengan kerjasama pihak industri agar kebolehpasaran graduan dapat memenuhi keperluan kategori tenaga mahir dan separuh mahir.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menggalakkan penglibatan industri dalam menangani isu kebolehpasaran graduan. Antara usaha yang telah dilaksanakan bagi merealisasikan perkara ini ialah:

- (i) **Menyediakan platform perkongsian input di peringkat strategik.** Platform strategik yang dimaksudkan ini termasuklah Majlis TVET Negara; Majlis Penasihat Industri; *Government- Industry TVET Coordination Body (GIC)*; serta Pasukan Petugas Khas di bawah Majlis Pekerjaan Negara (NEC);
- (ii) **Mewujudkan pelbagai program kolaborasi bersama pihak swasta** termasuklah program *Industry@University*;
- (iii) **Menjalinkan kerjasama strategik bersama-sama agensi yang berkepentingan di dalam bidang keusahawanan** seperti TEKUN Nasional, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan juga MEDAC. Antara program yang dilaksanakan ialah Program KPT- MEDAC: *Siswapreneur* dengan kerjasama TEKUN NASIONAL yang merupakan program pembiayaan mikro khusus untuk pelajar IPT dengan peruntukan sebanyak RM5 juta pada tahun 2021. Terdahulu, KPT dan MEDAC melalui

SME Corp. melaksanakan program rintis TUBE@IPT dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.4 juta.

- (iv) **Mengaktifkan semula Majlis Keusahawanan Pendidikan Tinggi Nasional (MKPTN) di peringkat Kementerian** untuk membantu penetapan hala tuju agenda pemerkasaan keusahawanan di IPT; dan
- (v) Membangunkan portal sehenti atau dengan izin, *one stop centre*, iaitu **Portal Graduates Reference Hub for Employment and Training** atau **GREaT** sebagai rujukan pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan, keusahawanan, peluang melanjutkan pengajian, pembiayaan, latihan peningkatan kemahiran serta pelbagai tips kepada graduan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, di samping penglibatan bersama industri, KPT sentiasa berhubung rapat dengan pelbagai kementerian dan agensi bagi mendapatkan input berhubung kebolehpasaran graduan bagi menambah baik modul dan program akademik agar sejajar dengan keperluan guna tenaga negara dan memenuhi kehendak industri. Antara yang dilaksanakan:

- (i) Kajian yang dijalankan oleh TalentCorp;
- (ii) Jalinan kerjasama dengan PERKESO untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan dengan pasaran buruh. Ini diperkukuhkan lagi dengan input daripada Portal MyFutureJobs;
Seterusnya
- (iii) Bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi seperti Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA); *Talentcorp*; *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA), untuk menyemak secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.

KPT dalam Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 turut menekankan elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Ini digariskan dengan jelas di bawah strategi keempat dalam pelan ini yang secara spesifiknya memfokuskan kepada pemerkasaan hubungan industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [SRI GADING]
TARIKH	:	6 DISEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 8

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membendung elaun pelajar latihan industri dibayar rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan 10 Tahun 2011 mengenai Elaun Latihan Amali Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Agensi Kerajaan, pelajar yang sedang menjalani latihan praktikal di agensi-agensi kerajaan dibenarkan menerima bayaran elaun sebanyak RM15 sehari untuk tempoh maksimum tiga bulan. Prihatin terhadap kelangsungan hidup pelajar yang sedang menjalani latihan industri serta sebagai langkah penambahbaikan, Kerajaan telah mula membayar elaun sebanyak RM900 sebulan kepada pelajar yang menjalani latihan industri di sektor awam.

Kementerian ini sentiasa menggalakkan dan menyokong syarikat serta industri untuk menerima pelajar semasa tempoh pelaksanaan latihan industri. Ini bukan sahaja dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dalam persekitaran kerja yang sebenar dan mengasah kemahiran mereka dalam bidang pengajian, malah dapat membantu syarikat dalam mengenal pasti bakat yang boleh diambil bekerja selepas tamat tempoh latihan industri.

Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Belanjawan 2022 yang dibentang pada 29 Oktober yang lalu menyeru pihak swasta untuk turut serta membayar elaun sekurang-kurangnya RM900 sebulan kepada pelajar yang menjalani latihan industri di syarikat atau pun organisasi mereka. Dalam belanjawan yang sama juga, Kerajaan bersetuju untuk memberikan insentif kepada majikan yang menggaji perantis graduan berusia 18 tahun hingga 30 tahun sebanyak RM900 sebulan bagi tempoh enam

bulan.

Selain itu, pendekatan latihan industri yang berstruktur seperti program 2u2i, *Work Based Learning* (WBL) dan *Structured Internship Programme* (SIP) merupakan antara mekanisme inovatif lain yang dilaksanakan oleh KPT dalam menangani masalah elaun pelajar semasa tempoh latihan industri. Ia dapat dicapai melalui persetujuan dan kepentingan bersama (*mutual interest*) yang terjalin antara pihak IPT dengan syarikat menerusi memorandum persetujuan yang menyatakan dengan jelas peranan, fungsi dan tanggungjawab bersama yang dipersetujui, termasuk penetapan elaun pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]
TARIKH	:	6 DISEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 13

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengenal pasti tahap kesihatan mental mahasiswa; dan
- (b) adakah terdapat sebarang bentuk perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi sosial yang telah disediakan kepada mahasiswa yang memerlukan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar, Kementerian melalui IPT menjalankan saringan kesihatan mental menggunakan pelbagai instrumen. Antaranya adalah dengan menggunakan soal selidik *Depression Anxiety Stress Scale (DASS)*. Melalui soal selidik ini, IPT dapat mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar, menyediakan sokongan psikososial dan kaunseling kepada pelajar yang menunjukkan simptom tekanan atau gangguan terhadap kesejahteraan mental.

Di peringkat Kementerian, satu modul Kesihatan Mental Pelajar IPT yang komprehensif telah dibangunkan dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam (MAKUMA) bagi menangani tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini mengandungi maklumat lengkap berhubung dengan instrumen untuk mengenal pasti tahap kesihatan mental pelajar IPT yang boleh diguna pakai oleh Unit Kaunseling di IPT masing-masing.

Dalam hubungan yang sama, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di Universiti Awam turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan

psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental, di mana terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan. Perkhidmatan ini boleh diperolehi secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Dari semasa ke semasa, KPT turut menghebahkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi atau NGO lain, termasuk perkhidmatan kaunseling dan program cakna kesihatan mental supaya pelajar sedar akan bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan mendapat manfaat sepenuhnya menerusi perkhidmatan dan program yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN
[SELANGAU]
TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN : NO. 27

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 bahawa di Sarawak, hanya 13.4% penduduk luar bandar mempunyai pendidikan pengajian tinggi. Apakah punca pencapaian pendidikan yang rendah ini. Apakah strategi yang perlu dilakukan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan bilakah strategi ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa mengambil berat dan komited dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi yang berterusan di seluruh negara termasuklah di Sarawak. Dalam memastikan perkara ini dijayakan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPT. Antaranya termasuklah:

- (i) **Menyediakan laluan khas ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** bagi empat kategori pelajar, iaitu kelainan upaya, kumpulan B40, komuniti Orang Asli dan atlet sukan;
- (ii) **Membuka pengambilan pelajar ke program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET)** di Sarawak dan Sabah; dan
- (iii) Melalui **Program Khas Bumiputera Sarawak.**

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam menambah baik akses kepada pendidikan tinggi bagi rakyat Sarawak seperti akses kepada pendidikan dan latihan yang terhad; kekurangan infrastruktur dan perkhidmatan; cabaran dalam pembangunan inklusif; serta kekurangan kerjasama dan ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan.

Justeru, KPT secara proaktif berusaha menambah baik serta meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi bagi rakyat Sarawak dengan:

- (i) **Meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan serta meningkatkan jaringan kolaborasi industri** bagi membuka peluang pekerjaan yang lebih besar, menambah pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan di Sarawak;
- (ii) **Menyediakan peluang dalam pembangunan modal insan** di mana infrastruktur, peralatan dan program akademik di IPT sedia ada akan ditambah baik dan disesuaikan dengan keperluan setempat bagi memberikan lebih banyak peluang kepada komuniti setempat untuk melanjutkan pengajian ke IPT;
- (iii) **Memperkuh pelaksanaan pembelajaran jarak jauh bagi menambah baik proses dan akses kepada PdP bagi pelajar IPT dan institusi TVET;**
- (iv) **Menggalakkan institusi TVET bekerjasama dengan industri untuk memanjangkan tempoh latihan atau penempatan industri**, agar industri memperoleh tenaga kerja mahir dengan kos yang berpatutan dan pelajar akan mendapat pengalaman bekerja; dan
- (v) **Menaik taraf makmal dan bengkel sedia ada di institusi TVET kepada *Institution-Industry Lab (IIL)*** melalui kaedah pemilikan bersama antara beberapa institusi TVET dan industri terpilih. Penubuhan IIL akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak dari segi pemindahan dan perkongsian pengetahuan, kemahiran dan teknologi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : **6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN : **NO. 28**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jelaskan apakah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan perkongsian antara universiti penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia, dan mengelakkan saingan yang tidak sihat di antara mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menggalakkan perkongsian dan kerjasama antara Universiti Penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia. Dalam hubungan ini, KPT telah **membangunkan sistem penarafan peringkat nasional, iaitu Malaysia Research Assessment (MyRA)**, yang diujarkannya dengan *QS World University Rankings* untuk mengukur peningkatan kualiti IPT.

Antara indikator yang terlibat dalam penilaian penarafan ini ialah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi serta jaringan dan jangkauan. Sistem penarafan ini secara langsung telah meningkatkan daya saing yang sihat antara Universiti Penyelidikan khususnya dalam usaha menghasilkan penemuan yang terbaik dan berkualiti, melalui pewujudan instrumen yang mengambil kira kerjasama antara universiti penyelidikan. Dalam tempoh 2016 hingga 2020, terdapat sebanyak 1,523 kerjasama telah dilaksanakan.

Selain itu, **Kementerian juga telah mewujudkan jalinan kerjasama antara tiga Pusat Kecemerlangan dari IPT berbeza di bawah Program Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)**. Di bawah inisiatif ini, perkongsian kepakaran adalah tidak

tertakluk kepada universiti penyelidikan semata-mata. Langkah ini bagi memantapkan kerjasama antara kumpulan penyelidik dalam penciptaan inovatif dan terkehadapan dalam bidang-bidang strategik. Untuk makluman, aspek jaringan kolaborasi turut dijadikan sebagai salah satu daripada *Key Performance Indicators* (KPI) dalam program KKP bagi memastikan polisi dan ciptaan yang dihasilkan adalah bertaraf dunia dan dapat memberikan impak yang positif kepada komuniti dan negara.

Untuk makluman ahli dewan juga, Program Konsortium ini diwujudkan bagi melatih setiap KKP ke arah mendapat **penarafan *Higher Institution Center of Excellence* (HICoE)**. Penarafan HICoE diluluskan di peringkat KPT untuk memberikan pengiktirafan kepada institut/pusat penyelidikan yang terbaik di Malaysia. HICoE mempunyai KPI yang lebih tinggi termasuk KPI Jaringan Kolaborasi antara universiti. HICoE digalakkan untuk lebih giat menjalankan kerjasama dengan institusi dan agensi luar negara agar penyelidik dapat didedahkan dengan idea-idea baharu dan ciptaan yang lebih kompleks supaya pengetahuan tersebut dapat disumbangkan mengikut keperluan negara.

KKP dan HICoE diberi penarafan mengikut bidang strategik yang telah ditetapkan selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDG). Dalam hubungan ini, proses permohonan yang ketat dijalankan bagi memastikan penarafan diberikan kepada Pusat Kecemerlangan yang benar-benar layak dan berpotensi bagi mengelakkan saingan yang tidak sihat antara Pusat Kecemerlangan. Prestasi KKP dan HICoE juga dinilai secara dwi-tahunan oleh panel penilai yang berkepakaran serta mampu berkongsi idea dan nasihat yang bernas bagi meningkatkan prestasi dalam setiap tempoh pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. LEE BOON CHYE**
[GOPENG]
TARIKH : **6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 33**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pensyarah dan pelajar di IPTA yang masih belum terima vaksinasi COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan Fasa Pembukaan Kampus secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021 yang lalu. Dalam hubungan ini, hanya warga IPT yang telah lengkap dos vaksin dan melepasi tempoh matang vaksinasi dibenarkan kembali ke kampus atau menghadiri sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

Sebagai persiapan awal kepada perkara ini, KPT telah pun memulakan gerakan untuk memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya sejak Ogos 2021. Bagi menjayakan usaha ini, KPT turut mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah memberikan akses secara *walk-in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada IPT sehingga 30 Oktober 2021, seramai 1,101,779 orang daripada keseluruhan populasi IPT telah divaksin sepenuhnya. Walau bagaimanapun, baki seramai 168,000 orang yakni dalam 15 peratus daripada keseluruhan populasi warga IPT masih belum divaksin atas faktor kesihatan dan masih belum bersedia untuk menerima vaksin.

Langkah susulan seperti sesi kaunseling dan taklimat khas yang menjelaskan tentang kepentingan pengambilan vaksin serta penerangan kepada golongan terbabit bahawa

vaksinasi tidak membawa keburukan akan diadakan secara berterusan bagi memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA]
TARIKH	:	6 DISEMBER 2021 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 40

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan rancangan jangka masa panjang bagi kelestarian kewangan PTPTN.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ada menyediakan perkhidmatan menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi. Pada masa ini, model pembiayaan pinjaman yang diguna pakai oleh PTPTN amat bergantung kepada prestasi bayaran balik pinjaman sebagai sumber utama dana untuk membiayai pinjaman sedia ada dan baharu. Dalam hubungan ini, PTPTN dari semasa ke semasa merangka beberapa strategi bagi memastikan kelestarian dana pembiayaan PTPTN. Antaranya adalah:

- (vi) **Memperhebat strategi meningkatkan bayaran balik pinjaman dengan mempelbagaikan saluran strategik dan inovatif.** Bagi maksud ini, pelbagai platform pembayaran disediakan bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran balik. Ini termasuklah melalui kaunter, potongan gaji bulanan, perbankan internet dan secara dalam talian;
- (vii) **Memberikan insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN.** Dalam Belanjawan 2022 pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak **10 hingga 15 peratus** bermula pada 1 November 2021 hingga 30 April 2022 kepada peminjam yang layak;
- (viii) **Melaksanakan perkongsian data dalam kalangan agensi** bagi memperhebat kutipan bayaran balik dalam kalangan mereka yang berada di sektor swasta dan

bekerja sendiri. Bagi maksud ini, kerjasama telah dilaksanakan dengan beberapa buah agensi seperti Jabatan Akauntan Negara (JAN), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan majikan swasta untuk membolehkan para peminjam membuat pembayaran balik melalui potongan gaji;

- (ix) **Menjalin kerjasama strategik dengan kerajaan negeri dalam menjayakan kempen bayaran balik pinjaman.** Terkini, ialah Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Melalui Yayasan Sarawak, peminjam anak Sarawak yang telah membuat bayaran sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman diberikan pengurangan 30 peratus lagi ke atas pinjaman mereka yang masih berbaki; dan
- (x) **Mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan menerusi galakan simpanan pendidikan melalui akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD. RAMLI
[LUMUT]**
- TARIKH** : **6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**
- SOALAN** : **NO. 42**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada IPT Awam akan meneruskan pengajaran dalam talian selepas pandemik COVID-19 pulih serta menggariskan peratusan pembahagian masa antara waktu pengajaran dalam talian berbanding secara fizikal dan kesannya terhadap kos pengajian.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Prosedur Pengoperasian Sektor Pendidikan Tinggi menetapkan agar semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melaksanakan PdP secara hibrid. PdP hibrid menggabungkan kaedah secara bersemuka dan dalam talian. Pendekatan ini membolehkan pelajar di kampus menjalani PdP secara bersemuka dengan pematuhan SOP yang ketat di samping PdP secara dalam talian yang diteruskan bagi kursus yang bersesuaian. Dalam masa yang sama, semua aktiviti PdP secara bersemuka dan berkumpul juga telah dibenarkan.

Dalam hubungan ini, kaedah pembelajaran hibrid didapati bersesuaian dan menyokong pelajar dari pelbagai latar belakang dan keperluan pembelajaran. Jadinya, PdP secara hibrid akan terus dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Bagi peratusan masa, KPT memberikan fleksibiliti kepada IPT untuk menentukan kaedah PdP mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

Berkenaan dengan yuran pula, pada 14 September 2021 yang lalu, KPT telah mengumumkan inisiatif pengurangan yuran sebanyak 20 peratus bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 kepada semua pelajar di Universiti Awam (UA). Inisiatif pengurangan yuran yang melibatkan anggaran nilai berjumlah RM175 juta ini dijangka memberikan manfaat kepada kira-kira 555,340 pelajar warganegara Malaysia di setiap peringkat pengajian bermula dari peringkat Asasi sehingga ke

peringkat Pasca Siswazah. Ia juga turut merangkumi pengajian sepenuh dan separuh masa.

Suka saya kongsi di sini bahawa pengurangan yuran pelajar sebanyak 20 peratus pada kali ini adalah lebih luas kerana ia melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA. Ini meliputi Yuran Pendaftaran, Yuran Pengajian, Yuran Asrama, Yuran Perkhidmatan, Yuran Perpustakaan, Yuran Aktiviti Pelajar, Yuran Alumni, Yuran Kesihatan dan Insurans, Yuran Kebajikan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH	:	9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 14

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan bahawa kualiti graduan tidak terjejas akibat daripada penutupan IPTA yang lama akibat daripada pandemik. Bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa usaha-usaha itu berjaya mencapai matlamatnya.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengambil berat terhadap kualiti graduan dan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya semasa pandemik COVID-19. Bagi memastikan kelangsungan pembelajaran, fokus yang dilaksanakan oleh KPT adalah:

- i. **Penyediaan platform komunikasi yang baik** bagi sesi PdP. Bagi maksud ini, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah mengoptimumkan penggunaan platform *Learning Management System (LMS)*, *Open Educational Resources (OER)*, *Open Course Ware (OCW)*, *Massive Open Online Courses (MOOCs)* untuk memastikan sesi pembelajaran secara dalam talian dapat dijalankan dengan berkesan;
- ii. Dalam konteks untuk memastikan PdP lebih berkesan, maka **Pembangunan kandungan modul pembelajaran yang berkualiti**. Kementerian melalui Unit Jaminan Kualiti di Universiti Awam dan Majlis Ketua Penyelaras e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) memantau secara dekat kualiti modul pembelajaran dalam talian dan keberkesanan sesi PdP yang dijalankan. Penambahbaikan secara berterusan turut dilaksanakan terhadap kandungan dan kaedah penyampaian;

- iii. Dalam suasana pembelajaran berasaskan teknologi, **bantuan kemudahan peranti dan pelan data kepada pelajar secara bersasar** juga telah disediakan oleh pihak Kementerian, IPT dan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR).
- iv. Selain itu, untuk memastikan kualiti pensyarah, **keupayaan dan kemahiran pensyarah mengendalikan sesi PdP ditingkatkan**. Kementerian melalui IPT melaksanakan latihan peningkatan kapasiti secara berterusan kepada pensyarah sepanjang tahun bagi peningkatan kemahiran pengajaran secara dalam talian.
- v. Bagi memberi fleksibiliti kepada IPT berhubung Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan, KPT melalui MQA telah mengeluarkan beberapa garis panduan atau *Advisory Note* berhubung **Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran Semasa dan Pasca COVID-19** iaitu berkaitan dengan Fleksibiliti Pengendalian Program Pendidikan Tinggi semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Garis panduan ini adalah penting untuk memastikan penilaian dan kaedah pembelajaran dapat terus dilaksanakan dengan berkesan tanpa mengabaikan kualiti dan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]
TARIKH	:	9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 16

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebarang jalinan kerjasama antara pihak universiti bersama kumpulan industri bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran siswazah serta padanan pekerjaan dalam pasaran pekerjaan di Malaysia.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewujudkan pelbagai jalinan kerjasama antara pihak industri dan universiti bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran siswazah serta padanan pekerjaan dalam pasaran pekerjaan di Malaysia. Antara program yang telah dilaksanakan dengan jalinan industri adalah:

- i. **Program *Industry@University*** yang bertujuan untuk mewujudkan prasarana dan memperkasa pembelajaran dan penyelidikan menggunakan digital terkini terutamanya berkaitan IR 4.0 disamping perkongsian ilmu, kemahiran dan teknologi terkini dengan agensi kerajaan, industri dan masyarakat;
- ii. **Program *University Revolution Teaching Factory (URTF) MTUN*** pula adalah penjenamaan semula bagi konsep kilang pengajaran (*Teaching Factory*) di mana, sistem pembelajaran akan distrukturkan dengan penjadualan supaya pelajar terlibat secara langsung dalam operasi *Teaching Factory* di MTUN untuk menghasilkan produk tertentu. Dengan ini, pelajar akan didedahkan kepada soft skills seperti pengurusan, penyeliaan, pentadbiran, pemasaran, kewangan yang diperlukan dalam tenaga kerja; dan
- iii. **Program *Makers@University*** adalah bagi mewujudkan ruangan khusus bagi menggarap cetusan idea inovasi dan memberikan peluang serta pengalaman *hands on* kepada mahasiswa IPT dalam melahirkan idea-idea inovatif dan

kreatif. Ruangan ini akan berfungsi sebagai platform untuk bertukar pandangan berkaitan kepelbagaian teknologi melalui medium-medium pemindahan teknologi.

Melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pula, KPT telah menubuhkan Majlis Penasihat Industri yang merupakan platform peneraju kepada industri untuk memberikan maklum balas dan cadangan yang berkaitan dengan penambahbaikan ekosistem TVET.

Selain itu, Kementerian turut melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan melalui Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya melalui Modul *Jobmatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria dan keperluan untuk ditawarkan peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]
TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)
SOALAN : NO. 10

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang dapat dibuat untuk menangani masalah segelintir pelajar universiti yang sanggup mengeluarkan beratus ringgit untuk mengupah sindiket untuk menyelesaikan '*assignment*' yang diberi oleh pensyarah.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian turut memandang serius berkenaan dengan isu pelajar yang dikatakan menggunakan khidmat luar bagi menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Dalam hal ini, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut mempunyai mekanisme tersendiri dalam menangani perkara tersebut. Pihak IPT mempunyai proses dalaman yang ketat dalam mengawal dan menjamin kualiti program akademik masing-masing.

Secara umumnya, penuntut yang didapati menipu dalam menjalankan tugas, sama ada melalui sindiket atau pun tidak, boleh digantung atau dibuang dari IPT jika sabit kesalahan melalui peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 dan peraturan akademik yang sedang berkuatkuasa bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. IPT juga mengeluarkan dasar dan garis panduan dalaman bagi menekankan salah laku akademik termasuk dan tidak terhad kepada perkara berikut antaranya meniru, plagiat, fabrikasi, penipuan dan memberikan maklumat palsu.

Selain daripada itu, pensyarah juga diberikan latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka membina instrumen penilaian (termasuk tugas) yang autentik yang meminimalkan peniruan atau mengupah orang lain membuat tugas seperti penilaian berasaskan kerja lapangan, tugas berasaskan kajian empirikal dan tugas formatif.

IPT boleh menggunakan perisian untuk memeriksa aktiviti plagiat dalam tesis dan dokumen untuk penilaian.

Penglibatan pemeriksa/penilai luar bagi menilai tugas pelajar pada penilaian/pembentangan akhir juga merupakan kaedah yang boleh digunakan bagi mengesan dan mencegah penglibatan aktiviti mengupah orang lain untuk menyelesaikan tugas pelajar.

IPT juga memberi penekanan tentang sikap amanah sebagai satu aspek pembentukan penuntut, selaras dengan pendidikan berasaskan nilai yang dipegang oleh universiti. Sebagai contoh pelajar diwajibkan untuk menandatangani *Academic Integrity Contract* sebelum semester bermula.

Berdasarkan langkah dan tindakan yang dinyatakan, IPT mampu menangani isu pelajar mengupah sindiket untuk menyelesaikan *assignment* yang diberi oleh pensyarah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]
TARIKH	:	16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 15

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status Majlis TVET Negara yang sebelum ini dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri dan apakah hala tujunya di bawah pentabiran Kerajaan pada hari ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 18 Disember 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis ini dianggotai oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), empat (4) orang YB Menteri Kanan, Sembilan (9) orang YB Menteri, tokoh industri dan akademia.

MTVET merupakan agenda untuk memperkasa ekosistem TVET merentasi semua kementerian dan agensi yang melaksanakan TVET. Ia merupakan badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara. Penubuhan MTVET adalah manifestasi Kerajaan dalam usaha untuk mengupayakan sistem TVET negara agar terus kekal relevan dan kompetitif pada tahap yang lebih tinggi.

Setakat ini, enam (6) inisiatif utama MTVET telah diluluskan dan sedang dilaksanakan iaitu:

- i) Merangka model pembiayaan TVET yang lebih mampan;
- ii) Membangunkan polisi untuk menggalakkan penyertaan industri;
- iii) Mewujudkan Pelan Penjenamaan TVET Nasional;

- iv) Menubuhkan TVET *Collaboration Hub*;
- v) Mewujudkan polisi penyelarasan penawaran program TVET; dan
- vi) Membangunkan *One-Stop TVET Data Centre*.

Mesyuarat Majlis TVET Negara Bilangan 2 dijangka akan diadakan dalam masa terdekat. Antara perkara yang dijadual untuk dibincangkan ialah agenda pemerkasaan TVET yang dipacu industri melalui cadangan Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GIC) serta cadangan penarafan tunggal Program TVET. Usaha yang dilaksanakan ini adalah bagi memperkukuh kolaborasi sinergi dengan pelbagai pihak berkepentingan khususnya pemain industri bagi mempertingkatkan kualiti program TVET dan kebolehpasaran graduan.

Agenda pemerkasaan ekosistem TVET negara merupakan agenda utama pembangunan bakat dan tenaga kerja di dalam negara. Justeru, sokongan padu daripada pelbagai pihak adalah sangat diperlukan agar matlamat pembangunan tenaga kerja berkemahiran ini dapat direalisasikan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHANG LIH KANG**
[TANJONG MALIM]
TARIKH : **16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**
SOALAN : **NO. 19**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa Kementerian yang terlibat dengan program TVET dan Kementerian mana yang merupakan Kementerian penyelaras.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis TVET Negara (MTVET) telah lulus penubuhannya pada 18 Disember 2020. Majlis ini berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara serta berperanan menyelaras ekosistem TVET merentasi Kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta industri. Untuk makluman Tuan yang Di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberi mandat untuk menyelaras majlis ini dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dipertanggungjawabkan untuk menjadi urus setia dalam pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat antara kementerian.

Majlis ini menyelaras ekosistem TVET yang terdiri daripada 11 kementerian berkaitan TVET dan 1,295 institusi penyedia TVET seluruh negara yang menawarkan program TVET. Majlis ini telah meluluskan enam (6) inisiatif utama iaitu:

- a) Merangka model pembiayaan mampan;
- b) Membangunkan polisi untuk menggalakkan penyertaan industri;
- c) Mewujudkan Pelan Penjenamaan TVET Nasional;
- d) Menubuhkan TVET Collaboration Hub;
- e) Mewujudkan polisi penyelarasan penawaran program TVET; dan
- f) Membangunkan *One-Stop Data Centre*.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT
TAHUN 2021**

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN
BUKAN LISAN**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**
[PASIR MAS]

SOALAN : **NO. 19**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan yang bergraduat di peringkat Ijazah Sarjana Muda setiap tahun di Malaysia bermula tahun 2018 sehingga kini dan strategi Kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan baru terutama selepas wabak COVID-19 melanda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa musim konvokesyen sepanjang tahun 2018 sehingga 2020 adalah:

- (i) seramai 341,311 orang pelajar telah bergraduasi pada tahun **2018**;
- (ii) 346,686 orang pelajar bergraduasi pada tahun **2019**; dan
- (iii) 18,593 orang pelajar bergraduasi pada tahun **2020**.

Manakala, data bagi bilangan graduan yang telah bergraduat pada tahun **2021**, hanya akan dapat diperolehi seawal bulan Februari 2022. Daripada jumlah pelajar yang telah bergraduasi bagi tahun 2018 sehingga 2020 tersebut, bilangan graduan di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah:

- (i) seramai 139,741 orang pelajar iaitu 40.9 peratus pada tahun 2018;
- (ii) seramai 139,520 orang pelajar iaitu 40.2 peratus pada tahun 2019; dan
- (iii) seramai 131,045 orang pelajar iaitu 41.1 peratus pada tahun 2021.

Walaupun bilangan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi pada tahun 2020 menurun bilangannya berbanding dua tahun sebelumnya, namun dari segi peratusan

keseluruhan mengikut peringkat pengajian, terdapat peningkatan sebanyak 0.9 peratus. Berhubung strategi Kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan baru terutama selepas wabak COVID-19 melanda, kementerian telah menggariskan empat (4) strategi untuk dilaksanakan. Strategi yang dimaksudkan adalah:

- (i) memantapkan pelaksanaan program *reskilling* dan *upskilling*;
- (ii) memudah cara pelajar untuk melanjutkan pengajian;
- (iii) melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja; dan
- (iv) meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]**
SOALAN : **NO. 77**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai terkini nama-nama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah bagi kesemua 20 Universiti-Universiti Awam di Malaysia. Apakah justifikasi Kerajaan membuat lantikan politik ataupun dari kalangan ahli parti politik bagi mengisi jawatan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti-Universiti Awam di Malaysia.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Peraturan (14) (1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30) berhubung kuasa Menteri Pengajian Tinggi dalam urusan pelantikan Lembaga Pengarah Universiti Awam (UA) telah dinyatakan secara jelas seperti butiran berikut:

“Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula.”

Seterusnya, Seksyen 13 (1) Akta 30 juga telah menetapkan komposisi keahlian Lembaga Pengarah Universiti (LPU) hendaklah terdiri daripada:

- a) Pengerusi;
- b) Naib Canselor;
- c) Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
- d) Seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletakinya Universiti itu;
- e) Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli; dan
- f) Lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

Selain itu, melalui pelaksanaan *University Transformation Program* (UniTP) *Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* yang dijadikan sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, turut disentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU serta pencalonan Ahli LPU. Berdasarkan Buku Hijau ini, keahlian LPU disarankan untuk mengambil kira pelbagai faktor seperti meningkatkan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang seperti berikut:

- a) Pengurusan belanjawan dan kewangan;
- b) Audit;
- c) Pengurusan risiko;
- d) Pedagogi;
- e) Penyelidikan;
- f) Penjanaan pendapatan;
- g) Perancangan strategik; dan
- h) Pengalaman industri yang relevan dengan bidang tujuan dan aspirasi Universiti.

Justeru, setiap lantikan ahli LPU dibuat selaras dengan keyakinan kerajaan terhadap kesesuaian latar belakang, ketokohan dan kepakaran calon dalam memenuhi keperluan komposisi di bawah Akta 30 serta keupayaan dalam menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan. Senarai Ahli Lembaga Pengarah bagi 20 Universiti Awam adalah seperti dilampirkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]**
SOALAN : **NO. 89**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai peratusan kemasukan IPTA mengikut kaum dari 2011 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2011 sehingga 2020, kemasukan pelajar warganegara tertinggi adalah pada tahun 2011 iaitu seramai 179,846 pelajar, manakala kemasukan pelajar warganegara terendah adalah pada tahun 2016 iaitu seramai 157,017 pelajar. Bagi data kemasukan pada tahun 2021 pula, sehingga 30 April 2021 menunjukkan sejumlah 30,922 pelajar warganegara masuk ke Universiti Awam (UA).

Kemasukan ke UA mengikut peratusan menunjukkan **pelajar berbangsa Melayu merupakan pelajar paling ramai** dengan purata keseluruhan sepanjang tahun 2011 sehingga 2021 adalah sebanyak **81.9 peratus** diikuti oleh:

- (i) pelajar berbangsa **Cina** sebanyak **6.6 peratus**;
- (ii) pelajar **Bumiputera Sabah** sebanyak **4.6 peratus**;
- (iii) pelajar berbangsa **India** sebanyak **3.3 peratus**;
- (iv) pelajar **Bumiputera Sarawak** sebanyak **2.8 peratus**;
- (v) **lain-lain** kaum sebanyak **0.6 peratus**; dan
- (vi) **orang Asli** sebanyak **0.1 peratus**

Kemasukan pelajar ke Politeknik dan Kolej Komuniti **mengikut peratusan** turut menunjukkan **pelajar berbangsa Melayu merupakan pelajar paling ramai** dengan purata peratusan kemasukan pada tahun 2020 dan 2021 adalah sebanyak 74.9 peratus di Politeknik dan 84.2 peratus di Kolej Komuniti, diikuti oleh:

- (i) pelajar berbangsa **India** sebanyak **10.5 peratus** di Politeknik dan **6.7 peratus** di Kolej Komuniti;
- (ii) pelajar **Bumiputera Sabah** sebanyak **5.1 peratus** di Politeknik dan **4.7 peratus** di Kolej Komuniti;
- (iii) pelajar **Bumiputera Sarawak** sebanyak **5.0 peratus** di Politeknik dan **1.7 peratus** di Kolej Komuniti;
- (iv) pelajar berbangsa **Cina** sebanyak **2.7 peratus** di Politeknik dan **1.5 peratus** di Kolej Komuniti;
- (v) **lain-lain** kaum sebanyak **1.8 peratus** di Politeknik dan **1.1 peratus** di Kolej Komuniti; dan
- (vi) **orang Asli** sebanyak **0.1 peratus** dan **0.2 peratus** di Kolej Komuniti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]

SOALAN : **NO. 125**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah latihan dan agensi penarafan yang sedia ada berperanan sebagai satu pasukan. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan *National Advisory Board Technical Education Malaysia* (NABTEM)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan jaminan kualiti bagi program-program yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia, termasuk program-program di bawah pengiktirafan oleh badan profesional sebagaimana Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*]. Pelaksanaan penilaian akreditasi bagi program-program di bawah seliaan badan profesional dilaksanakan bersama oleh MQA dan badan profesional yang berkaitan melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama selaras dengan peruntukan Seksyen 51, Akta MQA [*Akta 679*]. Sehingga Ogos 2021, terdapat 22 badan profesional yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi tujuan penyelarasan proses kerja akreditasi.

Selain itu, MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut bekerjasama melalui pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET bagi memperkukuhkan sistem akreditasi program TVET secara lebih menyeluruh dan bersepadu. Inisiatif ini dilaksanakan hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 yang melibatkan 3 perkara utama bagi memastikan akreditasi program TVET dilaksanakan secara bersepadu iaitu:

- i. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee, JTC*) Jaminan Kualiti TVET yang bertanggungjawab menyelaraskan dasar dan proses akreditasi program TVET;

- ii. Pemakaian dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK; dan
- iii. Penambahbaikan laluan pendidikan graduan TVET.

Pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan secara berterusan oleh KPT dengan jalinan kerjasama pelbagai Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk memperkukuh kualiti program TVET yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan bakat negara.

Pada masa ini, KPT tiada perancangan berhubung penubuhan *National Advisory Board Technical Education Malaysia* (NABTEM).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**
[SUNGGAI SIPUT]

SOALAN : **NO. 166**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan merujuk kepada kenyataan Menteri Pengajian Tinggi pada 14 September 2021 yang lalu, pengurangan yuran sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara di Universiti Awam bagi pelajar semester 1 sesi 2021/2022. Adakah Kementerian pertimbangkan kadar pengurangan yang sama atau kurang kepada pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) walaupun rata-rata pelajar PJJ sudah bekerja namun ada di kalangan mereka tiada pendapatan tetap dan mempunyai isi rumah yang perlu ditanggung.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat peka dan prihatin dengan beban yang ditanggung oleh pelajar serta keluarga yang terkesan sepanjang lebih setahun pandemik COVID-19 ini melanda. KPT telah mendapat sokongan penuh semua Universiti Awam (UA) dalam menjayakan inisiatif pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 demi kemaslahatan pelajar. Ini adalah selari dengan aspirasi #KPTPrihatin untuk bersama-sama dengan Kerajaan bagi mengurangkan bebanan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Jangkauan pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% kali ini adalah lebih luas berbanding inisiatif sebelum ini memandangkan ianya melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA termasuk yuran pengajian. Semua pelajar warganegara Malaysia di setiap peringkat pengajian bermula dari peringkat Asasi sehingga ke peringkat Pasca Siswazah, secara sepenuh masa dan separuh masa termasuklah para pelajar yang mengikuti pengajian secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) akan memperolehi manfaat pengurangan yuran ini.

Namun demikian, pengecualian ini hanya terpakai bagi mereka yang mendaftar dengan Universiti Awam dan tidak terpakai bagi mereka yang mendaftar di Sayap Perniagaan atau *Private Wing* UA seperti *UPM Education and Training Sdn Bhd* (UPMET), *Universiti Malaya Centre for Continuing Education* (UMCCed) dan UTMSPACE dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
SOALAN : **NO. 224**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini program Sasterawan di universiti dan minta disenaraikan sasterawan-sasterawan tamu di Universiti Awam (UA) sehingga hari ini.

JAWAPAN

Kementerian menerusi Universiti Awam (UA) sentiasa menyokong penuh usaha bagi memartabatkan golongan sasterawan dan menyanjung hasil seni para sasterawan kita. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mewujudkan satu program di universiti awam yang melibatkan penggiat sastera khususnya Sasterawan Negara yang dinamakan program 'Sasterawan di Universiti'. Matlamat utama program ini adalah bagi membolehkan Sasterawan Negara berkongsi ilmu dan pengetahuan berkaitan dengan kesusasteraan dengan warga universiti khususnya mahasiswa.

Pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan Sasterawan Negara dan telah dilaksanakan di UA. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2019 sehingga September 2021, sebanyak 90 program yang melibatkan Sasterawan Negara telah dilaksanakan dengan jayanya oleh UA. Semua inisiatif berterusan dan program yang direncanakan ini adalah bagi menghargai jasa serta sumbangan sasterawan menerusi hasil-hasil nukilan mereka agar terus mekar melangkaui generasi.

Sehingga hari ini, terdapat 20 orang sasterawan dan karyawan yang telah dilantik di UA sama ada sebagai Profesor Adjung, Sasterawan Tamu, Karyawan Tamu, Pensyarah Jemputan dan jawatan-jawatan lain yang bersesuaian. Senarainya adalah seperti yang berikut:

BIL.	UNIVERSITI	NAMA SASTERAWAN/KARYAWAN
1.	USIM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
2.	UTM	YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom
3.	UPNM	YBhg. SN Dato' Dr. Mohd Anuar bin Haji Rethwan
4.	UMS	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
5.	UniMAS	YBhg Datu Dr Haji Adi Badiozaman Tuah
6.	UniSZA	YBhg. Datuk Seri A Samad Said
7.	UTHM	YBhg. Tan Sri Johan Jaaffar
8.	UIAM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
9.	UITM	YBhg. SN Dato' (DR) Baharuddin bin Haji Zainal (Baha Zain)
10.	UM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
11.	UMK	YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Rethwan
12.	UMT	YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan YBhg. Datuk Dr. Zurinah Hassan YBhg. Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh
13.	UniMAP	YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hassan
14.	UPM	YBhg. Datuk Dr. Awang Sariyan Tuan Kee Thuan Chye
15.	UPSI	Prof. Madya Fauzan Bin Omar YBhg. Datuk Seri A Samad Said
16.	USM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh YBhg Datuk Dr. Ahmad Khamal Abdullah (Kemala)
17.	UTeM	YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom
18.	UKM	YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan
19.	UUM	YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hassan
20.	UMP	YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hassan

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN
DR. MAHATHIR [JERLUN]**
- SOALAN** : **NO. 272**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar penempatan pemohon-pemohon kursus-kursus di pusat pengajian tinggi awam melalui sistem *UPU Online* yang diselenggarakan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA:

- (a) mengapa sebahagian pelajar tidak ditawarkan kursus pilihan utama mereka; dan
- (b) adakah pemohon tidak mempunyai pilihan dalam menerima kursus yang telah ditawarkan melalui sistem *UPU Online* itu dan adakah Kementerian menerima dan bertindak atas maklum balas dari majikan-majikan mengenai kursus yang ditawarkan tidak sepadan dengan minat graduan.

JAWAPAN

(a) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyelaras kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda berasaskan prinsip meritokrasi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri. Prinsip meritokrasi yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA adalah berasaskan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).

Pemilihan kemasukan adalah berasaskan dasar, prosedur dan kriteria yang telah ditetapkan. Dasar, prosedur dan kriteria kemasukan ini telah disebar luas secara *online* di laman web rasmi Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA JPT). Hanya pelajar yang telah memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA dan **mendapat merit yang tinggi sahaja akan dipertimbangkan tawaran kemasukan berdasarkan jumlah kekosongan tempat yang disediakan merujuk kepada program pengajian pilihan** mereka semasa membuat permohonan di *UPUOnline*. Kejayaan pelajar ditawarkan program pengajian pilihan mereka juga tertakluk kepada keputusan temuduga bagi program pengajian bertemuduga dan/atau ujian yang dijalankan oleh IPTA dan ILKA.

Pemrosesan pemilihan dilaksana dengan diproses secara teratur:

- i) Calon disusun ikut ranking merit dari yang paling tinggi hingga yang paling rendah
- ii) Proses pemilihan akan dibuat berdasarkan program yang dipilih oleh calon
- iii) Berdasarkan kelayakan calon dan jika tempat masih tersedia, calon akan ditawarkan pilihan pertama
- iv) Jika tempat pengajian telah penuh, permohonan calon akan diproses untuk pilihan program yang seterusnya
- v) Pelajar yang tidak berjaya ditawarkan tempat di IPTA dan ILKA boleh membuat permohonan rayuan. Pelajar yang membuat permohonan rayuan **hanya akan ditawarkan program pengajian luar pilihan sekiranya pelajar bersetuju.**

(b) Tempat pengajian yang ditawarkan adalah berdasarkan pilihan yang dibuat oleh pemohon pada fasa perdana. Pemohon mempunyai 6 pilihan program pengajian yang wajib diisi daripada 12 pilihan program yang boleh diisi semasa mengemukakan permohonan di UPUOnline.

Untuk tujuan pemilihan program, pemohon boleh berpandukan kepada maklumat yang di paparkan di UPUOnline:

1. Kebolehpasaran Graduan
2. Tren Permohonan Dan Tawaran
3. Pentaksiran Psikometrik
4. Kalkulator Merit

Calon juga dimaklumkan dengan jelas bahawa tiada jaminan mendapatkan tawaran program pengajian berdasarkan kepada kedudukan merit semata-mata. Penawaran program pengajian adalah tertakluk susunan merit, pilihan program pengajian, memenuhi syarat am dan khas program pengajian, bilangan tempat yang disediakan, lulus temu duga dan/ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]**
SOALAN : **NO. 279**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peruntukan diberi dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran graduan universiti di negara ini serta langkah-langkah melahirkan graduan-graduan universiti yang menepati kehendak pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA pada tahun 2019 sebagai langkah rangsangan untuk menangani situasi ekonomi negara dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Terdapat 40 inisiatif bernilai RM35 bilion di bawah PENJANA. Daripada jumlah ini, KPT telah diperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi tujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan di bawah Program PENJANA KPT-CAP (*Career Advancement Programme*).

Sebagai usaha untuk mengatasi masalah pengangguran graduan universiti di negara ini serta bagi melahirkan graduan-graduan university yang menepati kehendak pasaran, kementerian melaksanakan lima (5) langkah utama iaitu:

- i. **Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP (*Career Advancement Program*).**
- ii. **Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).**
- iii. **Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*.**
- iv. **Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.**
- v. **Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**
[SETIAWANGSA]
SOALAN : **NO. 291**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang jumlah pinjaman dan jumlah peminjam PTPTN setiap tahun antara 2010-2021.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod, jumlah pelajar yang telah mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak tahun 2010 sehingga 31 Oktober 2021 adalah seramai 2,353,185 peminjam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM58.25 bilion. Perincian terperinci adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	BILANGAN PEMINJAM (DILULUSKAN PINJAMAN)	AMAUN PERUNTUKAN (RM'JUTA)
2010-2015	1,368,699	34,471.14
2016	190,776	4,583.90
2017	171,310	4,206.54
2018	187,196	4,603.31
2019	177,610	4,169.26
2020	150,567	3,593.22
2021 (sehingga Oktober)	107,027	2,626.68
KESELURUHAN	2,353,185	58,254.05

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]**
SOALAN : **NO. 344**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah hala tuju bagi pelajar yang mempelajari bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional memandangkan hanya beberapa universiti setaraf Sarjana Muda sahaja yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam perkembangan program TVET di Politeknik seiring Lonjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) ke arah penghasilan graduan TVET berkualiti. Umumnya penubuhan Politeknik adalah bagi menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf.

Dalam konteks ini, graduan TVET merupakan golongan belia yang bakal menyumbang tenaga kerja bagi memenuhi permintaan industri serta memacu pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti, institusi TVET perlu mengambil langkah strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui penambahbaikan kompetensi tertentu yang boleh memberi kelebihan daya saing dalam bidang teknikal dan kemahiran insaniah.

Oleh itu, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 30 Januari 2019 telah bersetuju dengan cadangan Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education dan Training*, TVET) bagi menambahbaik laluan pendidikan graduan TVET melalui sembilan (9) prinsip artikulasi TVET.

Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga telah menjalankan kerjasama artikulasi program Diploma Politeknik ke Program Ijazah Sarjana Muda dengan *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang

memberikan akses kepada graduan Politeknik untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang TVET. Kerjasama ini dilihat dapat menyokong dan memenuhi keperluan industri yang memerlukan tenaga kerja mahir dalam bidang ini pada tahap yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**
SOALAN : **NO. 371**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana sasaran oleh Kementerian yang mengunjurkan 100 peratus kakitangan dan pelajar IPT yang boleh mendapat vaksin dan berdaftar dengan MySejahtera, akan menerima vaksin lengkap menjelang hujung Oktober ini telah tercapai.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah pun memulakan gerakan dalam memastikan semua warga IPT divaksinasi sepenuhnya sejak Ogos 2021. Malah keputusan Kementerian untuk melaksanakan Fasa Pembukaan Kampus (FPK) secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021 mengikut kalendar akademik IPT masing-masing **tertakluk kepada pelajar telah lengkap dos vaksin dan melepasi tempoh matang vaksinasi** membuktikan komitmen Kementerian dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga IPT.

Pada masa yang sama, Kementerian turut menghargai keputusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan akses secara *walk in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021 bagi memastikan keseluruhan warga IPT divaksinasi sepenuhnya sebelum pulang ke kampus.

Bagi mengukuhkan lagi komitmen Kementerian dalam memastikan 100 peratus warga IPT yang boleh mendapat vaksin dan berdaftar dengan MySejahtera, akan menerima vaksin lengkap sepenuhnya, perkara ini telah dijadikan sebagai KPI 100 hari Menteri Pengajian Tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada IPT, sehingga 30 Oktober 2021, seramai 1,101,779 orang daripada keseluruhan

populasi IPT telah divaksin sepenuhnya. Walau bagaimanapun, baki seramai 168,000 orang yakni dalam 15% dari keseluruhan populasi warga IPT masih belum divaksin atas pelbagai faktor seperti kesihatan atau masih belum bersedia untuk menerima vaksin.

Langkah susulan seperti sesi kaunseling dan taklimat khas yang menjelaskan tentang kepentingan pengambilan vaksin serta memberi penerangan kepada golongan terbabit bahawa vaksinasi tidak membawa keburukan akan diadakan secara berterusan bagi memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**
- SOALAN** : **NO. 374**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah siswa yang perlu melanjutkan tempoh pembelajaran di Universiti Awam dan tidak dapat menamatkan pembelajaran dalam tempoh masa yang sewajarnya akibat kekangan pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Jumlah siswa yang perlu melanjutkan tempoh pembelajaran di Universiti Awam dan tidak dapat menamatkan pembelajaran dalam tempoh masa yang sewajarnya akibat kekangan pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19 berdasarkan peringkat pengajian pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Jumlah	
	Tahun 2020	Tahun 2021
Ph.D	4,043	2,084
Sarjana	5,096	2488
Ijazah	3,099	3,801
Lain-Lain	244	290
JUMLAH	12,482	8,663

KPT sentiasa mengambil berat dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir di dalam pengajian mereka. Dalam hal ini KPT mengambil langkah yang bersesuaian bagi mengenalpasti pelajar yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan PdP. Antaranya ialah dengan memberikan IPT fleksibiliti dalam menentukan kaedah PdP serta pentaksiran dan penilaian yang bersesuaian. Selain itu, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di UA turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental. Terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi yang bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan melalui perkhidmatan yang diadakan secara fizikal di

kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Selain itu, KPT turut mencadangkan pelaksanaan inisiatif baharu iaitu KPT IKHSAN yang merupakan program bantuan kewangan secara *one-off* kepada pelajar IPT yang memerlukan seperti bantuan permulaan pengajian, bantuan peranti dan pelan data, bantuan melangsaikan yuran-yuran tertunggak dan sebagainya. Sekiranya dipersetujui oleh Kementerian Kewangan kadar baharu dan inisiatif ini akan berkuat kuasa pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**
- SOALAN** : **NO. 397**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang kelayakan tenaga pengajar program TVET yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta. Apakah latihan-latihan pemerksaan kemahiran yang disediakan kepada tenaga pengajar yang sedia ada untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang teknikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sangat komited dalam menyediakan tenaga pengajar yang kompeten dan berkemahiran untuk penyampaian pengajaran dan latihan TVET kepada para pelajar dengan lebih berkesan.

Oleh itu, peningkatan kemahiran tenaga pengajar dilaksanakan secara berterusan bermula daripada lantikan jawatan dibuat bagi meningkatkan kemahiran tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti. Dalam hal ini, terdapat dua (2) jenis latihan yang disediakan oleh JPPKK iaitu:

- (i) **Latihan peningkatan kompetensi** yang terdiri daripada:
- **Program Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi (KIPA)** melibatkan tenaga-tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti yang baharu dilantik dan tidak mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan; dan
 - **Program *Refresher*** melibatkan PPPT yang baharu ditempatkan semula di Politeknik atau Kolej Komuniti sebagai tenaga pengajar setelah lama

menyandang jawatan pengurusan dan tidak terlibat secara langsung dengan proses pembelajaran dan pengajaran.

- (ii) **Latihan peningkatan kompetensi mengikut bidang pengkhususan.** Bagi tujuan ini, pensyarah digalakkan menjalani sangkutan industri untuk mendapatkan kemahiran berkaitan teknologi terkini dan amalan baik yang diamalkan di industri. Di samping itu, Jabatan turut menekankan elemen pensijilan profesional mengikut keperluan dari semasa ke semasa kepada pegawai-pegawai dalam bidang tumpuan iaitu teknologi 4IR dan pendigitalan seperti *electric vehicle, immersive technology, artificial intelligence (AI)* dan *Internet of Things (IoT)*.

Sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lalu, seramai 594 tenaga pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti telah mengikuti latihan sangkutan industri di syarikat swasta dan agensi kerajaan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]
SOALAN : NO. 425

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah bilangan penerima ijazah yang masih belum mendapat kerja untuk setiap tahun 2016 - 2021 dan nyatakan punca-punca yang menyebabkan masalah tersebut berterusan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi setiap tahun bagi tempoh enam bulan selepas bergraduat, bilangan penerima ijazah yang masih belum mendapat kerja dari tahun 2016 hingga 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Belum Bekerja
2016	32,219
2017	31,759
2018	31,511
2019	20,365
2020	19,135
2021	Data rasmi akan dilaporkan pada 1 Mac 2022

Menurut kajian '*A Study on the Impact of the COVID-19 Pandemic to Graduate Employability*' oleh Malaysian Institute of Economic Research (MIER), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kadar kebolehpasaran graduan seperti:

- i. keadaan ekonomi negara;
- ii. inisiatif kerajaan bagi menggalakkan sektor ekonomi;
- iii. kadar pengangguran; dan
- iv. kadar penyertaan tenaga buruh.

Oleh yang demikian, unjuran kadar kebolehpasaran graduan bagi tahun 2021 hingga 2025 telah dibuat dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut seperti berikut:

- i. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2020 telah mencapai 5.6 peratus dan dijangka meningkat sehingga 6.7 peratus pada tahun 2025;
- ii. Penurunan kadar pengangguran daripada 5.1 peratus pada suku kedua 2020 kepada 4.8 peratus pada suku keempat tahun 2020. Kadar ini dijangka terus menurun sehinggalah mencapai 3.5 peratus pada tahun 2025;
- iii. Peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh yang dijangka meningkat sehingga 70 peratus pada tahun 2025; dan
- iv. Pelaksanaan inisiatif kerajaan seperti penubuhan Majlis Pekerjaan Negara (NEC), Majlis TVET Negara (MTVET), Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025 dan transformasi program akademik dengan penglibatan industri yang membantu mengukuhkan proses pembelajaran pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**
SOALAN : **NO. 473**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar telah mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak 5 tahun yang lalu. Adakah jumlah tersebut semakin meningkat atau menurun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan pelajar yang telah mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak 5 tahun yang lalu, iaitu bermula tahun 2017 sehingga 30 September 2021 adalah seramai **746,801 orang**. Perincian maklumat tersebut adalah sebagaimana jadual berikut:

TAHUN	BILANGAN KELULUSAN PINJAMAN
2017	171,310
2018	187,196
2019	177,610
2020	150,567
2021 (sehingga September)	60,118
KESELURUHAN	746,801

Dari segi tren kelulusan pinjaman, berlaku penurunan pada tahun 2020 di mana bilangan kelulusan pinjaman berkurangan kepada 150,567 peminjam berbanding seramai 177,610 peminjam pada tahun 2019. Dijangkakan, tren penurunan ini akan berterusan pada tahun 2021 di mana sehingga 30 September 2021, hanya seramai 60,118 peminjam telah diluluskan pinjamannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**
SOALAN : **NO. 474**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peratus peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sudah membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. Berapa jumlah peminjam tidak pernah membuat bayaran dan apa sebabnya.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2021 seramai 2,424,009 peminjam telah menamatkan pengajian dan patut mula membayar balik pinjaman mereka. Namun demikian, daripada jumlah tersebut **seramai 1,884,725 peminjam iaitu 77.75% telah membuat bayaran balik**; di mana 751,216 peminjam telah menyelesaikan pinjaman; 427,861 peminjam sedang membuat bayaran balik secara konsisten mengikut jadual bayaran balik; dan 705,648 peminjam membuat bayaran balik namun secara tidak konsisten. Walau bagaimanapun, masih terdapat seramai **539,284 peminjam iaitu 22.25% tidak pernah membuat bayaran balik**.

Berdasarkan persekitaran ekonomi semasa, penularan wabak Covid-19 sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada sumber pendapatan peminjam serta keupayaan graduan baharu untuk mendapatkan pekerjaan atau pendapatan yang stabil yang secara langsung memberi kesan kepada prestasi bayaran balik pinjaman mereka.

Kementerian amat prihatin terhadap kekangan yang dihadapi oleh peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik pinjaman akibat pandemik COVID-19. Atas keprihatin itu, Kementerian telah menangguhkan pembayaran balik semua pinjaman PTPTN sehingga Disember 2020 dengan jumlah keseluruhan anggaran penangguhan bayaran balik sebanyak RM1.125 billion. Seterusnya, atas tanggungjawab serta keprihatinan kerajaan bagi membantu meringankan bebanan peminjam berikutan pandemik Covid-

19 yang berterusan, Kerajaan telah memanjangkan inisiatif penangguhan bayaran balik pinjaman kepada peminjam PTPTN yang terkesan pada tahun 2021 seperti berikut:

- i) Penangguhan Khas Bayaran Balik Pinjaman selama tiga (3) bulan kepada peminjam yang terkesan di antara Januari hingga Mei 2021 yang telah memanfaatkan seramai 41,385 peminjam; dan
- ii) Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman (PKP3.0) selama tiga (3) bulan kepada peminjam yang terkesan di antara Jun hingga Oktober 2021 yang telah memanfaatkan seramai 48,279 peminjam.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT
TAHUN 2021**

WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **WAKTU PERTANYAAN MENTERI**
DARIPADA : **TUAN WONG HON WAI**
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : **2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**
SOALAN : **NO. 2**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah graduan yang tamat pengajian di bidang Fakulti Perubatan dan Fakulti Undang-undang IPTA dan IPTS pada tahun 2020-2021 dan sama ada angka ini melebihi keperluan pasaran kerja dan apakah strategi untuk memastikan satu imbalan yang sihat antara keperluan dan permintaan pasaran kerja dan aspirasi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2020, seramai 2,967 orang graduan perubatan telah dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi dalam negara. Jumlah ini merangkumi 958 orang graduan daripada universiti awam dan 2,009 orang graduan keluaran institusi pendidikan tinggi swasta.

Pelan Strategik KKM 2016-2020 menetapkan sasaran nisbah doctor perubatan Kerajaan Persekutuan, penduduk di Malaysia menjelang tahun 2025 adalah sebanyak 1:400. Bagi mencapai nisbah tersebut, purata keperluan tambahan setiap tahun adalah seramai 4,000 orang. Dengan merujuk kepada statistik sedia ada, keluaran graduan perubatan tempatan berada di bawah unjuran keperluan KKM.

Walau bagaimanapun, di bawah Akta Perubatan 1971, semua graduan perubatan termasuk dari luar negara wajib mendaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia untuk menjalani khidmat wajib. Bagi memastikan satu imbalan yang sihat antara keperluan dan permintaan pasaran kerja dan aspirasi negara, KPT dari semasa ke semasa memantau pengambilan pelajar Sarjana Muda Perubatan yang kini ditetapkan berdasarkan kepada kapasiti IPT dan tertakluk kepada kuota yang ditetapkan oleh pihak Majlis Perubatan Malaysia.

Dalam hal ini, berikut adalah antara langkah yang telah diambil oleh KPT. Pertama, melaksanakan penilaian kapasiti pengambilan pelajar perubatan di IPT setiap lima tahun. Ini dilaksanakan berdasarkan penilaian yang ketat oleh MQA dengan tujuan untuk memastikan jumlah pengambilan pelajar yang munasabah mengikut keperluan semasa negara. Ketika ini kapasiti pengambilan pelajar perubatan di IPT dalam negara adalah berdasarkan kuota sedia ada iaitu sebanyak 4,820 orang pelajar bagi semua IPT.

Keduanya pula memperkemas mekanisme kelulusan perubahan fakulti dan penawaran program baharu perubatan. Melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Program Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi turut dianggotai oleh wakil KKM, Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Dekan Perubatan, Majlis Dekan Pergigian dan MQA.

Jawatankuasa ini berperanan menilai semula permohonan-permohonan baharu. Bagi maksud program undang-undang pula, pada tahun 2020, seramai 1,704 orang graduan telah dikeluarkan oleh IPT tempatan. Ini merangkumi 1,098 orang graduan universiti awam dan 606 orang graduan IPTS.

Suka juga saya hendak kongsi di sini bahawa ketika ini, moratorium program undang-undang yang telah dilaksanakan hampir 15 tahun masih lagi berkuat kuasa. Secara relatifnya, ratio nisbah peguam kepada penduduk di Malaysia adalah selaras dengan nisbah peguam kepada penduduk di beberapa negara lain.

Berdasarkan Laporan Kajian Semakan Semula Moratorium Undang-undang pada tahun 2017, UK yang mempunyai penduduk seramai 63.74 juta orang mempunyai nisbah peguam kepada penduduk sebanyak 1:500, Korea pula 1:3,891 sementara Singapura pula 1:1,203. Berdasarkan unjuran peningkatan penduduk negara ini, seorang peguam berkhidmat kepada 1,305 penduduk pada tahun 2020 berbanding dengan 1:1,857 pada tahun 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPT sedang menjalankan kajian impak dan hala tuju pengajian undang-undang di Malaysia bagi meneliti impak moratorium ke atas graduan undang-undang serta mengenal pasti cadangan penambahbaikan bagi memantapkan lagi penawaran program undang-undang.

Sekian, terima kasih.

